sejarah
KEDAH

HAJI BUYONG ADIL



sejarah
KEDAH

SIRI SEJARAH NUSANTARA

sejarah
KEDAH

oleh
HAJI BUYONG ADIL

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1980

KK. 791-2383 0101

diselenggarakan oleh

SHAARI BIN YUSOF
BAHAGIAN BUKU PELAJARAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

CETAKAN PERTAMA 1981

Di cetak oleh
Percetakan Adabi Sdn. Bhd.
26, Persiaran Za'ba
Taman Tun Dr. Ismail
Kuala Lumpur
HARGA $4.50

KATA PENGANTAR

SEJARAH KEDAH ialah sebuah lagi buku sejarah yang diterbitkan di bawah SIRI SEJARAH NUSANTARA. Sehingga ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku Sejarah Perak, Sejarah Selangor, Sejarah Melaka, Sejarah Johor, Sejarah Pahang, Sejarah Trengganu, dan Sejarah Sarawak yang ditulis oleh Allahyarham Tuan Haji Buyong Adil.

Saya mengucapkan tahniah di atas usaha dan minat Allahyarham Tuan Haji Buyong Adil yang semasa hayatnya begitu tekun menyusun dan mengarang siri buku-buku Sejarah bagi negeri-negeri di Malaysia.

Buku Sejarah Kedah ini menceritakan tentang asal negeri Kedah dan salasilah Raja-raja dan pembesarnya. Pengarang juga menyentuh tentang hubungan Kedah-Siam dan Kedah-Inggeris pada awal kurun kesembilan belas. Dengan terbitnya buku ini bererti telah menambahkan lagi buku-buku Sejarah tanah air yang ditulis oleh pengarang tempatan.

DATUK HAJI HASSAN AHMAD
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

14 Julai 1980

KANDUNGAN Muka Surat

BAHAGIAN PERTAMA

KEDAH SEBELUM KEDATANGAN RAJA-RAJA DARI NEGERI PARSI

Sebelum negeri Kedah didatangi oleh raja-raja dari negeri Parsi, iaitu nenek-moyang raja-raja negeri Kedah sekarang ini, dalam negeri itu telah ada dua orang ketua orang Melayu bernama Tun Derma Dewa dan Tun Perkasa. Pada masa itu telah ramai juga orang-orang Siam dan Burma datang dan tinggal di Kedah. Mereka telah bercampur-gaul dan nikah-kahwin dengan orang Melayu yang ada di negeri Kedah. Pada masa itu negeri Kedah disebut namanya "Qalha". Dalam bahasa Sanskrit ia disebut "Kataha" ; orang Tamil menyebutnya "Kadaram" atau "Kidaram" dan orang Cina pula menyebut namanya "Kie-te'a" atau "Cieh-c'a". Qalha mengandungi empat buah daerah iaitu Kuala Qilah (Kuala Sungai Merbuk sekarang), Kuala Bahang (Kuala Kedah sekarang), Kuala Merpah (di Pulau Panjang dekat Perlis sekarang) dan Kuala Bara (dekat sempadan Perlis sekarang).

KEDAH SEBELUM KEDATANGAN AGAMA ISLAM

1. MAHARAJA DERBAR RAJA I

Pada zaman dahulu, lebih kurang pada tahun 630, seorang raja di negeri Gumarun di Negeri Parsi bernama Maharaja Derbar Raja telah dikalahkan dalam satu peperangan oleh Raja Parsi. Maharaja Derbar Raja keluar meninggalkan negeri Parsi pergi ke Sri Lanka, dan dari Sri Lanka akhirnya ia sampai ke Kuala Sungai Qilah. Maharaja Derbar Raja masuk ke negeri itu lalu bertemu dengan Tun Derma Dewa dan Tun Perkasa, ketua Orang Melayu di Kedah. Oleh sebab baik budi dan kelakuannya, Maharaja Derbar Raja telah dilantik oleh Tun Derma Dewa dan Tun Perkasa menjadi Raja di negeri Kedah, dan dialah Raja yang pertama di

negeri itu.

Apabila Maharaja Derbar Raja menjadi Raja Kedah, baginda mendirikan sebuah kota dan ibu negeri kerajaannya di ulu negeri itu. Ibu negeri baginda dinamakan "Langkasuka". Baginda serta Tun Derma Dewa dan Tun Perkasa mengatur Orang besar-besar bagi menjalankan pemerintahan dan pentadbiran di negeri Kedah. Kota "Langkasuka" didirikan oleh Maharaja Derbar Raja pada tahun 634 (sekarang tempat itu terletak dalam Mukim Sik). Pada masa Maharaja Derbar Raja menjadi raja Kedah, alat kebesaran yang baginda bawa bersama dari negeri Parsi dijadikan alat kebesaran baginda di negeri Kedah. Alat-alat kebesaran itu ialah semambu yang disebut namanya "Maha Guru", negara (sejenis gendang) dan nafiri (sejenis serunai). Di samping itu ada dua buah gendang, dua buah serunai (sebuah besar dan sebuah kecil), dua buah gong (besar dan kecil), menjadikan semuanya berjumlah sembilan buah alat perkakas dan dinamakan NOBAT.

2. MAHARAJA DIRAJA PUTRA

Setelah beberapa lama memerintah di Langkasuka, ibu negeri Kedah, Maharaja Derbar Raja I pun mangkat. Seorang puteranya dilantik menggantikannya menjadi Raja Kedah yang kedua, bergelar Maharaja Diraja Putra.

Maharaja Diraja Putra itu sangat mengambil berat hal ehwal dalam negeri baginda. Baginda telah berjalan melawat ke merata-rata tempat dalam negeri Kedah dan mendirikan sebuah kota dan bandar yang baharu dan dinamakan baginda "Kota Bandar" (dalam daerah Baling sekarang). Baginda berpindah bersama Orang besar-besar Kedah dari Kota Langkasuka bersemayam ke Kota Bandar.

Tidak lama selepas itu Maharaja Diraja Putra membuka sebuah bandar baharu dan bandar ini dinamakan baginda Sidin (atau Sidim, sekarang terletak dalam daerah Kulim). Pada masa itu selalulah baginda berulang-alik antara Kota Bandar dengan Sidin. Maharaja Diraja Putra ini mempunyai dua orang putra bernama Maha Dewa dan Maha Sura.

3. MAHARAJA MAHA DEWA I

Setelah lama memerintah di negeri Kedah, Maharaja Diraja Putra pun mangkat. Orang besar-besar negeri Kedah telah melantik puteranya Maha Dewa menjadi Raja Kedah yang ketiga, bergelar Maharaja Maha Dewa I dan baginda bersemayam di Kota Bandar juga. Tidak beberapa lama memerintah, baginda pun pindah dari Kota Bandar dan bersemayam ke Sidin. Kota Bandar diberikan kepada adinda baginda

Maha Sura.

Maharaja Maha Dewa I ialah seorang raja yang adil dan bijaksana dalam menjalankan pemerintahan. Oleh sebab itu ramailah orang dari luar negeri datang dan membuat kampung halaman mereka di negeri Qalha. Pada masa baginda memerintah itu Sungai Qilah di negeri Kedah dinamakan Sungai Babur. Sungai ini digunakan oleh perahu-perahu bumiputera Kedah (Orang Melayu) yang tinggal di kiri kanan sungai itu. Tiada berapa lama bersemayam di Sidin, Maharaja Maha Dewa pun membuka suatu tempat lain pula, dan di keliling tempat itu dibina kubu dan di atas kubu itu ditanam pokok-pokok buluh. Tempat itu dinamakan baginda Kota Ok (dalam Mukim Sok di daerah Sik sekarang. Ok ialah bahasa Siam, ertinya buluh).

Setelah siap didirikan Kota Ok, Maharaja Maha Dewa I pun pindah dari Sidin bersemayam ke Kota Ok, dan Kota Ok pula menjadi ibu negeri Qalha. Maharaja Maha Dewa I mempunyai seorang putera bernama Maha Karna dan seorang puteri bernama Maha Puteri.

4. MAHARAJA KARNA DIRAJA

Setelah mangkat Maharaja Maha Dewa I, puteranya Maha Karna dilantik menjadi Raja Kedah yang keempat, bergelar Maharaja Karna Diraja. Baginda bersemayam di Kota Ok juga. Maharaja Karna Diraja berusaha menjalankan pemerintahan negeri. Baginda telah berperahu hilir ke Kuala Babur (kuala Sungai Babur) lalu ke laut dan singgah di beberapa buah pulau dalam daerah negeri Kedah. Baginda telah sampai ke Pulau Langkawi dan bersemayam di pulau itu selama lebih kurang sebulan. Dari situ baginda melawat ke Kuala Merpah dan Kuala Bara (dalam Pulau Panjang sekarang). Pendeknya, tiap-tiap tahun selalulah sahaja baginda melawat dan melihat tempat-tempat dalam negeri Kedah.

Pada masa Maharaja Karna Diraja memerintah Kedah, baginda telah mendirikan sebuah bandar dan kota yang baharu dinamakan Kota Arung-Arungan. Baginda pun berpindah dari Kota Ok bersemayam ke Kota Arung-Arungan dan bandar inilah pula menjadi ibu negeri Kedah.

Maharaja Karna Diraja mempunyai seorang putera yang bernama Maha Kerma dan seorang puteri bernama Maha Puteri. Pada masa itu orang-orang Siam, Ligor, Cina, Burma dan Pegu telah bertambah ramai datang dan membuat tempat kediaman di Kedah. Di antara mereka itu ada yang berniaga, bercucuk tanam dan ada yang membuat kelian (melombong bijih timah). Dagangan dari luar negeri terutama dari India dan Burma telah dibawa masuk ke Kedah. Oleh sebab itu Kota Arung-Arungan pun bertambah ramai dan masyhur.

5. MAHARAJA KERMA

Setelah mangkat Maharaja Karna Diraja, puteranya Maha Kerma dilantik menjadi Raja Kedah yang kelima, bergelar Maharaja Kerma. Baginda bersemayam di Kota Arung-Arungan. Maharaja Kerma menitahkan Orang besar-besar baginda mendirikan sebuah kota dan bandar baharu yang dinamakan Bandar Bukit Meriam iaitu dalam daerah Kuala Muda sekarang. Pada masa itu, kota Arung-Arungan dan Bandar Bukit Meriam ialah bandar yang besar dan mempunyai penduduk yang ramai. Orang Siam, Ligor, Burma dan Pegu ramai datang ke bandar itu, bercampur gaul dan nikah-kahwin dengan orang-orang Melayu Kedah.

Maharaja Kerma beroleh seorang putera dan seorang puteri. Putera baginda bernama Maha Dewa dan puteri baginda bernama Maha Puteri. Pada masa pemerintahan baginda ini sebatang sungai dikorek dari tempat yang bernama Batang Pasir melalui pinggiran Kota Arung-Arungan terus ke laut dan sungai itu dinamakan Sungai Kuala Muda (dalam Daerah Kuala Muda). Maharaja Kerma menjalankan pemerintahan dengan baik dan mengambil berat serta berikhtiar membaiki kehidupan rakyat. Baginda pandai mengambil hati orang-orang dagang yang datang ke negeri Kedah.

6. MAHARAJA MAHA DEWA II

Setelah mangkat Maharaja Kerma, puteranya Maha Dewa dilantik oleh Orang besar-besar negeri Kedah menjadi Raja Kedah yang keenam, bergelar Maharaja Maha Dewa II. Baginda bersemayam di Kota Arung-Arungan juga. Maharaja Maha Dewa II telah menjalankan pemerintahan dengan baik dan selalu melawat pulau-pulau dalam daerah negeri Kedah serta istana di Bukit Meriam. Baginda telah membuka sebuah taman yang indah di atas sebuah bukit yang dinamakan baginda Bukit Puteri (dalam Mukim Bukit Meriam dekat Sungai Merbuk). Taman Bukit Puteri itu telah diberikan kepada adinda baginda Maha Puteri. Maharaja Maha Dewa II ini beroleh dua orang putera; seorang dinamakan Maha Derma dan seorang lagi Maha Putera.

7. MAHARAJA DERMA RAJA

Setelah Maharaja Maha Dewa II mangkat, Orang Besar-besar Qalha pun melantik puteranya Maha Derma menjadi Raja Kedah yang ketujuh bergelar Maharaja Derma Raja. Baginda bersemayam di Kota Arung-Arungan juga. Pada masa Maharaja Derma Raja memerintah negeri Qalha, baginda telah memerintahkan rakyat baginda membuka tempat

dan kampung halaman di kawasan antara Kota Arung-Arungan dan Bukit Puteri hingga sampai ke Sungai Babur. Di tepi Sungai Babur, dekat sebuah bukit di situ, didirikan sebuah penjara bagi memenjarakan orang-orang salah. Bukit itu disebut namanya Bukit Penjara.

Maharaja Derma Raja telah mendirikan sebuah kota dan istana baharu di Bukit Meriam lalu berpindah dari Kota Arung-Arungan bersemayam ke istana Bukit Meriam. Kota Arung-Arungan diberikan kepada adinda baginda Maha Putera. Maharaja Derma Raja ini mempunyai seorang putera bernama Maha Jiwa. Pada masa pemerintahan Maharaja Derma Raja inilah angkatan perang Raja Tenang Sari dari negeri Tenang Sari (Tennaserim), bangsa Burma menyerang negeri Kedah lalu berperang dengan angkatan perang kerajaan Kedah yang dipimpin oleh Maha Putera. Peperangan itu telah berlaku di Padang Jangam (Padang Besar di sempadan negeri Perlis sekarang). Raja Ligor telah datang membantu Maha Putera berperang melawan angkatan Raja Tenang Sari itu. Setelah setahun lamanya berperang, angkatan Raja Tenang Sari itu pun dikalahkan oleh Maha Putera yang dibantu oleh Raja Ligor.

Setelah selesai berperang mengalahkan Raja Tenang Sari itu, Maharaja Derma Raja pun menghantar "Bunga Mas" dan "Bunga Perak" kepada Raja Ligor sebagai hadiah membalas jasa Raja Ligor yang telah membantu Maha Putera mengalahkan angkatan Raja Tenang Sari itu. Setelah menerima hadiah daripada Maharaja Derma Raja, Raja Ligor pun menghantar utusan kepada Maharaja Derma Raja menyatakan terima kasihnya atas hadiah "Bunga Mas" dan "Bunga Perak" dari Raja Kedah. Dalam pada itu, Raja Ligor telah meminta Raja Kedah menghantar "Bunga Mas" dan "Bunga Perak" kepadanya (Raja Ligor) tiap-tiap tiga tahun sekali sebagai tanda persahabatan. Permintaan Raja Ligor telah dipersetujui oleh Raja Kedah. Setelah memerintah Kedah sekian lama Maharaja Derma Raja pun mangkat di istana baginda di Bukit Meriam.

8. MAHARAJA MAHA JIWA

Apabila Maharaja Derma Raja mangkat, puteranya Maha Jiwa dilantik menjadi Raja Kedah yang kelapan bergelar Maharaja Maha Jiwa. Baginda bersemayam di istana Bukit Meriam juga. Semasa Maharaja Maha Jiwa menjadi Raja baginda telah melantik beberapa orang menjadi ketua memerintah di Pulau Langkawi, Du'ai (Tanjung Dawai sekarang), Kuala Merpah dan Kuala Bara.

Maharaja Maha Jiwa beroleh dua orang putera dan dua orang puteri. Putera baginda bernama Maha Derbar dan Maha Karna (puteri baginda

itu tidak diketahui namanya). Setelah beberapa lama memerintah Kedah, Maharaja Maha Jiwa pun mangkat di istana baginda di Bukit Meriam.

9. MAHARAJA DERBAR RAJA II

Setelah mangkat Maharaja Maha Jiwa, puteranya Maharaja Derbar dilantik menjadi Raja Kedah yang kesembilan, bergelar Maharaja Derbar Raja II dan bersemayam di Bukit Meriam juga.

Pada permulaan baginda memerintah, Sungai Babur di negeri Kedah dinamakan orang Sungai Merbuk. Maharaja Derbar Raja selalu berangkat melawat ke bahagian selatan negeri Kedah. Baginda pernah singgah dan berkelah di Sungai Pinang dan lain-lain pulau di laut negeri Kedah. (Sungai Pinang yang disebutkan ini boleh jadi tempat yang bernama Sungai Pinang yang masih ada lagi di Pulau Pinang). Dalam masa pemerintahan Maharaja Derbar Raja II ini iaitu pada tahun 1136 (531 H), ada seorang alim Islam dari negeri Yaman di Tanah Arab bernama Syeikh Abdullah datang ke Kedah dan kisahnya adalah seperti yang diceritakan berikut ini.

BAHAGIAN KEDUA

KEDAH DALAM ZAMAN PEMERINTAHAN RAJA-RAJA BERAGAMA ISLAM

1. SULTAN MUZAFFAR SHAH I

Pada masa Maharaja Derbar Raja II memerintah Kedah pada tahun 1136 (531 H) ada seorang alim Islam dari negeri Yaman (di Tanah Arab), bernama Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Qaumiri dengan sebelas orang kawannya datang ke Kedah lalu berjumpa Maharaja Derbar Raja II di istana Bukit Meriam. Oleh sebab baik budi bahasa dan kelakuan Syeikh Abdullah itu selalulah ia dibenarkan oleh Maharaja Derbar Raja datang mengadap baginda ke istana.

Pada suatu masa ketika mengadap Maharaja Derbar Raja di istana Bukit Meriam, Syeikh Abdullah menerangkan kepada baginda serta menteri-menteri baginda berkenaan dengan kebaikan dan kemurnian agama Islam. Setelah mendengar keterangan Syeikh Abdullah baginda serta sekalian menteri baginda pun terbuka hati mereka dan cenderung kepada agama Islam, lalu mereka beramai-ramai diislamkan oleh Syeikh Abdullah. Setelah itu, mengikut cadangan Syeikh Abdullah, Maharaja Derbar Raja II pun mengubah nama baginda dengan nama Islam yang diberi oleh Syeikh Abdullah iaitu Sultan Muzaffar Shah dan negeri Kedah diubah namanya menjadi Kedah Darul'l-Aman. Tiada lama kemudian Orang besar-besar baginda serta Orang Melayu Kedah pun memeluk agama Islam.

Sultan Muzaffar Shah sangat kasih kepada Syeikh Abdullah kerana kebaikan dan tulus ikhlasnya terhadap baginda, serta bijaksana dan baik tertib kelakuannya. Baginda telah melantik Syeikh Abdullah menjadi penasihat peribadi baginda.

Pada suatu hari, sedang Sultan Muzaffar bercakap-cakap dengan Syeikh Abdullah baginda telah bertanya kepada Syeikh Abdullah apakah benda di Tanah Arab yang lebih mulia kepada orang-orang Arab. Syeikh Abdullah telah menerangkan kepada baginda iaitu selain daripada masjid, benda yang lebih mulia di Tanah Arab bagi orang-orang Arab ialah menara, iaitu suatu bangunan tinggi tempat orang bang (azan) serta memuji nama Allah dan Rasulullah siang dan malam. Setelah mendengar keterangan Syeikh Abdullah itu, Sultan Muzaffar pun menitahkan orang membuat sebuah menara di sebuah tempat tinggi berdekatan dengan istana baginda. Syeikh Abdullah telah mencadangkan dan dipersetujui oleh baginda supaya menara itu didirikan di kemuncak Gunung Jerai. Syeikh Abdullah menyatakan juga kepada baginda dan menteri-menteri sekalian, menara yang akan dibina di kemuncak Gunung Jerai itu bukan sahaja akan menjadi tempat orang bang, tetapi juga sebuah binaan kenang-kenangan untuk selama-lamanya bagi menandakan baginda telah memeluk agama Islam dan telah mengubah nama baginda dari Maharaja Derbar Raja kepada Sultan Muzaffar Shah dan nama negeri Kedah menjadi Kedah Daru'l Aman.

Dengan titah Sultan Muzaffar Shah, beberapa orang jurubatu dan tukang besi telah berhimpun di kemuncak Gunung Jerai memulakan pembinaan sebuah menara di bawah kelolaan Syeikh Abdullah. Manakala menara itu hampir siap dibina, dengan takdir Allah s.w.t. tiba-tiba Syeikh Abdullah jatuh sakit yang amat berat dan tidak dapat diubati lagi lalu meninggal dunia di kemuncak Gunung Jerai itu. Seperti yang diwasiatkan Syeikh Abdullah, jenazahnya telah dikebumikan pada suatu tanah rata di kemuncak Gunung Jerai berdekatan dengan menara yang belum siap itu. Tanah rata di kemuncak Gunung Jerai itu hingga sekarang disebut "Padang Tuk Syeikh".

Sultan Muzaffar Shah I, Sultan Kedah yang mula-mula beragama Islam, mempunyai tiga orang putera dan masing-masing putera baginda itu diberi jawatan, iaitu Tunku Muazzam memerintah di Kota Palas (dalam Mukim Tepus di daerah Kubang Pasu sekarang); Tunku Sulaiman digelar Raja Laksama memerintah Pulau Langkawi dan lain-lain pulau hingga ke kuala Prai. Tunku Mahmud yang digelar Raja Muda memerintah Mukim Padang Terap.

Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang empat puluh tiga tahun, pada tahun 1179 bersamaan dengan tahun 575 H, Sultan Muzaffar Shah pun mangkat di istana baginda di Bukit Meriam. Jenazah almarhum telah dimakamkan di Langgar Bukit Meriam (dalam daerah Kuala Muda). Menurut kajian baru-baru ini, jenazah almarhum Sultan

Tiada lama bersemayam di istana Kota Bukit Meriam itu, pada bulan September tahun 1237 bersamaan dengan bulan Safar tahun 635 H, Sultan Muzzil Shah berpindah dari istana Kota Bukit Meriam bersemayam di istana Kota Sungai Mas. Orang besar-besar baginda pun pindah menetap di tempat itu. Pada masa itu Kota Sungai Mas dijadikan ibu negeri Kedah. Istana di Kota Bukit Meriam diserahkan kepada jagaan Datuk Seri Paduka Enggraha Dewa. Datuk Lela Putra ditugaskan memerintah di Kuala Prai.

Baginda telah menjalankan pemerintahan dengan adil, pemurah dan sentiasa insaf akan hal rakyat baginda. Pada masa baginda memerintah itu, ramai orang dari Sumatera, Jawa dan dari India datang menetap di negeri Kedah. Mereka telah membeli tanah di negeri itu dan membuka perniagaan. Pada masa itu tempat-tempat di pinggir Sungai Merbuk sampai ke kaki Gunung Jerai telah ramai didiami orang.

Sultan Muzzil Shah mempunyai dua orang putera; seorang dinamakan Tunku Mahmud dan seorang lagi Tunku Ahmad. Pada tahun 1239 bersamaan dengan tahun 637 H, Sultan Muzzil telah membuka beberapa buah kampung dan bandar lagi di negeri Kedah, iaitu sampai ke Sungai Derap (dekat Kuala Sungai Merbuk) hingga ke Bukit Penjata di Kuala Sungai Merbuk.

Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang empat puluh tiga tahun, pada bulan Ogos tahun 1280 bersamaan dengan bulan Rabiul Akhir tahun 679 H, Sultan Muzzil Shah pun mangkat di istana baginda di Kota Sungai Mas dan dimakamkan di makam Kota Sungai Mas.

5. SULTAN MAHMUD SHAH I, 1280 – 1321

Setelah Sultan Muzzil Shah mangkat pada tahun 1280, puteranya Tunku Mahmud dilantik menjadi Sultan Kedah yang kelima, bergelar Sultan Mahmud Shah I dan bersemayam di Kota Sungai Mas juga. Pada masa Sultan Mahmud Shah memerintah Kedah, baginda sangat kasih kepada Orang besar-besar baginda dan telah menjalankan pemerintahan dengan adil serta mengambil berat akan hal ehwal rakyat baginda.

Sultan Mahmud Shah I dengan Permaisuri baginda yang bernama Tunku Aishah berputerakan Tunku Ibrahim dan Tunku Azlin. Setelah bermesyuarat dengan Orang besar-besar baginda, baginda pun melantik adinda baginda Tunku Ahmad menjadi Raja Muda Kedah. Pada tahun 1282 bersamaan dengan tahun 681 H, Sultan Mahmud menitahkan adinda baginda Tunku Ahmad (Raja Muda) membuka suatu tempat

baharu (dalam daerah Kubang Pasu sekarang) dan tempat itu dinamakan Siputih. Tempat itu dijadikan tempat berjaga-jaga kalau ada musuh datang menyerang Kedah dari arah utara. Tiada lama selepas itu, Sultan Mahmud membuka suatu tempat baharu di Ulu Sungai Merpah bagi tempat berjaga-jaga kalau ada musuh dari Tenang Sari menyerang Kedah. Kota Siputih itu ditugaskan kepada Datuk Seraja Wang menjaganya. Kota di ulu Sungai Merpah dijaga oleh Datuk Paduka Maharaja Pahlawan Berma Raja menjaganya.

Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang empat puluh satu tahun, pada bulan April tahun 1321 bersamaan dengan bulan Rabiul-Akhir tahun 721 H, Sultan Mahmud Shah I pun mangkat di istana baginda di Kota Sungai Mas dan dimakamkan di makam Kota Sungai Mas.

6. SULTAN IBRAHIM SHAH, 1321 – 1373

Setelah Sultan Mahmud Shah I mangkat pada tahun 1321, puteranya Tunku Ibrahim dilantik menjadi Sultan Kedah yang keenam bergelar Sultan Ibrahim Shah dan bersemayam di istana Kota Sungai Mas juga.

Sultan Ibrahim Shah dengan Permaisuri baginda yang bernama Tunku Mala berputerakan Tunku Sulaiman dan Tunku Abdul Rahman. Setelah lebih kurang dua tahun lamanya Sultan Ibrahim Shah bersemayam di Kota Sungai Mas, pada bulan Mei tahun 1323, bersamaan dengan bulan Jamadilawal tahun 723 H, baginda pun pindah dari Kota Sungai Mas bersemayam ke istana yang didirikan oleh Tunku Ahmad (Raja Muda) di Siputih itu. Orang besar-besar baginda pun ramai yang dipindahkan ke Siputih, dan Siputih menjadi ibu negeri Kedah. Kota Sungai Mas diserahkan kepada perintah ayah saudara baginda Tunku Ahmad (Raja Muda). Kota Bukit Meriam dan pulau-pulau yang bersetentangan dengan daerah Kerian diserahkan kepada jagaan Datuk Tan Derma Dewa.

Sultan Ibrahim Shah telah mengaturkan pangkat dan kedudukan Orang besar-besar baginda, dan baginda telah menjalankan pemerintahan dengan baik dan adil. Pada masa itu penduduk negeri Kedah telah bertambah ramai lagi oleh kedatangan orang-orang dari luar negeri. Nama negeri Kedah semakin terkenal keluar negeri terutama ke negeri India dan negeri China.

Setelah memerintah Kedah dengan aman makmur lebih kurang selama lima puluh dua tahun, pada bulan Disember tahun 1373, bersamaan dengan bulan Rejab tahun 775 H, Sultan Ibrahim Shah pun mangkat

di istana baginda di Siputih dan dimakamkan di makam kota Siputih. Bagindalah Sultan Kedah yang mula-mula dimakamkan di Siputih.

7. SULTAN SULAIMAN SHAH I, 1373 — 1423

Setelah Sultan Ibrahim Shah mangkat pada tahun 1373, puteranya Tunku Sulaiman dilantik menjadi Sultan Kedah yang ketujuh bergelar Sultan Sulaiman Shah dan bersemayam di Siputih juga.

Sultan Sulaiman Shah I ini berputerakan Tunku Ata' Allah dan Tunku Mansur. Baginda telah melantik ayah saudara baginda Tunku Mansur dan Tunku Azlin (adik almarhum Sultan Ibrahim Shah) menjadi Raja Bendahara bergelar Tunku Seri Paduka Maharaja Sura.

Siputih, tempat bersemayam Sultan Sulaiman Shah I ini (jauhnya lebih kurang 23 batu dari Alor Setar ikut jalan besar melalui Jitra ke Perlis) mempunyai banyak cerita dongeng. Sebuah daripada cerita dongeng mengenai Siputih itu diceritakan di bawah ini.

Pada masa Sultan Sulaiman Shah I memerintah Kedah, baginda bersemayam di Siputih. Rakyat baginda sangat taat dan kasih kepada baginda dan baginda sangat menggalakkan rakyat baginda bercucuk tanam menternak. Baginda suka melihat orang berpencak dan bersilat, bahkan baginda sendiri pun seorang yang handal bersilat. Sultan Sulaiman Shah I beristerikan seorang puteri bernama Puteri Siputih. Dengan usaha dan bijaksana Puteri Siputih inilah Kedah menjadi mewah dan makmur. Dengan isteri baginda Puteri Siputih itu baginda beroleh dua orang puteri; seorang daripada puteri baginda itu berdarah putih. Baginda sangat kasih kepada puteri baginda yang berdarah putih itu tambahan pula paras puteri itu sangat cantik, tiada tolok bandingnya dalam negeri Kedah.

Pada masa itu di Sumatera Utara pengaruh dan kuasa Aceh sangat besar dan ramai hulubalangnya yang gagah-gagah. Kerajaan Aceh telah menakluki beberapa buah negeri di Kepulauan Melayu dan juga di Semenanjung Tanah Melayu. Rakyat Aceh ketika itu gagah berani dan pandai dalam hal perniagaan, bercucuk tanam dan menternak binatang hinggalah sekarang.

Apabila kedengaran kepada Raja Aceh betapa makmur dan amannya negeri Kedah dalam pemerintahan Sultan Sulaiman dan seorang daripada puteri Sultan Kedah itu sangat cantik rupanya dan berdarah putih pula, terbitlah keinginan Raja Aceh hendak menakluki negeri Kedah dan mengahwinkan puteri Kedah yang berdarah putih itu dengan seorang putera Raja Aceh yang sedang muda remaja.

Oleh sebab Raja Aceh tidak berjaya menakluki Kedah dengan keke-

rasan yakni dengan berperang, Raja Aceh pun menghantar seorang menterinya beserta dengan Orang besar-besar Aceh pergi ke Siputih dengan tujuan hendak meminang puteri Sultan Kedah yang berdarah putih itu. Angkatan Aceh yang pergi ke negeri Kedah mengandungi tujuh puluh buah perahu dengan membawa banyak barang-barang hadiah dari Raja Aceh yang akan dihadiahkan kepada Sultan Kedah dan juga kepada puteri Sultan Kedah yang hendak dipinang itu.

Kedatangan rombongan Aceh itu telah diterima oleh Sultan Sulaiman dengan baik dan pinangan Raja Aceh itu diterima baginda. Tetapi oleh sebab Sultan Sulaiman sangat kasih akan puteri baginda yang berdarah putih itu, maka diberikan baginda puteri baginda yang seorang lagi yang bukan berdarah putih itu, berkahwin dengan putera Raja Aceh. Istiadat perkahwinan itu telah dilangsungkan di Aceh secara besar-besaran. Ramai Raja-Raja dari negeri-negeri yang berjiran dijemput dan datang ke Aceh dalam istiadat perkahwinan putera Raja Aceh dengan puteri Sultan Kedah itu.

Tidak berapa lama selepas kahwin itu, pada suatu hari puteri Sultan Kedah di negeri Aceh yang baharu kahwin itu mengacip pinang. Dengan tidak sengaja terkacip jarinya dan keluar darah, iaitu darah merah bukannya darah putih seperti yang dimegah-megahkan itu. Apabila kejadian itu sampai ke pengetahuan Raja Aceh, baginda sangat murka dan merungut mengatakan baginda telah diperdayakan oleh Sultan Kedah -- diberinya puterinya yang berdarah merah berkahwin dengan puteranya, bukannya puterinya yang berdarah putih seperti yang telah dijanjikan.

Raja Aceh telah menitahkan beberapa orang menteri dan hulubalangnya membawa angkatan perang menyerang Kedah dan disuruh mengambil puteri Sultan Kedah yang berdarah putih itu. Tujuan Raja Aceh ialah hendak menebus malunya.

Apabila Sultan Sulaiman mendengar berita mengatakan angkatan perang Aceh hendak menyerang Kedah, baginda pun menitahkan orang besar-besar Kedah bersiap sedia melawan serangan Aceh itu. Apabila angkatan perang Aceh sampai ke tempat yang bernama Pering, tiada berapa jauh dari Siputih, askar-askar Aceh pun mengepung sebuah kota pertahanan Kedah yang terletak di sebuah pulau kecil. Setelah itu askar-askar Aceh pun menyerang Siputih. Serangan itu telah dilawan oleh pihak Kedah dengan bersungguh-sungguh dan akhirnya askar-askar Aceh terpaksa berundur balik ke Pering. Kedua belah pihak bertahan di tempat masing-masing, belum tentu kalah menangnya.

Setelah beberapa bulan askar-askar Aceh itu mengepung kota Si-

putih, barang-barang makanan dalam kota Siputih hampir habis dan orang dalam kota Siputih pun ramai yang mati kerana penyakit dan kelaparan. Dalam pada itu seorang pun tidak dibenarkan keluar dari kota Siputih. Sungguhpun demikian, ada seorang perempuan telah terlepas keluar dari kota Siputih dan tujuan perempuan itu keluar ialah untuk hendak mencari makanan. Dalam perjalanannya perempuan itu telah berjumpa dengan seorang hulubalang Aceh yang menyamar dirinya sebagai orang tua penangkap ikan. Hulubalang Aceh itu telah menegur perempuan itu lalu mereka pun berbual-bual. Dalam perbualan itu perempuan itu telah menceritakan hal ehwal dan keadaan dalam kota Siputih. Sangatlah suka hulubalang Aceh itu mendengar perbualan perempuan itu.

Tidak berapa hari selepas itu, askar-askar Aceh pun melancarkan serangan mengejut ke kota Siputih. Sungguhpun orang-orang dalam kota Siputih melawan bersungguh-sungguh mempertahankan Siputih dari serangan askar-askar Aceh itu, tetapi akhirnya mereka terpaksa juga mengaku kalah kepada askar-askar Aceh, kerana ramai hulubalang Siputih yang handal-handal telah gugur dalam pertempuran itu.

Setelah memecahkan pintu kota Siputih, hulubalang-hulubalang Aceh itu pun terus menuju ke istana Sultan Sulaiman kerana hendak mengambil puteri Sultan Kedah yang berdarah putih itu. Tetapi malangnya kedatangan hulubalang-hulubalang Aceh itu telah terlambat. Puteri berdarah putih itu telah ditikam hidup-hidup dengan perintah ayahnya Sultan Sulaiman supaya jangan dapat diambil askar-askar Aceh.

Oleh sebab marahnya hulubalang-hulubalang Aceh itu, sekelian perempuan dan kanak-kanak yang ada dalam kota Siputih itu habis dibunuh mereka. Sultan Sulaiman dan permaisuri baginda ditangkap lalu dibawa ke negeri Aceh.

Di Aceh, Sultan Sulaiman dan Permaisuri baginda telah dibicarakan oleh Raja Aceh, dan keputusan perbicaraan itu Sultan Sulaiman dan Permaisuri baginda didapati bersalah. Sultan Sulaiman dan Permaisuri baginda dihukum bunuh di negeri Aceh. Beberapa tahun lamanya kota Siputih diperintah oleh kerajaan Aceh dan beberapa orang pula Orang besar-besar Aceh telah tinggal dan memerintah di Siputih. Akhirnya orang Aceh yang tinggal di negeri Kedah telah diusir keluar dari Kedah oleh orang-orang Kedah.

Beberapa ratus tahun kemudian penduduk Siputih menjumpai dua buah kubur terletak di atas sebuah tanah tinggi di Kampung Siputih dan kubur-kubur itu ada batu nisannya. Sebuah daripada batu nisan itu ada bertulis "Sultan Sulaiman" dan sebuah nisan lagi bertulis "Siputih".

Ahli-ahli sejarah hairan memikirkan bilakah mayat Sultan Sulaiman dan mayat permaisuri baginda bernama Siputih yang mangkat di Aceh itu dibawa balik ke negeri Kedah dan dimakamkan di Kampung Siputih. Bagi memperingati Puteri Siputih yang bijaksana dan menjadi Siputih makmur dan masyhur, penduduk di situ telah menamakan tempat mereka itu Mukim Siputih dan ditambah pula di hujungnya perkataan "Puteri Lindungan Bulan." Demikianlah sebuah daripada cerita dongeng mengenai tempat yang bernama Siputih di negeri Kedah itu.

Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang lima puluh tahun, pada bulan Julai tahun 1423 bersamaan dengan bulan Sya'ban tahun 826 H, Sultan Sulaiman Shah I pun mangkat dan dimakamkan di makam Kota Siputih.

8. SULTAN ATA'ALLAH MUHAMMAD SHAH I, 1423 – 1473

Setelah Sulaiman Shah I mangkat pada tahun 1423, puteranya Tunku Ata'Allah dilantik menjadi Sultan Kedah yang kelapan bergelar Sultan Ata'Allah Muhammad Shah I dan baginda bersemayam di istana Kota Siputih juga.

Sultan Ata'Allah Muhammad Shah I dengan isteri baginda Cik Puan Paduka Bonda berputerakan empat orang iaitu Tunku Muhammad Jiwa, Tunku Puteri, Tunku Pok (Perempuan) dan Tunku Othman. Baginda telah melantik adinda baginda Tunku Mansur menjadi Raja Muda Kedah bersemayam di Kota Sungai Mas menggantikan nenda baginda Tunku Ahmad (putera almarhum Sultan Muzzil Shah) Raja Muda Kedah yang telah mangkat.

Pada masa Sultan Ata'Allah Muhammad Shah I memerintah sebatang sungai dikorek bagi mengairi sawah dari Sungai Jerluh (dalam daerah Kubang Pasu sekarang) hingga ke Alur Janggus (dalam daerah Kota Setar), dan dari Alur Janggus dikorek lagi hingga sampai ke Kubang Rotan (dalam daerah Kota Setar juga) menghubungkan Sungai Mati sampai ke kuala Sungai Mati terus ke sungai besar di Kuala Kedah. Enam tahun selepas itu, dikorek lagi sebatang sungai dari Gunung Keriang (dalam Daerah Kota Setar) sampai ke Sungai Cegar, Anak Bukit.

Sultan Ata'Allah Muhammad Shah I telah mangkat pada awal tahun 1473, bersamaan dengan bulan Sya'ban tahun 877 H setelah memerintah Kedah selama lebih kurang lima puluh tahun dan dimakamkan di makam Kota Siputih.

9. SULTAN MUHAMMAD JIWA ZAINAL AZILIN I, 1473 – 1506

Setelah Sultan Ata'Allah Muhammad Shah I mangkat pada tahun 1473, puteranya Tunku Muhammad Jiwa dilantik menjadi Sultan Kedah yang kesembilan, bergelar Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin I dan baginda bersemayam di Kota Siputih juga. Sultan Muhammad Jiwa memerintah Kedah dengan baik dan adil. Baginda sangat pandai mengambil hati Orang besar-besar dan rakyat baginda sehingga rakyat negeri Kedah kasih kepada baginda. Dengan permaisuri baginda yang bernama Tunku Mariam, Sultan Muhammad Jiwa berputerakan Tunku Mahmud dan Tunku Kutam (perempuan). Baginda telah melantik adinda baginda (berlainan ibu) Tunku Othman menjadi Raja Temenggung, bergelar Tunku Paduka Maharaja Temenggung Anggota Desa.

Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang tiga puluh tiga tahun, pada bulan Mei tahun 1506 bersamaan dengan bulan Muharram tahun 912 H, Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin I pun mangkat dan dimakamkan di makam Kota Siputih.

10. SULTAN MAHMUD SHAH II, 1506 – 1547

Setelah Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin I mangkat pada tahun 1506, puteranya Tunku Mahmud dilantik menjadi Sultan Kedah yang kesepuluh, bergelar Sultan Mahmud Shah II dan baginda bersemayam di Kota Siputih juga. Tidak lama baginda memerintah, adinda baginda Tunku Kutam dikahwinkan dengan Tunku Muhammad Sa'ad putera Tunku Othman Raja Temenggung.

Pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Shah II inilah diadakan sukatan kepul, kal, cupak dan gantang bagi penggunaan dalam negeri Kedah dan pada perkakas sukatan itu ada bertulis perkataan "Negeri Kedah Darul'l-Aman". Baginda telah mengadakan juga mata wang bagi kegunaan dalam negeri Kedah. Mata wang itu dinamakan tera, pitis, kupang, jembal, dan rial. Mata wang "tera" itu diperbuat daripada timah dan ada berlubang di tengahnya.

Tukaran mata wang di negeri Kedah pada masa itu ialah

12 tera	=	1 pitis
150 tera	=	12½ pitis
12½ pitis	=	1 kupang
600 tera	=	4 kupang
4 kupang	=	1 jembal
2 jembal	=	1 rial

1,200 tera = 1 rial

Sultan Mahmud Shah II dengan isteri baginda yang bernama Cik Lara Sari (Paduka Bonda) berputerakan Tunku Muzaffar dan Tunku Nur Aishah.

Sultan Mahmud Shah II telah melantik ayah saudara baginda Tuanku Othman Raja Temenggung menjadi Raja Bendahara bergelar Tunku Seri Paduka Maharaja Sura dan puteranya Tunku Muhamad Sa'ad (suami Tunku Kutam) dilantik menjadi Raja Temenggung bergelar Raja Temenggung Anggota Desa.

Setelah memerintah Kedah lebih kurang selama empat puluh satu tahun pada tahun 1547, bersamaan dengan tahun 954 H, Sultan Mahmud Shah II pun mangkat dan dimakamkan di makam Kota Siputih.

11. SULTAN MUZAFFAR SHAH II, 1547 – 1602

Setelah Sultan Mahmud Shah II mangkat pada tahun 1547, puteranya Tunku Muzaffar dilantik menjadi Sultan Kedah yang kesebelas, bergelar Sultan Muzaffar Shah II; dan baginda bersemayam di Kota Siputih juga. Sultan Muzaffar Shah II dengan isteri baginda yang bernama Cik Tempawan berputerakan Tunku Sulaiman dan Tunku Jahara. Sultan Muzaffar Shah II menjalankan pemerintahan dengan adil dan pemurah serta sentiasa mengambil tahu hal ehwal rakyat baginda.

Baginda mendirikan sebuah kota di tempat yang bernama Naga dalam daerah Kubang Pasu dan kota itu dinamakan Kota Naga. Baginda juga mengerahkan rakyat baginda membuat sebatang terusan bagi mengairi sawah dari sungai besar di Alur Ganu melalui Kota Naga terus ke tempat yang bernama Bukit Tinggi. Adinda Sultan Muzaffar Shah yang bernama Tunku Nur Aishah dikahwinkan dengan Tunku Ismail cicit Tunku Mansur Raja Muda Kedah di Sungai Mas.

Seorang alim Islam bangsa Arab dari negeri Hijaz bernama Sharif Aznan telah datang ke Kedah lalu berkhidmat dengan Sultan Muzaffar Shah II. Baginda telah melantik Sharif Aznan menjadi Imam dengan gelaran Datuk Seraja Imam dan dikahwinkan dengan Wan Mas cicit Datuk Seraja Wang.

Sultan Muzaffar Shah II mangkat pada bulan Julai tahun 1602 bersamaan dengan bulan Safar tahun 1011 H, iaitu setelah memerintah Kedah selama lebih kurang lima puluh lima tahun dan dimakamkan di makam Kota Siputih.

12. SULTAN SULAIMAN SHAH II, 1602 – 1619

Setelah Sultan Muzaffar Shah II mangkat pada tahun 1602, puteranya Tunku Sulaiman dilantik menjadi Sultan Kedah yang kedua belas bergelar Sultan Sulaiman Shah II dan baginda bersemayam di istana Kota Siputih itu juga. Pada masa Sultan Sulaiman Shah II memerintah, baginda telah berusaha menangkap lanun di perairan negeri Kedah sehingga amanlah negeri Kedah daripada diancam oleh lanun.

Sultan Sulaiman Shah II dengan isteri baginda yang bernama Cik Ratnamala (Paduka Bonda) berputerakan Tunku Rijaluddin dan Tunku Safiah. Pada tahun 1619, seorang nakhoda dari Indragiri bernama Nakhoda Lamun telah datang ke Kedah lalu memberitahu kepada Raja Bendahara Kedah (Tunku Othman) bahawa Iskandar Muda Mahkota Alam, iaitu Raja Aceh yang gagah perkasa hendak menyerang Kedah.

Raja Bendahara Tunku Othman telah bermesyuarat dengan Orang besar-besar mengenai berita itu. Mesyuarat itu telah mengambil ketetapan iaitu pihak Kedah akan melawan serangan Aceh bagi mempertahankan kedaulatan kerajaan Kedah. Setelah itu Raja Bendahara itu pun melengkapkan angkatan perang.

Raja Bendahara Tunku Othman memberitahu kepada Sultan Sulaiman Shah II mengenai berita yang mengatakan angkatan perang Aceh hendak menyerang negeri Kedah. Apabila Sultan Kedah membawakan perkara itu ke dalam mesyuarat antara raja-raja dan Orang besar-besar Kedah, Datuk Seraja Imam (Sharif Aznan) telah mencadangkan supaya kedatangan angkatan perang Aceh itu disambut dengan baik, dan askar-askar Aceh hendaklah diberi jamuan makan. Jika sambutan baik dan jamuan makan itu tidak diterima oleh orang Aceh, baharulah pihak Kedah melawan mereka berperang. Cadangan Datuk Seraja Imam itu telah disetujui oleh Sultan Sulaiman.

Iskandar Muda Mahkota Alam, Raja Aceh yang membawa angkatan perang hendak menyerang negeri Kedah itu telah sampai ke Pulau Panjang (daerah takluk Kedah). Tunku Rijaluddin putera Sultan Kedah dengan diiringi oleh sebilangan ramai Orang besar-besar Kedah telah pergi ke Pulau Panjang menyambut kedatangan Raja Aceh dengan membawa surat daripada Sultan Kedah untuk disampaikan kepada Raja Aceh.

Setelah menerima kedatangan Tunku Rijaluddin yang membawa surat daripada Sultan Kedah mempersilakan Raja Aceh itu berangkat masuk ke negeri Kedah, Iskandar Muda Mahkota Alam pun berubah fikirannya. Raja Aceh itu tidak mahu menyerang Kedah seperti tujuannya datang ke negeri Kedah itu.

Iskandar Mahkota Alam telah datang ke Siputih lalu berjumpa Sultan Sulaiman dan mereka telah berbaik-baik. Raja Aceh itu telah ditempatkan bersemayam pada sebuah istana yang telah disediakan untuk baginda, dan sangatlah suka hati Raja Aceh menerima sambutan yang baik dari pihak Sultan Kedah itu. Selama di negeri Kedah itu selalulah Iskandar Muda Mahkota Alam bersuka-suka ke Padang Jangam di bahagian utara negeri Kedah (Padang Jangam itu ialah Padang Besar di sempadan negeri Perlis sekarang).

Setelah sampai ketikanya, Iskandar Muda Mahkota Alam pun membawa angkatan perangnya balik ke negeri Aceh. Sultan Sulaiman Shah II, Sultan Kedah, ikut sama pergi ke negeri Aceh. Bersama Sultan Sulaiman yang pergi ke negeri Aceh itu, dibawa baginda juga rakyat negeri Kedah lebih kurang seramai tujuh ribu orang. Tetapi setengah riwayat mengatakan Sultan Sulaiman serta rakyat Kedah seramai tujuh ribu orang itu telah ditawan oleh Iskandar Muda Mahkota Alam dibawa ke negeri Aceh, iaitu pada tahun 1619.

Setelah Sultan Sulaiman Shah II tertawan, putera baginda Tunku Rijaluddin tinggal menjalankan pemerintahan di negeri Kedah.

13. SULTAN RIJALUDDIN MUHAMMAD SHAH, 1619 – 1652

Setelah Sultan Sulaiman Shah II tertawan di negeri Aceh pada tahun 1619, puteranya dengan Cik Ratnamala, Tunku Rijaluddin, dilantik oleh Orang besar-besar Kedah menjadi Sultan Kedah yang ketiga belas, bergelar Sultan Rijaluddin Muhammad Shah dan baginda bersemayam di Kota Siputih juga.

Dua tahun setelah menduduki takhta kerajaan negeri Kedah, Sultan Rijaluddin Muhammad Shah pun menghantar utusan kepada Raja Siam (Thai) minta pertolongan melindungi negeri Kedah daripada serangan Aceh yang mungkin datang lagi. Raja Siam telah menghantar askarnya seramai dua ribu orang untuk menjaga Kedah dari serangan Aceh. Mujurlah orang Aceh tidak jadi menyerang Kedah. Lima tahun setelah menduduki takhta kerajaan negeri Kedah, Sultan Rijaluddin Muhammad Shah mendapat berita dari Aceh mengatakan ayahanda baginda Sultan Sulaiman Shah II yang tinggal di negeri Aceh mangkat pada bulan April tahun 1626, bersamaan dengan bulan Rejab tahun 1035 H. Berita itu telah diterima oleh Sultan Rijaluddin Muhammad Shah dengan perasaan penuh dukacita.

Dalam bulan Ogos tahun 1626, bersamaan dengan bulan Zulkaidah tahun 1035 H, Sultan Rijaluddin Muhammad Shah telah pindah dari

Kota Siputih bersemayam ke istana baginda di Kota Naga. Kota Siputih diberikan kepada jagaan Datuk Setia Raja dan Datuk Johan Pahlawan. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah dengan isteri baginda Wan Timah (Wan Fatimah Paduka Bonda) berputerakan Tunku Muhyiddin, Tunku Pengeran dan Tunku Rahimah. Dalam masa pemerintahan Sultan Rijaluddin ini sebatang sungai dari Kuala Sungai Janggus sampai ke Sungai Gunung (dalam daerah Kota Setar) telah dikorek dan dinamakan Sungai Baru. Pada bulan Mei tahun 1628 bersamaan dengan bulan Ramadan tahun 1037 H, Tunku Othman Raja Bendahara telah mangkat dan dikebumikan di Kota Naga.

Pada tahun 1634, kerajaan Siam telah memaksa Sultan Kedah, Sultan Rijaluddin Muhammad Shah, mengumpulkan orang Melayu Kedah untuk dijadikan beberapa pasukan perang untuk membantu Raja Siam yang menghantar angkatan perangnya menyerang Patani, kerana orang-orang Patani memang memusuhi orang Siam.

Pada bulan Mac tahun 1641, Belanda memberitahu kepada Sultan Kedah bahawa Melaka telah ditakluki oleh Belanda dari tangan Portugis. Pada masa itu juga Sultan Rijaluddin Muhammad Shah membenarkan askar Belanda seramai tiga ratus orang datang ke Kedah dan ke Pulau Langkawi. Pada 6 Julai tahun 1641 itu juga, Sultan Kedah telah menerima kedatangan seorang Duta Belanda ke negeri Kedah yang dihantar oleh Gabenor Jeneral Kompeni Belanda di Betawi (Jakarta). Sultan Kedah membuat surat perjanjian berniaga dengan kompeni Belanda dan Sultan Kedah mengaku akan menjual separuh daripada hasil timah yang didapati di negeri Kedah kepada Kompeni Belanda. Baginda juga membenarkan hanya peniaga-peniaga yang membawa surat pas dari Belanda saja yang boleh berniaga di Kedah.

Dalam bulan April tahun 1642, Sultan Rijaluddin Muhammad Shah telah memberi sepucuk surat kepada seorang pegawai Portugis bernama Pero de Abreu untuk disampaikan kepada Gabenor Belanda di Melaka. Pada masa itu juga Sultan Kedah mengisytiharkan kapal-kapal yang datang dari Pantai Koromandel atau negeri Benggala tidak dibenarkan membeli bijih timah atau membeli gajah dari negeri Kedah, kecuali jika ada membawa surat pas daripada Naib Gabenor Belanda yang bernama Gardenijs atau dari pihak berkuasa Belanda di Benggala. Dalam pada itu Sultan Kedah menjalankan juga perniagaan dengan orang-orang yang datang dengan kapal dari Benggala, Pantai Koromandel dan Tanah Jawa yang datang ke negeri Kedah. Pada masa itu bandar-bandar dalam negeri Kedah telah menjadi pasar tempat perniagaan kain-kain yang dibawa mengikut jalan darat ke Patani, Ligor dan Pahang.

Pada bulan Jun tahun 1642, Sultan Rijaluddin Muhammad Shah membaharui surat perjanjian perniagaan di antara kerajuan Kedah dengan Kompeni Belanda dan membenarkan Kompeni Belanda membeli bijih timah dan lain-lain hasil keluaran negeri Kedah yang hendak dibawa keluar negeri. Sultan Kedah berbuat demikian kerana hendak berbaik-baik dengan Orang Belanda, supaya dapat minta pertolongan mereka jika ada ugutan dari Siam. Pada bulan Julai tahun 1642, Sultan Kedah telah berangkat belayar ke Porto Novo di Pantai Koromandel membawa tujuh ekor gajah serta dua ratus bahara timah yang hendak dijual di tempat itu. Kira-kira dalam bulan September tahun 1642 baharu baginda balik ke negeri Kedah.

Dalam bulan November tahun 1650 bersamaan dengan bulan Zulhijjah tahun 1060 H, ada dua buah kapal orang Portugis datang ke negeri Kedah. Kerajaan Kedah telah membeli tiga puluh pucuk meriam, besar dan kecil dari orang Portugis itu. Pada bulan Disember tahun 1650, datang pula sebuah kapal Orang Belanda ke negeri Kedah. Ketua Orang Belanda yang datang itu telah meminta kebenaran hendak berniaga di negeri Kedah tetapi tidak diluluskan oleh kerajaan Kedah. Dalam pada itu, dengan kebenaran kerajaan Kedah Orang Belanda itu telah membeli timah di negeri Kedah dan menghadiahkan enam pucuk meriam kepada Sultan Kedah. Baginda pula menghadiahkan gading gajah kepada orang Belanda itu.

Setelah memerintah selama tiga puluh tiga tahun dengan mengadakan beberapa perubahan dan kemajuan di negeri Kedah, pada bulan Oktober tahun 1652, bersamaan dengan bulan Zulkaidah tahun 1062 H, Sultan Rijaluddin Muhammad Shah pun mangkat di istana baginda di Kota Naga dan dimakamkan di makan Kota Naga. Almarhum digelar "*Marhum Kota Naga*".

14. SULTAN MUHYIDDIN MANSUR SHAH, 1652 –1661

Sultan Rijaluddin Muhammad Shah mangkat pada tahun 1652 dan digantikan oleh puteranya Tunku Muhyiddin sebagai Sultan Kedah yang keempat belas bergelar Sultan Muhyiddin Mansur Shah dan baginda bersemayam di istana Kota Naga juga.

Sultan Muhyiddin Mansur Shah dan isteri baginda yang bernama Wan Sara berputerakan Tunku Dhiauddin dan Tunku Jamjam (perempuan).

Sultan Muhyiddin Mansur Shah telah melantik adinda baginda Tunku Pengeran menjadi Raja Muda Kedah dan bersemayam di istana-

nya di Kota Rentang. Adinda Baginda Tunku Rahimah dikahwinkan dengan Tunku Muhammad Akib. Tunku Muhammad Akib dilantik menjadi Raja Bendahara, bergelar Tunku Seri Paduka Maharaja Sura, menggantikan Raja Bendahara Tunku Othman yang mangkat pada tahun 1638.

Sultan Muhyiddin Mansur Shah tidak mengikut dasar pemerintahan almarhum ayahandanya Sultan Rijaluddin Muhammad Shah. Baginda tidak suka kepada orang Belanda. Apabila baginda menaiki takhta kerajaan pada tahun 1652, baginda telah menangkap lalu memenjarakan beberapa orang Belanda yang datang ke negeri Kedah, termasuk seorang Pesuruhjaya Belanda bernama Joan Truijtman. Baginda telah meminta wang kepada Kompeni Belanda sebanyak 55,784 florins (wang Belanda) bagi tebusan orang Belanda yang baginda tawan itu.

Pada tahun 1654 (tahun 1065 H), Sultan Muhyiddin Mansur Shah telah mendirikan sebuah kota di tempat yang bernama Sena dan kota itu dinamakan Kota Sena (dalam negeri Perlis sekarang).

Dalam pada itu di antara tahun 1654 hingga tahun 1657, setelah dipujuk oleh orang Belanda, Sultan Kedah telah membenarkan pula orang Belanda mendirikan gudang dan berniaga membeli timah, emas dan gajah di negeri Kedah. Pegawai Belanda yang menjadi ketua menjaga gudang itu bernama Pieter Beeytzen kemudian digantikan pula oleh pegawai lain bernama Arend Classon Dray.

Pada tahun 1658, orang Melayu Kedah menyerang sebuah kapal orang Belanda bernama "Hoorn" dan membunuh seramai sembilan orang. Oleh sebab itu dalam bulan Mei tahun 1659, orang Belanda pun mulalah mengepung kuala-kuala sungai di negeri Kedah dengan kapal-kapal mereka sehingga perniagaan di negeri Kedah tergendala.

Pada masa pemerintahan Sultan Muhyiddin Mansur Shah ini kerajaan Kedah masih juga di bawah takluk kerajaan Siam. Dalam bulan September tahun 1660, Sultan Kedah telah menghantar "Bunga Mas" dan "Bunga Perak" kepada Raja Siam. Baginda telah meminta maaf kepada Raja Siam kerana terlewat menghantar "Bunga Mas" disebabkan orang Belanda telah mengepung kuala-kuala sungai di negeri Kedah.

Pada 22 Januari tahun 1661, beberapa orang pegawai Belanda dengan dua buah kapal bernama "Cabo Jasques" dan "Arend" telah sampai ke negeri Kedah dengan tujuan hendak menyelesaikan hal di antara Sultan Kedah dengan orang Belanda yang bertelingkah itu supaya berdamai. Tetapi kehendak Belanda itu tidak berhasil. Sultan Kedah tidak mengindahkan kedatangan orang Belanda itu. Sebaliknya baginda sibuk menjalankan perniagaan dengan negeri Perak dan hendak menolong melepaskan negeri Perak dari cengkaman kerajaan Aceh.

Dalam bulan September tahun 1661 pula, kerajaan Kedah melindungi beberapa orang Melayu yang menyerang gudang Belanda di Pulau Junk Ceylon (Ujung Salang) dan membunuh orang-orang Belanda yang berada di gudang itu. Pada masa itu Sultan Kedah tidak gentar kepada orang Belanda. Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang sembilan tahun pada tahun 1661 bersamaan dengan tahun 1072 H, Sultan Muhyiddin Mansur Shah pun mangkat di istana baginda di Kota Sena, dan dimakamkan di makam kota Sena. Almarhum digelar "Marhum Sena".

15. SULTAN DHIAUDDIN MUKARRAM SHAH I, 1661 – 1688

Sultan Muhyiddin Mansur Shah (Marhum Sena) mangkat pada tahun 1661 dan puteranya dengan Wan Sara yang bernama Tunku Dhiauddin dilantik menjadi Sultan Kedah yang kelima belas bergelar Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I. Baginda bersemayam di istana Kota Sena juga.

Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I dengan isteri baginda yang bernama Wan Jingga (Paduka Bonda) berputerakan seorang anak perempuan dinamakan Tunku Safura Negara; dan isteri baginda yang bernama Sepa Cendera berputerakan Tunku Ata'Allah.

Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I telah mengangkat Tunku Sulaiman putera Tunku Muhammad Akib Raja Bendahara menjadi Temenggung bergelar Tunku Paduka Maharaja Temenggung Anggota Desa.

Setelah Tunku Safura Negara dewasa, seorang anak raja Bugis dari Makasar bernama Raja Juang Tawa datang ke negeri Kedah lalu meminang Tunku Safura Negara. Pinangan itu telah diterima oleh Sultan Dhiauddin. Tunku Safura Negara dikahwinkan dengan Raja Juang Tawa dan istiadat perkahwinan itu dilangsungkan di Indera Kayangan (Perlis). Raja Juang Tawa dengan isterinya Tunku Safura Negara beroleh seorang anak lelaki, dan Sultan Dhiauddin menamakan cucu baginda itu Tunku Ngah Putera.

Pada masa pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I, Tunku Pengeran ayah saudara baginda menjadi Raja Muda bersemayam di Kota Naga. Pada masa itu juga Tunku Muhammad Akib dilantik sebagai Raja Bendahara dan Tunku Sulaiman sebagai Raja Temenggung. Pada tahun 1663, setelah hampir tiga puluh tahun Sultan Dhiauddin memerintah, Orang Belanda masih juga mengepung kuala-kuala sungai di negeri Kedah dan mengawal pantai laut negeri itu dengan tujuan hendak merosakkan perniagaan di negeri Kedah. Pada 3 September tahun 1663 itu

juga kapal Orang Belanda yang bernama "Cabo Jasques" datang lagi ke negeri Kedah lalu menghalau peniaga-peniaga India Muslim yang ada di Kedah serta melarang mereka membeli padi dan garam dari negeri Kedah.

Dalam bulan Ogos tahun 1664, bersamaan dengan bulan Safar tahun 1705 H, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I telah mendirikan sebuah kota lengkap dengan istananya di tempat yang bernama Wai (dalam Mukim Kuala Perlis) dan kota itu dinamakan "Kota Indera Kayangan". Baginda pun pindah dari Kota Sena bersemayam ke Kota Indera Kayangan. Kota Sena diberikan kepada jagaan Datuk Biram Pahlawan dan Panglima Jugar Alam

Selepas itu Sultan Dhiauddin mendirikan pula sebuah kota lagi di Bukit Pinang dan ramai Orang besar-besar Kedah tinggal di situ. Sultan Dhiauddin telah mengerahkan rakyat baginda mengorek sebatang sungai bagi mengairi sawah anak negeri dari Kayang sampai ke sungai besar di Kampung Cik Madi (dalam negeri Perlis sekarang). Setelah Sultan Dhiauddin bersemayam di Kota Indera Kayangan, baginda pun menjemput Tunku Pengeran Raja Muda yang tinggal di Kota Naga dan Tunku Muhammad Akib yang tinggal di Kota Rentang datang ke Kota Indera Kayangan kerana baginda hendak menjamu makan dan bersuka-sukaan dengan Orang besar-besar baginda itu.

Pada 26 Januari tahun 1665, Sultan Dhiauddin telah menghantar dua orang utusan baginda membawa surat berjumpa ketua orang Belanda di Melaka. Dalam surat itu baginda menyatakan hasrat baginda hendak membaharui persahabatan di antara kerajaan Kedah dengan Kompeni Belanda. Surat Sultan Kedah itu telah dibalas oleh ketua orang Belanda di Melaka dengan menyatakan ia pun memang suka bersahabat dengan kerajaan Kedah. Dalam pada itu, ketua orang Belanda merasa syak akan persahabatan itu boleh berkekalan, kerana orang Belanda memandang Sultan Kedah seorang raja yang sombong. Orang Belanda berpendapat pada masa itu lebih baik mereka tidak mempunyai sebuah gudang pun di negeri Kedah. Dengan itu Belanda terus mengepung Kedah.

Dalam bulan Mei tahun 1668, Sultan Kedah telah menghantar utusan terdiri dari Raja Setia Pahlawan Timsoura Byera (?) dan Megat Kuddus ke Betawi berjumpa Gabenor Jeneral Kompeni Belanda. Dalam surat itu baginda mencadangkan supaya Kompeni Belanda membuat perjanjian damai dengan kerajaan Kedah. Dalam bulan Julai tahun 1668 baharulah surat Sultan Kedah itu dijawab oleh Gabenor Jeneral Kompeni Belanda yang menyatakan persetujuannya membuat perjanji-

an damai dengan kerajaan Kedah.

Dalam bulan Januari tahun 1674, angkatan perang Siam sebanyak dua puluh buah perahu datang ke negeri Kedah hendak memaksa Sultan Kedah menghantar "Bunga Mas" kepada Raja Siam seperti yang telah dibinasakan sejak dahulu, kerana Sultan Kedah telah lama tidak menghantar "Bunga Mas" kepada Raja Siam. Tetapi angkatan Siam telah dilawan oleh angkatan perang Kedah. Dalam pertempuran itu orang Siam kalah lalu lari balik ke negeri mereka. Orang Siam menyangka kapal-kapal orang Belanda yang ada di kuala-kuala sungai negeri Kedah itu membantu kerajaan Kedah.

Pada tahun 1678, setelah Tunku Ngah Putera (anak Raja Juang Tawa dengan Tunku Safura Negara) berumur tujuh belas tahun, ayahnya Raja Juang Tawa pun mangkat dan dikebumikan di Kota Indera Kayangan. Kira-kira pada masa itulah juga, Tunku Muhammad Akib Raja Bendahara yang tinggal di Kota Rentang itu meninggal dunia dan dikebumikan di Kota Naga. Tidak berapa lama selepas itu, mangkat pula Tunku Pengeran Raja Muda Kedah dan dikebumikan di Kota Naga juga.

Tunku Sulaiman Raja Temenggung (anak Tunku Muhammad Akib) membangunkan sebuah kota di daerah Kubang Pasu, dan kota itu dinamakan Kota Giam. Tunku Sulaiman pun pindah dari Kota Rentang ke Kota Giam. Kota Rentang diserahkan kepada jagaan Datuk Pahlawan Angkasa.

Setelah mangkat Raja Juang Tawa (pada tahun 1678), Orang besar-besar Kedah pun menabalkan Tunku Ata'Allah (putera Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I dengan Sepa Cendera) dan baginda menjadi bakal Sultan Kedah, kerana Orang besar-besar Kedah bimbang kalau-kalau Tunku Ngah Putera dijadikan bakal Sultan Kedah.

Apabila Tunku Ata'Allah dijadikan bakal Sultan Kedah, Tunku Ngah Putera sakit hati kepada Tunku Ata'Allah, lalu merajuk meninggalkan negeri Kedah dan pergi ke negeri Bugis. Empat tahun kemudian iaitu pada tahun 1682, seorang daripada adinda Sultan Dhiauddin yang bernama Datuk Pada Seri Jana telah memusuhi baginda dan cuba hendak merampas takhta kerajaan negeri Kedah dari tangan baginda. Datuk Padang Seri Jana telah keluar dari negeri Kedah pergi ke Dinding (dalam negeri Perak sekarang) dan meminta kebenaran daripada orang Belanda yang ada di Pulau Pangkor hendak menjadikan Dinding tempat berkumpul orang Bugis dari Selangor yang dibawa oleh Datuk Padang Seri Jana. Dari Dinding ia akan menyerang dan mengambil negeri Kedah. Tetapi permintaan Datuk Padang Seri Jana itu tidak diluluskan

oleh orang Belanda. Akhirnya tiadalah sampai hasrat hati Datuk Padang Seri Jana merampas takhta kerajaan negeri Kedah dari tangan abangnya Sultan Dhiauddin.

Setelah lebih kurang sembilan tahun lamanya Tunku Ngah Putera di negeri Bugis, dalam bulan Februari 1687 (bulan Rabiul Akhir Tahun 1098 H) Tunku Ngah Putera dari negeri Bugis yang membawa angkatan perang yang terdiri daripada orang Bugis yang diketuai oleh Raja Taguk Kurnam telah menyerang Kedah ikut Sungai Merbuk, lalu berperanglah dengan orang Kedah. Setelah dua bulan lamanya berperang, iaitu setelah Raja Taguk Kurnam mati dibunuh oleh orang Kedah di Sungai Merbuk, panglima-panglima serta askar-askar Bugis berpecah-belah lalu lari meninggalkan medan perang setelah dikalahkan oleh pihak Tunku Ngah Putera. Tunku Ngah Putera sendiri lari ke Bruas kemudian ke Kelang dan akhirnya Tunku Ngah Putera pergi ke Jeram (di Selangor) lalu beristeri di sana.

Lebih kurang setahun selepas Kedah mengalahkan orang Bugis, pada bulan April tahun 1688 bersamaan dengan bulan Jamadilakhir tahun 1099 H, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I pun mangkat di istana baginda di Kota Indera Kayangan dan dimakamkan di makam Kota Indera Kayangan. Almarhum digelar "Marhum Kayang I".

16. SULTAN ATA'ALLAH MUHAMMAD SHAH II, 1688 – 1698

Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I (Marhum Kayang I) mangkat pada tahun 1688 dan puteranya dengan Sepa Cendera, Tunku Ata'Allah dilantik menjadi Sultan Kedah yang keenam belas bergelar Sultan Ata' Allah Muhammad Shah II. Baginda bersemayam di Kota Bukit Pinang. Kota Indera Kayangan dijaga oleh Datuk Andika Raja.

Sultan Ata'Allah Muhammad Shah II dengan isteri baginda yang bernama Tunku Maheran berputerakan Tun Abdullah, Tunku Ibrahim dan Tunku Latifah. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah II sangat berusaha memajukan pekerjaan rakyat negeri Kedah, baik kerja di darat atau kerja di laut. Baginda selalu pula menitahkan Orang besar-besar baginda keluar berjalan dan mengambil tahu hal rakyat dan menggalakkan rakyat baginda membuat kerja pertukangan dan bercucuk tanam berjenis-jenis tanaman yang mendatangkan hasil.

Setelah memerintah kira-kira selama sepuluh tahun, pada bulan November tahun 1698 bersamaan dengan bulan Jamadil Awal tahun 1110 H, Sultan Ata'Allah Muhammad Shah II pun mangkat di istana baginda di Kota Bukit Pinang dan dimakamkan di makam Kota Bukit Pinang, digelar "Marhum Bukit Pinang I".

17. SULTAN ABDULLAH MUAZZAM SHAH, 1698 – 1706

Setelah Sultan Ata'Allah Muhammad Shah II mangkat pada tahun 1698, puteranya dengan Tunku Maheran yang bernama Tunku Abdullah dilantik menjadi Sultan Kedah yang ketujuh belas, bergelar Sultan Abdullah Muazzam Shah. Baginda bersemayam di istana Kota Bukit Pinang juga.

Sultan Abdullah Muazzam Shah kemudian melantik adinda baginda Tunku Ibrahim menjadi Raja Muda Kedah, menggantikan Tunku Pengeran Raja Muda yang telah mangkat pada tahun 1678. Tunku Ibrahim Raja Muda Kedah yang baharu ini bersemayam di istananya di Kota Limbung (dalam Mukim Limbung Langgar, daerah Kota Setar, lebih kurang enam batu dari bandar Alor Setar sekarang). Tunku Ibrahim inilah yang mula-mula membuka Kota Limbung itu.

Sultan Abdullah Muazzam Shah telah mengangkat Tunku Ishak (cucu Tunku Sulaiman, Raja Temenggung, Kota Giam) menjadi Raja Temenggung bergelar Tunku Paduka Maharaja Temenggung Anggota Desa, menggantikan nendanya almarhum Tunku Sulaiman Raja Temenggung, Kota Giam. Adinda baginda Tunku Latifah dikahwinkan dengan Tunku Ishak yang baharu dilantik menjadi Raja Temenggung itu.

Sultan Abdullah Muazzam Shah dengan isteri baginda yang bernama Wang Nang (Paduka Bonda), berputerakan Tunku muhammad Jiwa, Tunku Ahmad Tajuddin dan Tun Aishah. Tunku Muhammad Jiwa putera Sultan Abdullah Muazzam Shah telah keluar mengembara ke negeri Jambi dan ke Palembang di Sumatera. Di Palembang ia berguru kepada seorang alim bangsa Arab bernama Syeikh Abdul Jalil. Tunku Muhammad Jiwa dengan gurunya Syeikh Abdul Jalil, itu mengembara pula ke tanah Jawa. Dari tanah Jawa mereka mengembara pula ke merata-rata tempat di negeri India. Pengembaraan itu memakan masa selama enam tahun.

Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang lapan tahun, pada bulan September tahun 1706 bersamaan dengan bulan Jamadil Akhir Tahun 1118 H, Sultan Abdullah Muazzam Shah pun mangkat di istana baginda di Kota Bukit Pinang dan dimakamkan di Kota Langgar dekat Alor Setar sekarang. Almarhum digelar "Marhum Bukit Pinang II".

18. SULTAN AHMAD TAJUDDIN HALIM SHAH I, 1706 – 1710

Setelah Sultan Abdullah Muazzam Shah (Marhum Bukit Pinang II) mangkat pada tahun 1706, puteranya dengan Wan Nang yang bernama

Tunku Ahmad Tajuddin (adik Tunku Muhammad Jiwa yang mengembara) dilantik oleh Orang Besar-besar Kedah menjadi Sultan Kedah yang kelapan belas, bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I. Baginda bersemayam di istana Kota Bukit Pinang.

Tidak lama setelah Sultan Ahmad Tajuddin menaiki takhta kerajaan Kedah, ayah saudara baginda Tunku Ibrahim Raja Muda Kedah mangkat di istananya di Kota Limbung dan dikebumikan di Kota Langgar.

Pada masa Sultan Ahmad Tajuddin memerintah ada seorang Cina Hokien bernama Lim Cok datang ke negeri Kedah dan ia telah berusaha membuat kawah dan kuali di Kampung Nawa dalam musim Lesung (dalam daerah Kota Setar) dan banyaklah kawah dan kuali buatannya itu dijualnya dalam negeri Kedah dan keluar negeri.

Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang empat tahun, pada bulan Februari tahun 1710 bersamaan dengan bulan Zulhijjah tahun 1121 H, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I pun mangkat dan dimakamkan di Kota Langgar. Almarhum digelar "Marhum Bukit Pinang III."

Oleh sebab almarhum tiada meninggalkan putera yang akan mewarisi kerajaan, Orang Besar-besar Kedah melantik Raja Bendahara memangku kerajaan.

Setelah enam tahun mengembara keluar negeri, Tunku Muhammad Jiwa, kekanda almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I bersama-sama dengan gurunya Syeikh Abdul Jalil pun sampai balik ke negeri Kedah dan disambut oleh Orang Besar-besar dan rakyat Kedah dengan kemuliaan.

19. SULTAN MUHAMMAD JIWA ZAINAL AZILIN MUAZZAM SHAH II, 1710 – 1778

Setelah lebih kurang tujuh bulan lamanya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I mangkat, Raja Bendahara dan Orang Besar-besar Kedah melantik Tunku Muhammad Jiwa menjadi Sultan Kedah yang kesembilan belas bergelar Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II.

Apabila Muhammad Jiwa menjadi Sultan Kedah, baginda mengatur pemerintahan negeri Kedah; mengadakan undang-undang, adat istiadat dan peraturan hukum syarak serta menetapkan tugas Orang Besar-besar dalam negeri Kedah. Sultan Muhammad Jiwa terus juga menggunakan mata wang tera, pitis, kupang, jembal dan rial yang sedia digunakan dalam negeri Kedah di samping mengadakan mata wang baharu yang diperbuat daripada emas dan perak serta menetapkan ukuran

tanah dalam negeri Kedah.

Tukaran mata wang di negeri Kedah pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa ialah

4 saga	=	1 jembal atau seemas
2 emas	=	1 rial atau sepaha
4 paha	=	1 tahil atau 8 rial

Ukuran tanah pula ialah

5½ hasta	=	1 jemba
11 jemba	=	1 tali
2 tali	=	1 penampang
4 penampang	=	8 tali = 484 petak = 1 relung.

Sultan Muhammad Jiwa dan isteri baginda yang disebut Cik Puan (Paduka Bonda), berputerakan Tunku Long Putera dan Tunku Anjang. Dengan isteri baginda Tunku Puteri (Tunku Permaisuri), berputerakan Tunku Rahimah dan Tunku Abdullah (Tunku Abdullah diputerakan pada tahun 1750). Dengan seorang gundik baginda, beroleh seorang anak lelaki dinamakan Tunku Dhiauddin, timang-timangannya Tunku Dewa yang dilahirkan pada tahun 1754.

Anak baginda Tunku Long Putera ditugaskan menjaga tanah, dan Tunku Anjang Raja Laut menjaga segala hal di laut negeri Kedah. Tunku Anjang diberi gelaran Maharaja Diraja Senggara. Baginda mempunyai sebuah penjajah besar dinamakan "Papak Jantan".

Tunku Anjang Maharaja Diraja Senggara, Raja Laut negeri Kedah telah menakluki beberapa buah tempat yang dimasukkan menjadi daerah takluk kerajaan Kedah, iaitu Tongkah, Trang, Kupa dan Rundung hingga ke sempadan Mergui. Pada masa itu perompak tidak lagi mengacau di perairan laut negeri Kedah.

Tunku Rahimah, puteri Sultan Muhammad Jiwa dikahwinkan dengan Tunku Abdul Rahman (cucu Tunku Ibrahim, Raja Muda Kota Limbung). Tunku Abdul Rahman dan isterinya Tunku Rahimah mendapat seorang anak lelaki dinamakan Tunku Anum. Tunku Anum kemudiannya bergelar Tunku Paduka Raja Jambagan, raja yang memerintah di daerah Kubang Pasu.

Sultan Muhammad Jiwa melantik gurunya Syeikh Abdul Jalil menjadi Mufti Kedah dan mengahwinkan Syeikh Abdul Jalil dengan Wan Zainab anak Datuk Maharaja Putera Dewa. Radin Siran, murid Syeikh Abdul Jalil dari Palembang telah datang ke Kedah lalu membawa balik Syeikh Abdul Jalil balik ke Palembang kerana ramai muridnya di sana yang rindu kepada guru mereka itu. Di Palembang Syeikh Abdul Jalil

telah berkahwin pula dengan Radin Ranti dan mendapat anak Abdul Samad. Setelah tiga tahun di Palembang, Syeikh Abdul Jalil balik semula ke negeri Kedah.

Di Kedah Syeikh Abdul Jalil beroleh dua orang anak lelaki, seorang dinamakan Wan Abdul Kadir dan seorang lagi dinamakan Wan Abdullah. Anak Syeikh Abdul Jalil di Palembang, Abdul Samad dan anaknya di Kedah Wan Abdul Kadir, keduanya dihantar ke Mekah menuntut ilmu agama Islam. Abdul Samad terkenal sebagai seorang alim dalam agama Islam dan dinamakan Syeikh Abdul Samad Palembang yang akhirnya menjadi Mufti negeri Kedah.

Sultan Muhammad Jiwa telah mendirikan sebuah kota dinamakan Kota Setar. Baginda telah mengerahkan pula rakyat Kedah mengorek beberapa batang terusan iaitu: -

(1) Sebatang terusan sampai ke Alor Semandun, terus ke sungai besar di Pompong.

(2) Sebatang terusan melalui tempat yang bernama Kancut lalu tembus ke sungai besar di Pangkalan Badar (sekarang disebut Tambang Badak).

(3) Sebatang terusan menghala ke tempat yang bernama Gerbang melalui Geduk lalu ke sungai besar di Pangkalan Kundur.

Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II ini satu peristiwa telah berlaku di Pulau Langkawi, iaitu kisah seorang perempuan cantik di pulau itu bernama Mahsuri. Kisah tersebut diceritakan di bawah ini.

Di kaki bukit dalam Mukim Ulu Melaka di Pulau Langkawi, ada sebuah tempat bernama Mawat. Di kampung itu ada seorang miskin bernama Pandak Maya dan isterinya bernama Mek Endang Alang serta seorang anak perempuan mereka bernama Mek Yah. Pada suatu hari sedang Pandak Maya mencari kerbaunya yang hilang, tiba-tiba hujan turun dengan lebat dan Pandak Maya berteduh ke dalam sebuah bangsal tinggal di situ. Pada masa Pandak Maya berteduh itu terdengar olehnya suara budak menangis dalam bangsal itu. Apabila dicari-carinya, tiadalah ia berjumpa budak menangis. Dalam bangsal itu hanya ditemui sekeping kerak nasi. Apabila diambilnya kerak nasi itu berhentilah bunyi tangis itu. Tetapi apabila kerak nasi itu diletakkan, terdengar semula suara budak menangis. Oleh sebab sangat hairan tentang kejadian itu, Pandak Maya pun mengambil kerak nasi itu dan dibawanya pulang.

Apabila sampai ke rumahnya, kerak nasi itu diberikan oleh Pandak Maya kepada isterinya Mek Endang Alang lalu diceritakan hal yang

telah berlaku di bangsal tadi. Pada malam itu apabila Mek Endang Alang hendak masak nasi, kerak nasi itu dicampurkannya ke dalam beras yang hendak ditanaknya. Setelah nasi itu masak, mereka bertiga beranak pun makan. Dengan takdir Allah tiadalah lama selepas itu Mek Endang Alang pun hamil.

Pandak Maya bekerja mengutip damar getah meranti. Pada suatu hari, sedang Pandak Maya sibuk mengutip damar pada suatu tempat bernama Belanga Pecah, ia ternampak sebuah gua tiada jauh dari situ. Pandak Maya telah masuk ke dalam gua itu dan didapatinya banyak sarang burung layang-layang. Oleh sebab Pandak Maya menyangka sarang burung layang-layang itu kulat atau cendawan, sarang burung itu pun diambil dan dibawanya pulang hendak dibuat sayur.

Dalam perjalanan pulang ke rumahnya ia telah berjumpa kawannya seorang Cina bernama Ah Pek dan menunjukkan sarang burung layang-layang yang disangka cendawan itu. Ah Pek pun tidak tahu apa bendanya itu dan dimintanya sedikit hendak ditunjukkan kepada taukehnya di Pangkalan (Padang Masirat sekarang). Taukeh Ah Pek itu pun tidak tahu apa bendanya yang ditunjukkan oleh Ah Pek itu. Taukeh itu telah membawa benda itu ke Pulau Pinang.

Apabila taukeh itu balik semula ke Pulau Langkawi, ia pun memanggil Ah Pek lalu sama-sama pergi ke rumah Pandak Maya dan menyatakan kepada Pandak Maya bahawa benda itu ialah sarang burung layang-layang yang sangat mahal harganya. Sejak itu Pandak Maya pun mengambil sarang burung itu seberapa banyak yang dikehendakinya dan menyuruh taukeh itu menjualkannya ke Pulau Pinang. Pandak Maya pun banyak beroleh wang dan menjadi orang kaya.

Sejak itu hebohlah di seluruh kampung menceritakan kisah Pandak Maya berjumpa sarang burung layang-layang yang sangat mahal harganya. Selalulah orang datang ke rumahnya bertanyakan hal itu. Seorang kawan Pandak Maya bernama Mat Jusuh telah mengajak Pak Maya pergi ke gua tempat Pandak Maya mengambil sarang burung itu. Sungguhpun Pandak Maya hendak membawa Mat Jusuh pergi ke gua itu, tetapi pada tiap-tiap kali mereka hendak pergi turun hujan lebat serta dengan guruh petirnya sehingga mereka tidak dapat pergi ke gua itu. Mat Jusuh telah menuduh Pandak Maya tidak jujur kerana dia tidak dapat sarang burung itu.

Pada suatu malam sedang Pandak Maya bercakap-cakap dengan isterinya di rumah, terdengar kepada mereka bunyi ular itik atau ular cinta mani dekat rumah mereka. Pandak Maya keluar lalu menangkap dua ekor ular itu, lalu dimasak dan dimakan mereka bertiga beranak kerana

menurut pendapat orang tua-tua di Pulau Langkawi masa itu, barang siapa yang dapat melihat dan makan ular cinta mani mereka akan beroleh kesenangan hidup.

Setelah sampai masanya, Mek Endang Alang pun melahirkan seorang anak perempuan dan Pandak Maya pun menamakan anaknya itu Mahsuri. Seminggu setelah Mahsuri dilahirkan, Pandak Maya bermimpi seorang tua menyuruhnya memandikan anaknya Mahsuri itu di sebuah lubuk tidak berapa jauh dari rumahnya. Esoknya, Pandak Maya pum membawa Mahsuri ke lubuk itu lalu memandikan Mahsuri di situ. Pada masa Pandak Maya berjalan-jalan dekat lubuk itu, tiba-tiba ia berjumpa beberapa ketul besar seperti batu. Dengan tidak diketahui apa sebabnya, Pandak Maya telah mengambil ketul-ketul itu lalu dibakarnya dan pembakaran itu telah mengeluarkan bau yang harum. Pandak Maya telah mengambil ketul-ketul itu lalu ditunjukkannya kepada taukeh Ah Pek. Taukeh itu telah menyatakan kepada Pandak Maya bahawa benda itu ialah kemeyan. Sejak itu Pandak Maya pun menyuruh Ah Pek menjualkan kemeyan itu ke Pulau Pinang dan Pandak Maya bertambah kaya dan senang.

Mahsuri anak Pandak Maya makin sehari semakin bertambah cantik rupanya. Setelah Mahsuri dewasa, ia bertambah-tambah cantik hingga tidak ada tolok bandingnya di seluruh Pulau Langkawi. Datuk Seri Kerma Jaya yang menjadi ketua pemerintah di Pulau Langkawi telah mendengar kecantikan Mahsuri yang tinggal di Mawat itu. Datuk itu telah pergi ke Mawat dan dapatlah ia melihat Mahsuri. Ia pun berhajat hendak meminang Mahsuri untuk dijadikan isterinya.

Datuk Seri Kerma Jaya telah memberitahu isterinya yang bernama Mahura bahawa ia hendak mengambil Mahsuri menjadi isteri mudanya. Oleh sebab Mahura tidak mahu dimadukan, timbullah perkelahian hebat antara kedua suami isteri itu. Tiadalah jadi Datuk itu meminang Mahsuri. Dalam pada itu, Datuk Seri Kerma Jaya dan isterinya telah bermuafakat dan telah bersetuju hendak meminang Mahsuri untuk dijadikan isteri kepada seorang anak lelaki mereka bernama Mat Deris (Muhammad Idris). Akhirnya Mat Deris dikahwinkan dengan Mahsuri dan hiduplah mereka dalam aman damai. Beberapa bulan selepas itu Mahsuri pun hamil.

Pada masa Mahsuri hamil ada seorang pemuda bernama Deramang (Abdul Rahman) berasal dari Melaka dan tinggal di Pulau Langkawi. Deramang sangat miskin, tetapi ia pandai membaca hikayat dan syair. Pada suatu hari Deramang telah datang meminta sedekah ke rumah Mahsuri. Oleh sebab kasihan melihatkan keadaan Deramang itu,

Mahsuri telah mengajak Deramang tinggal di rumahnya untuk menghiburkan hati Mahsuri mendengar bacaan hikayat dan syair. Sejak itu, pada waktu malam Deramang pun membaca hikayat dan syair menghiburkan Mahsuri, dan orang-orang kampung itu pun ramai datang ke rumah Mahsuri mendengar bacaan hikayat dan syair oleh Deramang itu. Tiada lama kemudian Mahsuri pun melahirkan seorang anak lelaki dinamakan Mat Arus (Muhammad Arus).

Mahura isteri Datuk Seri Kerma jaya merasa dengki dan marah kepada Mahsuri, kerana ramai orang datang ke rumah Mahsuri dan kurang orang datang ke rumahnya. Oleh sebab itu, Mahura pun menimbulkan fitnah memberitahu kepada Datuk Seri Kerma Jaya mengatakan Mahsuri sedang berkasih-kasihan dengan Deramang, terutama pada masa Mat Deris berniaga ke Negeri Siam. Oleh sebab marahnya tidak usul periksa lagi, Datuk Seri Kerma Jaya pun menyuruh orang-orangnya pergi menangkap Mahsuri lalu dibawa ke suatu tempat Padang Hangus untuk dibunuh.

Apabila mendengar anaknya hendak dihukum bunuh, Pandak Maya pun membawa beberapa banyak wang untuk diberikan kepada Datuk Seri Kerma Jaya supaya Mahsuri tidak dibunuh, tetapi percubaan Pandak Maya itu sia-sia sahaja kerana Datuk itu tidak mahu menerima sogokan Pandak Maya.

Pada masa Mahsuri hendak dibunuh, ia telah bermohon supaya dibenarkan ia berjumpa sebentar dengan anaknya Mat Arus, tetapi permintaannya itu tidak dihiraukan. Hukuman pun dijalankan iaitu Mahsuri ditikam dengan tombak. Tetapi semua tombak yang digunakan untuk membunuh Mahsuri itu tidak lut ke badannya. Mahsuri pun berkata kepada pertanda yang hendak membunuhnya itu: "Jika sungguh hendak membunuh saya, pergilah ambil tombak saya sendiri di rumah saya, kerana tombak itu sahajalah yang dapat membunuh saya". Setelah tombak Mahsuri diambil, ditikamkan ke badan Mahsuri. Apabila tertikam sahaja, memancutlah darah putih keluar dari badan Mahsuri dan semua orang yang ada di situ hairan tercengang melihatkan peristiwa ajaib itu. Pada masa hendak mati itu, Mahsuri telah menyumpah mengatakan "Pulau Langkawi ini tidak akan makmur dan aman sehingga genap tujuh keturunan kerana kezaliman yang telah dilakukan ke atas saya".

Tidak lama selepas Mahsuri mati dibunuh, Pulau Langkawi telah diserang oleh askar-askar Siam dan semua jelapang padi yang ada di Padang Masirat habis dibakar oleh orang Siam. Beras yang terbakar itu ada lagi kelihatan hitam di Pulau Langkawi hingga sekarang. Pada masa se-

rangan askar-askar Siam itu, Datuk Seri Kerma Jaya dan isterinya Mahura serta sebilangan ramai penduduk Pulau Langkawi itu mati dibunuh oleh orang Siam dan ramai pula yang ditawan dibawa ke negeri Siam dijadikan hamba abdi.

Pada masa Siam menyerang Pulau Langkawi itu seorang anak lelaki Datuk Seri Kerma Jaya bernama Wan Mat Ali yang muda remaja tinggal di Pulau Pinang. Apabila Wan Mat Ali mendengar khabar mengatakan ayahnya di Pulau Langkawi telah dibunuh oleh orang Siam, dengan segera Wan Mat Ali balik ke Pulau Langkawi menghimpunkan orang-orang Melayu pengikutnya lalu menyerang orang-orang Siam yang ada di Pulau Langkawi. Orang-orang Siam dikalahkan oleh Wan Mat Ali dan mereka pun bertempiaran lari meninggalkan Pulau Langkawi balik ke negeri mereka. Sejak itu tiadalah putus-putusnya Wan Mat Ali melawan orang-orang Siam. Pada tahun 1839 Wan Mat Ali telah memerangi orang-orang Siam di negeri Kedah dan di Pulau Langkawi. Orang Siam dibantu oleh orang Inggeris. (Cerita Mahsuri ini dipetik dari cerita Ku Jusuh, Pulau Langkawi yang diceritakannya kepada Datuk Wan Ibrahim bin Wan Soloh, yang tersiar dalam majalah "Kedah Dari Segi Sejarah," Jilid 5, Bilangan 1, Ogos 1971).

Pada tahun 1722, lima orang raja Bugis bersaudara telah mencampuri hal ehwal pemerintahan kerajaan Johor Riau. Mereka ialah Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Celak dan Daing Kemasi. Daing Merewah telah dilantik menjadi Yamtuan Muda kerajaan Johor-Riau bersemayam di Riau.

Pada tahun 1723, ketika Daing Perani di negeri Selangor, datang utusan dari Tunku Abdullah putera Sultan Kedah (Sultan Muhammad Jiwa) menjemput raja-raja Bugis yang ada di Riau datang ke Kedah menolong ayahandanya Sultan Kedah, kerana adinda Sultan Kedah itu telah merampas takhta kerajaan Kedah dari tangan abangnya Sultan Muhammad Jiwa. Daing Perani telah meminta tangguh kepada utusan Kedah itu, kerana ia hendak balik dahulu ke Riau mesyuarat dengan saudara-saudaranya di sana dan hendak melengkapkan angkatan perang.

Dalam tahun 1723 itu juga setelah bermesyuarat dengan saudara-saudaranya di Riau, Daing Perani pun membawa angkatan perangnya menuju ke negeri Kedah lalu berperang melawan adik Sultan Kedah yang merampas kerajaan abangnya Sultan Muhammad Jiwa itu. Pihak Bugis telah mengalahkan pihak adik Sultan Kedah itu, lalu Daing Perani menaikkan semula Sultan Muhammad Jiwa ke takhta kerajaan Kedah. Sultan Kedah telah mengaku hendak memberi kepada Daing Perani yang membantu baginda wang sebanyak lima belas bahara. Tetapi pada

masa itu Sultan Kedah hanya dapat memberi sebanyak tiga bahara dan bakinya yang dua belas bahara lagi akan dibayar kemudian. Ketika berada di negeri Kedah Daing Perani telah beristerikan seorang daripada saudara Sultan Kedah. Tidak lama kemudian, Daing Perani pun membawa angkatan perangnya balik ke Riau.

Pada awal tahun 1724 (tahun 1136 H), datang pula utusan dari Sultan Muhammad Jiwa ke Riau berjumpa raja-raja Bugis lima bersaudara itu mengatakan Raja Kecil dari Siak telah datang ke negeri Kedah membantu adik Sultan Kedah yang telah dikalahkan oleh orang-orang Bugis dahulu. Adik Sultan Kedah telah merampas semula kerajaan Kedah dari tangan abangnya Sultan Muhammad Jiwa. Sekarang Sultan Muhammad Jiwa meminta bantuan lagi kepada raja-raja Bugis itu.

Angkatan perang Bugis dari Riau sebanyak enam puluh dua buah perahu perang diketuai oleh Daing Perani dan dibantu oleh Daing Merewah (Yamtuan Muda) serta Raja Tua Daing Menampuk, telah belayar menuju Kedah. Apabila sampai di Kedah, Daing Perani telah mencadangkan kepada Raja Kecil supaya raja-raja Kedah adik beradik yang berebut kerajaan itu didamaikan sahaja. Tetapi cadangan Daing Perani itu tidak diindahkan oleh Raja Kecil. Oleh sebab itu berlakulah peperangan di negeri Kedah antara orang-orang Bugis yang membantu Sultan Muhammad Jiwa dengan pihak Raja Kecil (orang-orang Siak) yang membantu adik Sultan Kedah yang telah merampas takhta kerajaan Kedah itu. Peperangan itu berlanjutan hingga hampir selama dua tahun dan telah merosakkan keamanan dan perniagaan di negeri Kedah. Di penghujung peperangan itu dengan kepandaian tipu-helah Raja Kecil, Daing Perani mangkat ditembak oleh musuhnya, pihak Raja Kecil. Setelah jenazah Daing Perani selamat dikebumikan di Kedah, adiknya Daing Merewah (Kelana Jaya Putra) telah memimpin askar-askar Bugis meneruskan peperangan melawan pihak Raja Kecil dengan lebih sungguh-sungguh lagi. Akhirnya pihak Raja Kecil kalah lalu meninggalkan negeri Kedah lari balik ke negeri Siak. Setelah Sultan Muhammad Jiwa dinaikkan semula ke atas takhta kerajaan Kedah oleh orang-orang Bugis, Daing Merewah pun membawa angkatan perangnya balik ke Riau dengan kemenangan.

Pada bulan Disember tahun 1735 bersamaan bulan Sya'ban tahun 1148 H, Sultan Muhammad Jiwa pindah dari istana Kota Bukit Pinang bersemayam ke istana di Kota Setar (Alor Setar). Tiga tahun kemudian iaitu pada tahun 1738 (tahun 1151 H), Sultan Muhammad Jiwa mendirikan pula sebuah kota di Anak Bukit yang dinamakan Kota Anak Bukit. Baginda mengerahkan rakyat baginda mengorek sebuah sungai kecil di situ dan sungai itu disebut Sungai Kecil Anak Bukit.

Baginda juga telah mendirikan sebuah kota lagi di seberang tempat yang bernama Akar Peluru dekat Alor Setar.

Pada bulan Mei tahun 1740, Sultan Kedah, Sultan Muhammad Jiwa telah mengadakan suatu istiadat kerana menetapkan pangkat dan jawatan putera-putera baginda. Tunku Abdullah dijadikan bakal Sultan Kedah, Tunku Dhiauddin (Tunku Dewa) menjadi Raja Muda dan memerintah di Kayang (Perlis sekarang) dan Setul, Tunku Long Putera menjadi Raja Tanah; Tunku Anjang menjadi Raja Laut, dan Wan Abdullah anak Syeikh Abdul Jalil digelar Seri Maharaja Putera Dewa.

Tidak lama selepas itu, bangkit pertelingkahan di antara Tunku Abdullah (bakal Sultan) dengan saudara-saudaranya Tunku Long Putera dan Tunku Anjang, langsung Tunku Long Putera dan Tunku Anjang keluar meninggalkan negeri Kedah ke merata-rata negeri dan akhirnya mereka sampai ke Jambi. Tunku Long Putera beristerikan anak Raja Jambi dan tinggal di sana. Tunku Anjang pergi ke Padang lalu ke Pariaman di Minangkabau.

Pada tahun 1770, apabila Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II telah bertambah tua, timbullah beberapa puak dalam negeri Kedah menentang pemerintahan baginda terutama kerana baginda telah memilih dan melantik Tunku Abdullah sebagai bakal yang akan menggantikan baginda menjadi Sultan Kedah. Oleh sebab itu baginda pun menyerahkan pentadbiran negeri Kedah kepada putera baginda Tunku Abdullah. Tunku Abdullah digelar pula Yang Dipertuan Muda atau Sultan Muda.

Puak-puak yang menentang pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa dan Tunku Abdullah (Sultan Muda) meminta pertolongan daripada orang-orang Bugis yang ada di negeri Selangor dan Perak secara sulit untuk memerangi kerajaan Kedah.

Pada awal bulan Mac tahun 1771, dengan tidak sedikit pun diketahui oleh Sultan Muhammad Jiwa dan Tunku Abdullah angkatan perang orang-orang Bugis telah tiba di Kuala Sungai Kedah. Di situ mereka bersatu dengan orang-orang Kedah yang memusuhi kerajaan Kedah lalu menyerang dan menawan kota di Kuala Kedah. Dari situ, pasukan perang Bugis yang bersatu dengan orang-orang Kedah pergi ke Alor Setar dan dengan mudah sahaja mereka dapat menawan Alor Setar. Oleh sebab sangat terkejut melihatkan peristiwa buruk yang tidak disangka-sangka itu, Sultan Muhammad Jiwa pun jatuh pengsan tiada sedarkan diri. Orang-orang baginda mengangkat lalu membawa baginda ke Kangar (di Perlis sekarang).

Apabila Sultan Muhammad Jiwa sampai ke Kangar dan setelah sem-

buh dari pengsan, baginda pun menjalankan ikhtiar hendak melawan pemberontakan saudara dan rakyat baginda yang derhaka itu. Baginda telah meminta bantuan daripada orang Inggeris.

Pada 18 Mac tahun 1771, Sultan Muhammad Jiwa telah mengirimkan surat kepada Gabenor Jeneral Kompeni Inggeris di Madras meminta Kompeni Inggeris menolong mengembalikan baginda semula ke atas takhta kerajaan Kedah dan menghalau askar-askar Bugis yang menyerang Kedah. Pada masa itu juga, Sultan Muhammad Jiwa menghantar utusan baginda seorang perempuan pergi ke Aceh meminta bantuan kepada saudagar-saudagar Inggeris yang ada di Aceh.

Askar-askar Bugis yang menyerang Alor Setar telah membakar bandar tersebut dan melakukan rampasan barang apa yang dapat dan menebang semua pokok-pokok yang mereka jumpai. Mereka telah merampas tongkang Orang Culia dari Koromandel yang ada di Kedah serta tiga ratus buah meriam tembaga yang indah-indah dari Kota di Kuala Kedah.

Pada 24 April tahun 1771, utusan Sultan Kedah yang dihantar ke negeri Aceh itu telah sampai balik ke negeri Kedah bersama-sama dengan Kapten Francis Light yang membawa dua buah kapal, ubat bedil, senjata-senjata serta tiga puluh orang askar Sepai. Pada masa Kapten Light berjumpa dan berunding dengan Sultan Muhammad Jiwa, baginda membenarkan sebuah syarikat perniagaan Orang Inggeris bernama Francis Jourdain mendirikan sebuah gudang perniagaannya di Kuala Kedah. Kapten Light mengaku akan memberi seratus orang askar Sepai bagi menghalau musuh Sultan Kedah. Sultan Kedah mengaku dua pertiga daripada keuntungan yang didapati dari perniagaan di gudang Kuala Kedah akan dibahagi antara baginda dengan syarikat perniagaan Francis Jourdain itu. Satu pertiga lagi diberi kepada Kapten Light bagi belanja menguruskan gudang Orang Inggeris di Kuala Kedah dan perbelanjaan askar-askar Sepai. Sultan Kedah bersetuju dengan syarat-syarat itu lalu baginda menitahkan Datuk Paduka Seri Wangsa dan Datuk Seri Maharaja Kankana menuliskan dua pucuk surat perjanjian. Setelah kedua-dua surat perjanjian itu ditandatangani oleh Sultan Kedah dan Kapten Light, sehelai diberikan kepada Kapten Light dan sehelai disimpan oleh baginda.

Dengan pertolongan orang Inggeris itu, Sultan Muhammad Jiwa telah dapat mengalahkan askar-askar Bugis yang ada di negeri Kedah lalu berundur meninggalkan negeri itu. Kota di Kuala Kedah diberikan baginda kepada Kapten Light. Pada bulan April tahun 1772, Edward Monckton seorang pegawai wakil Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris dari India

telah datang ke negeri Kedah. Pada 9 April 1772, Sultan Muhammad Jiwa telah menerima sepucuk surat dari Edward Monckton untuk mengadap baginda dan permintaan itu telah diluluskan. Dalam perjumpaannya dengan Sultan Muhammad Jiwa, Edward Monckton menerangkan kepada baginda bahawa ia datang dengan membawa angkatan perang untuk memenuhi permintaan Sultan Kedah "melindungi kerajaan baginda melawan segala musuh yang menyerang Kedah dan memadamkan segala rusuhan yang berlaku dalam negeri Kedah". Sebagai balasan kepada pertolongan Kompeni Inggeris, Sultan Kedah akan memajakkan beberapa kawasan tanah dalam negeri Kedah kepada Kompeni Inggeris dan memberikan kota di Kuala Kedah dan lain-lain lagi kepada Kompeni Inggeris.

Sultan Muhammad Jiwa telah terperanjat mendengar keterangan Edward Monckton yang mengatakan bahawa kedatangannya ke negeri Kedah itu ialah kerana memenuhi permintaan baginda pada hal baginda tidak pernah membuat permintaan seperti itu. Oleh sebab itu baginda pun menyatakan kepada Monckton bahawa baginda tidak ada mengirim surat kepada Gabenor Madras. Dalam pada itu baginda menyatakan kepada Monckton iaitu baginda membenarkan sebarang bangsa Eropah datang dan tinggal di negeri Kedah dengan syarat hendaklah mereka membantu baginda.

Pada 20 April tahun 1772, Sultan Muhammad Jiwa telah membuat surat perjanjian dengan Edward Monckton bagi pihak Kompeni Inggeris membenarkan Kompeni Inggeris mengambil kota di Kuala Kedah itu serta kawasan kecil di sekitarnya diperintah oleh Kompeni Inggeris dan memberi hak kepada Kompeni Inggeris memborong hasil lada hitam, gading gajah dan timah yang dikeluarkan dari negeri Kedah. Kawasan tanah yang diberikan kepada Kompeni Inggeris itu ialah sepanjang dua belas batu ke utara dan ke selatan dari Sungai Kedah dan sejauh tujuh batu ke darat.

Sebagai balasan kepada pemberian Sultan Kedah, Kompeni Inggeris membawa beberapa buah kapal perang berjaga-jaga di pantai laut negeri Kedah dengan dibiayai oleh cukai yang didapati dari Kuala Kedah dan Kuala Perlis. Setelah menandatangani surat perjanjian itu, Sultan Muhammad Jiwa pun mengirim surat kepada Gabenor Kompeni Inggeris di Madras mencadangkan supaya perhubungan mereka bertambah erat.

Pada 22 April 1772, kota di Kuala Kedah itu pun diambil dari Kapten Light dan diserahkan kepada Edward Monckton. Sejak itu semua kekuatan pertahanan negeri Kedah tertanggung kepada Kompeni Inggeris. Kerja memungut cukai-cukai di Kuala Kedah dan di Kuala Perlis bagi belanja pertahanan negeri Kedah diserahkan juga kepada Edward

Monckton. Setelah melawat Kangar pada 26 April 1772, Edward Monckton berjumpa Tunku Abdullah di Alor Setar. Pada penghujung bulan Julai tahun 1772, Edward Monckton telah menerima surat perintah dari ketuanya di Madras. Pada masa itu baharulah Sultan Muhammad Jiwa tahu bahawa Kompeni Inggeris tidak mahu memberi sebarang pertolongan kepada Sultan Kedah menjalankan apa-apa serangan ke tempat lain. Dalam pada itu, orang Culia yang ada di negeri Kedah serta beberapa orang keluarga Diraja Kedah telah memberi fikiran kepada Sultan Kedah supaya baginda menolak sebarang permintaan Kompeni Inggeris di negeri Kedah. Datuk Bendahara dan Datuk Laksamana Kedah menyatakan mereka tidak suka Sultan Kedah memajakkan sebarang kawasan tanah di negeri Kedah kepada Kompeni Inggeris. Pendeknya, pada masa itu perhubungan di antara Kompeni Inggeris dengan kerajaan Kedah tiadalah begitu baik.

Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang enam puluh lapan tahun, pada tahun 1778 bersamaan tahun 1192 H, Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II pun mangkat di istana baginda di Alor Setar dan dimakamkan di makam Kota Setar. Almarhum digelar "Marhum Kota Setar I."

20. SULTAN ABDULLAH MUKARRAM SHAH, 1778 – 1789

Setelah Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II mangkat pada tahun 1778, puteranya Tunku Abdullah (bakal Sultan) dilantik menjadi Sultan Kedah yang kedua puluh bergelar Sultan Abdullah Mukarram Shah. Baginda bersemayam di istana Kota Setar juga.

Sultan Abdullah Mukarram Shah dengan isteri baginda yang bernama Wan Kamaliah berputerakan Tunku Ahmad Tajuddin (atau Tunku Pengeran), Tunku Yaakub (atau Tunku Embun), Tunku Bisnu dan Tunku Jamjam (perempuan). Setelah dewasa, Tunku Jamjam dikahwinkan dengan Tunku Long Putih anak Raja Siak yang berkerajaan di Pulau Bengkalis.

Pada tahun 1780 bersamaan tahun 1194 H, Sultan Abdullah Mukarram Shah telah mendirikan sebuah kota di Kuala Bahang dan kota itu dinamakan Kota Kuala Bahang. Pada tahun 1781, baginda telah menghantar "Bunga Emas" dan "Bunga Perak" kepada Raja Siam. Pada masa itu kerajaan Siam telah pulih semula setelah berperang dengan orang Burma pada tahun 1767.

Dalam bulan September tahun 1784, seorang pegawai Kompeni Inggeris bernama Thomas Forrest datang ke negeri Kedah lalu memo-

hon kepada Sultan Kedah hendak memajak satu kawasan tanah di negeri Kedah bagi mendirikan gudang perniagaan Kompeni Inggeris. Permohonan itu tidak diluluskan oleh Sultan Abdullah, kerana baginda merasa jika ada gudang kompeni Inggeris di negeri Kedah, tentulah menjatuhkan perniagaan dan hasil di Kuala Kedah. Boleh jadi juga kerajaan Siam tidak suka orang Inggeris memajak tanah di negeri Kedah. Sikap dan tingkah laku Thomas Forrest tidak digemari oleh beberapa Orang Besar-besar Kedah terutama Datuk Seri Raja penasihat utama Sultan Kedah. Beliau tidak suka meluluskan permohonan Thomas Forrest itu. Datuk Seri Raja ialah seorang India Muslim dan nama sekarang ialah Jamal.

Pada 31 Ogos 1785 bersamaan 26 Syawal tahun 1199 H Kapten Light datang ke negeri Kedah berjumpa Sultan Abdullah meminta baginda memberikan Pulau Pinang yang dalam perintah kerajaan Kedah kepada kompeni Inggeris. Sultan Abdullah dan Datuk Seri Raja Jamal bersetuju dengan permintaan Kapten Light itu. Sultan Abdullah telah menyatakan syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh kompeni Inggeris jika mereka hendak menduduki Pulau Pinang. Syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh Sultan Abdullah itu disebutkan di bawah ini.

(1) Kompeni Inggeris akan menjaga pantai laut negeri Kedah. Sebarang musuh yang menyerang Sultan Kedah ialah musuh kepada kompeni Inggeris dan perbelanjaan melawan musuh itu tertanggung kepada kompeni Inggeris.

(2) Semua kapal, tongkang, perahu besar kecil dari Timur atau Barat yang datang ke pelabuhan negeri Kedah tidak boleh ditahan atau diganggu oleh Wakil Kompeni Inggeris, melainkan hendaklah dibiarkan sahaja ikut suka hati mereka sama ada hendak berjual-beli dengan kami (Kedah) atau dengan kompeni Inggeris di Pulau Pinang sebagaimana yang mereka fikirkan patut.

(3) Barang-barang seperti candu, timah dan rotan ialah sebahagian daripada hasil negeri Kedah. Oleh sebab Kuala Muda, Perai dan Kerian yang mengeluarkan hasil-hasil itu terletak dekat dengan Pulau Pinang (kediaman kompeni Inggeris) tentulah larangan kepada hasil-hasil itu diberhentikan dan Gabenor Jeneral hendaklah membenarkan beta (Sultan Kedah) menerima wang daripada Kompeni Inggeris sebanyak 30,000 ringgit Sepanyol setiap tahun.

(4) Sekiranya Wakil Kompeni Inggeris memberi wang kepada sebarang keluarga Sultan Kedah, menteri-menteri, pegawai-pegawai atau rakyat Kedah, maka tidaklah boleh Wakil Kompeni Inggeris

itu membuat apa-apa tuntutan kepada Sultan Kedah.

(5) Sebarang orang calon negeri Kedah dengan tiada kecualinya, sama ada ia putera atau saudara beta (Sultan Kedah) yang menjadi musuh beta, menjadi musuh juga kepada Kompeni Inggeris dan Wakil Kompeni Inggeris tidak boleh melindungi mereka.

(6) Jika ada sebarang musuh datang menyerang beta (negeri Kedah) ikut jalan darat, beta minta pertolongan askar-askar, senjata-senjata atau peluru dan Kompeni Inggeris akan memberi benda-benda itu atas perbelanjaan beta.

Sekianlah syarat-syarat yang dikehendaki oleh Sultan Abdullah jika kompeni Inggeris hendak menduduki Pulau Pinang. Pada hari itu juga Sultan Abdullah mengirim surat kepada Gabenor Jeneral Kompeni Inggeris di India menyatakan persetujuan baginda memberikan Pulau Pinang kepada kompeni Inggeris dengan syarat-syarat yang disebutkan itu.

Pada bulan Januari tahun 1786, angkatan kapal perang orang Burma telah sampai ke Kuala Kedah. Ketua orang Burma itu telah meminta Sultan Kedah memberikan kepadanya senjata dan peluru, kerana mereka hendak menakluki tempat yang bernama Thalang di sebelah utara Pulau Langkawi yang dikuasai oleh orang Siam. Oleh sebab Sultan Abdullah memang telah mengiktiraf kebesaran kerajaan Burma, permintaan orang Burma itu pun disempurnakan baginda. Dalam pada itu Sultan Abdullah telah menghantar juga bantuan kepada orang Siam yang sedang terkepung di Thalang itu. Baginda memberikan bantuan kepada kedua belah pihak yang bermusuhan dengan tujuan hendak menyelamatkan negeri Kedah.

Pada masa itu juga, oleh sebab khuatirkan serangan dari pihak Siam yang hendak mengukuhkan kuasanya di negeri Kedah, Sultan Abdullah telah melengkapkan persediaan bagi melawan serangan yang mungkin datang dari pihak Siam itu. Datuk Bendahara dan Datuk Laksamana serta lain-lain pegawai kerajaan Kedah dengan membawa orang-orang Melayu Kedah seramai 10,000 orang dititahkan oleh Sultan Kedah membuat kubu-kubu pertahanan di genting-genting gunung di sempadan antara negeri Kedah dengan Singgora-Patani. Bahkan Sultan Abdullah telah mencuba juga supaya Kapten Gray dengan angkatan perang yang ada pada masa itu di Pulau Pinang datang ke negeri Kedah bersekutu mempertahankan negeri Kedah.

Tiada lama selepas itu, seorang Orang Besar Siam bergelar "Uparat" (pembantu Raja Siam) mengirim surat bertanya kepada Sultan Abdullah berkenaan dengan bantuan yang telah baginda beri kepada orang

Burma. dan ia juga telah memerintahkan baginda menguatkan lagi pengakuan baginda mengiktiraf kuasa Raja Siam ke atas negeri Kedah. Sultan Abdullah telah menghantar seorang ipar baginda bernama Tunku Cena dengan membawa barang-barang hadiah pergi ke negeri Siam. Tetapi Raja Siam tidak mahu menerima kedatangan Tunku Cena itu. Raja Siam hendakkan Sultan Abdullah sendiri datang ke negeri Siam. Kehendak Raja Siam itu tidak juga diturut oleh Sultan Abdullah melainkan baginda telah menghantarkan pula putera sulung baginda, Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pengeran) dengan membawa barang-barang hadiah yang lebih banyak lagi ke negeri Siam.

Apabila sampai ke Singgora (Songkhla), di hadapan Wakil Raja Siam di situ, Tunku Ahmad Tajuddin telah mengesahkan pengiktirafan kerajaan Kedah akan kebesaran kuasa kerajaan Siam ke atas negeri Kedah. Tunku Ahmad Tajuddin mengakui juga bahawa Kedah mahu bersekutu dengan Siam menyerang orang Burma di Mergui dan Tavoy dan telah memberikan beberapa buah perahu kepada Siam. Pada masa itu juga, "Uparat", telah memerintahkan Sultan Abdullah menghantar seratus koyan beras, empat pucuk meriam tembaga, dan empat pucuk meriam 12 pound kepada pihak Siam.

Dalam pada itu, pada tahun 1786 itu juga Sultan Abdullah Mukarram Shah telah membenarkan Kapten Francis Light menduduki Pulau Pinang. Pada awal bulan Ogos tahun 1786, "Uparat" memberi amaran kepada Sultan Abdullah jangan melindungi orang-orang pelarian dari Patani. Tetapi kedatangan orang Patani beramai-ramai ke negeri Kedah itu tidak dapat dihalang oleh Sultan Kedah. Oleh sebab itu bertambahlah kekhuatiran baginda kalau-kalau orang Siam menyerang Kedah.

Oleh sebab kekhuatiran itu, Sultan Abdullah segera meminta bantuan kepada orang Inggeris di Pulau Pinang. Pada 25 Ogos tahun 1786, Sultan Abdullah telah menjemput Kapten Francis Light di Pulau Pinang datang ke negeri Kedah membincangkan fasal Kompeni Inggeris hendak melindungi negeri Kedah. Tetapi Kapten Light telah menghantar Kapten Glass ke Kedah berjumpa Sultan Abdullah. Sungguhpun Kapten Glass telah berbincang dengan Sultan Abdullah, tetapi hingga masa itu Sultan Abdullah masih juga belum mendapat jawapan yang tegas dari Kapten Light atau dari Kapten Glass sama ada kompeni Inggeris menerima atau menolak syarat-syarat yang baginda kehendaki apabila Inggeris menduduki Pulau Pinang itu.

Di antara bulan Oktober – November 1786, beberapa kali Sultan Abdullah menjemput Kapten Light datang ke negeri Kedah untuk membincangkan permintaan dari pihak Siam kepada kerajaan Kedah,

dan juga mengenai orang pelarian dari Patani yang boleh dihantar menduduki Pulau Pinang. Tetapi setiap kali jawapan yang diterima oleh Sultan Abdullah dari Kapten Light ialah "tidak bersetuju".

Pada bulan November tahun 1786, Siam telah menakluki Patani. Sejak itu tekanan Siam ke atas kerajaan Kedah semakin kuat. Oleh sebab itu pada 24 November 1786, Sultan Kedah telah menitahkan Datuk Shahbandar Kedah pergi ke Pulau Pinang bertanyakan kepada pihak Inggeris sama ada Inggeris hendak menolong Kedah atau tidak sekiranya Kedah diserang oleh Siam.

Sebaik sahaja Datuk Shahbandar meninggalkan negeri Kedah, datang perintah dari Raja Siam, King Rama I kepada Sultan Kedah menyatakan Kedah hendaklah membantu Siam mempertahankan Thalang dari serangan orang Burma. Dengan tidak berlengah-lengah lagi, Sultan Abdullah pun menghantar Datuk Laksamana Kedah pergi ke Pulau Pinang, meminta Kapten Francis Light datang ke negeri Kedah membincangkan apakah yang patut dibuat bagi menjaga keselamatan negeri Kedah. Mengenai panggilan ini, tiadalah didapati apa-apa bukti yang menyatakan panggilan Sultan Kedah itu dijawab oleh Kapten Light dan tidaklah juga diketahui apakah yang telah difikirkan oleh Kapten Light berkenaan dengan hal itu.

Dalam bulan Februari tahun 1787, surat dari pejabat Kompeni Inggeris di Calcutta sampai kepada Kapten Francis Light di Pulau Pinang. Dalam surat itu Kompeni Inggeris menyatakan tidak mahu memberi apa-apa perlindungan atau bantuan tentera kepada kerajaan Kedah, kerana Kompeni Inggeris khuatir kalau-kalau bantuannya kepada Kedah membangkitkan permusuhan di antara Kompeni Inggeris dengan Siam dan "mendatangkan kerosakan besar kepada perniagaan orang Inggeris di Pegu". Tetapi kandungan surat itu tidak diberitahu oleh Kapten Light kepada Sultan Abdullah di Kedah walaupun Kapten Light telah cuba supaya Kompeni Inggeris mengubah ketetapan dalam surat itu. Malangnya Kapten Light tidak berjaya.

Pada penghujung bulan Disember tahun 1787, Sultan Abdullah telah menerima lagi ancaman dari Siam. Baginda telah diperintahkan oleh Siam memberikan sebanyak 200 buah perahu kepada angkatan perang Siam yang hendak melancarkan serangan ke negeri Burma. Gabenor-gabenor Siam di Nakhon Si Thammarat (Ligor) dan Singgora (Songkhla) akan menggunakan negeri Kedah sebagai tempat mereka melancarkan serangan ke Burma dan Sultan Abdullah telah diperintahkan juga memberikan kepada Siam senjata, ubat bedil dan bekalan makanan untuk seramai 10,000 orang.

Oleh sebab takutkan angkatan perang Siam menyerang ke negeri

Kedah, Sultan Abdullah pun mengaku akan memberi kepada Siam sebanyak 140 buah perahu serta 5,000 orang. Sementara itu pada 26 Disember 1787 baginda pun menulis surat kepada Kapten Light di Pulau Pinang meminta nasihat bagaimana baginda patut bertindak berhubung dengan permintaan Siam itu.

Sultan Abdullah belum juga memberi bantuan seperti yang dikehendaki oleh Siam. Dalam bulan Jun tahun 1788 Sultan Abdullah telah menerima lagi permintaan Siam yang berkehendakkan senjata-senjata dan bekalan makanan untuk 2,000 orang yang akan dihantar menyerang Mergui dan Tavoy dan Siam meminta baginda menghantar wang sebanyak $30,000. Tidak lama setelah menerima permintaan Siam itu, Sultan Abdullah telah menerima sepucuk surat dari Gabenor Jeneral Kompeni Inggeris di India dan pesanan dari Kapten Light yang mengatakan bahawa Kompeni Inggeris telah menetapkan pemberian wang sebagai hadiah kepada baginda. Pada masa itu juga Sultan Abdullah menitahkan Datuk Laksamana pergi ke Pulau Pinang membawa surat baginda supaya disampaikan kepada Kapten Light. Dalam surat itu Sultan Abdullah menjemput Kapten Light datang ke negeri Kedah supaya memberi nasihat kepada baginda berkenaan dengan permintaan Siam yang baharu diterima itu. Dalam surat itu dinyatakan juga cadangan baginda hendak menyerang wilayah-wilayah di Siam Selatan. Kapten Light tidak mahu datang ke Kedah. Ia terus berunding dengan Datuk Laksamana Kedah yang datang ke Pulau Pinang itu.

Dalam perundingan di antara Kapten Francis Light dengan Datuk Laksamana Kedah di Pulau Pinang itu, Light menasihatkan supaya Sultan Kedah jangan melancarkan serangan ke wilayah-wilayah di Siam Selatan kerana kerajaan Siam lebih kuat daripada kerajaan Kedah. Kalau Kedah menyerang wilayah-wilayah di Siam Selatan itu, pada suatu hari tentu Siam akan menuntut bela menyerang Kedah pula. Tambahan pula kalau Kedah jadi "penyerang", tentulah Kompeni Inggeris susah hendak memberi bantuan kepada Kedah. Kapten Light mencadangkan supaya Sultan Abdullah menulis surat kepada Raja Siam menyatakan bahawa permintaan Raja Siam yang dahulu itu telah disempurnakan baginda. Tetapi oleh sebab Kedah kekurangan padi dan perdagangannya merosot permintaan Siam yang baru ini tidak dapat disempurnakan oleh Kedah. Dalam pada itu Sultan Abdullah terus juga menguatkan pertahanan negeri Kedah.

Oleh sebab Kompeni Inggeris tidak mahu memberi apa-apa bantuan kepada Kedah dan mereka masih juga menduduki Pulau Pinang, Sultan Abdullah pun menjalankan ikhtiar untuk mendapatkan pertolongan dari mana-mana pihak bagi mengukuhkan pertahanan perang di negeri

Kedah. Kalau boleh mereka hendak menghalau Orang Inggeris keluar dari daerah kerajaan Kedah.

Pada awal bulan Februari tahun 1790, Sultan Abdullah mendapat berita mengatakan ada sebuah angkatan kapal perang Inggeris yang diketuai oleh Commodore Cornwallis (adik Lord Cornwallis) tiba di Pulau Pinang. Dengan tidak berlengah-lengah lagi Sultan Abdullah mengirim surat kepada Commodore Cornwallis. Dalam surat itu baginda menceritakan semua hal mengenai baginda dengan Kapten Light dan juga syarat-syarat yang baginda kehendaki apabila orang Inggeris menduduki Pulau Pinang. Baginda meminta supaya surat baginda itu disampaikan kepada Lord Cornwallis di India.

Pada bulan November tahun 1790, satu angkatan mengandungi 30 buah perahu perompak Lanun dari Pulau Sulu (di Kepulauan Filipina) dan 25 buah perahu dari berbagai-bagai tempat di Alam Melayu yang diketuai oleh Tengku Endut Yang Dipertuan Muda Siak telah datang ke Semenanjung Tanah Melayu dengan tujuan hendak menyerang orang Belanda dan hendak merompak. Serangan yang hendak mereka lancarkan ke kota Orang Belanda di Tanjung Putus di Sungai Perak tidak jadi dilancarkan, kerana Orang Belanda di situ telah mendapat bantuan dari Orang Belanda di Melaka.

Pada bulan berikut iaitu bulan Disember 1790, angkatan perahu-perahu Lanun itu telah datang ke Kuala Kurau di bahagian utara negeri Perak tidak jauh dari negeri Kedah. Angkatan Lanun itu bermaksud hendak menyerang kapal-kapal dan pelabuhan-pelabuhan lain di sebelah utara negeri Perak, Pulau Pinang serta pelabuhan-pelabuhan di negeri Kedah seperti yang telah mereka lakukan di negeri Perak itu. Oleh sebab khuatirkan lanun-lanun itu datang menyerang Kuala Kedah, Sultan Abdullah pun memasang pancang-pancang dan dirantai di Kuala Sungai Kedah.

Apabila angkatan Lanun itu berkumpul di Pulau Bunting tiada jauh dari negeri Kedah, terbukalah harapan Sultan Abdullah hendak mendapatkan semula Pulau Pinang dari tangan orang Inggeris. Sultan Abdullah telah melancarkan kepungan ekonomi terhadap Pulau Pinang. Baginda telah menahan barang-barang makanan yang mustahak dan lain-lain barang dagangan yang dihantar ke Pulau Pinang. Di samping itu baginda telah menyediakan pula persediaan perang. Datuk Bendahara Kedah telah mengumpulkan orang-orangnya. Datuk Laksamana telah melengkapkan perahu-perahu dan alat senjata. Sultan Abdullah telah terang-terang menyatakan maksudnya hendak menyerang Pulau Pinang dengan bantuan orang-orang Lanun. Orang-orang Lanun itu telah diberi baginda bekalan makanan, senjata, peluru dan mereka dijanjikan

boleh mengambil barang-barang rampasan yang didapati di Pulau Pinang kelak. Pada masa itu juga Sultan Abdullah telah mendirikan dua buah kubu di Perak. Pada bulan Januari tahun 1791, Sultan Abdullah telah meminta bantuan kepada Orang Belanda di Melaka supaya memberi baginda senjata-senjata. Tetapi permintaan baginda itu tidak diberi oleh orang Belanda.

Kapten Francis Light telah menuduh Sultan Abdullah bersuhabat dengan perompak Lanun. Dikatakan baginda telah menghantar beberapa orang pegawai baginda pergi berjumpa perompak-perompak Lanun itu di Kuala Kurau dan terus membuat perjanjian dengan perompak Lanun itu untuk menyerang Pulau Pinang untuk dijadikan hamba abdi. Perompak Lanun itu akan diberi wang oleh Sultan Abdullah sebanyak $20,000.

Menjelang pertengahan bulan Mac tahun 1791, Sultan Abdullah telah melantik Tunku Dhiauddin, Tunku Radin Muhammad dan Datuk Laksamana Kedah mengetuai pasukan penyerang dan menitahkan kepada mereka "buatlah apa yang mereka fikirkan betul sama ada hendak berunding dengan pihak Inggeris di Pulau Pinang atau melancarkan serangan".

Ketua-ketua yang dilantik oleh Sultan Abdullah merasa mereka hendak mencuba terlebih dahulu membuat perhubungan dengan pihak Kapten Light di Pulau Pinang sebelum melancarkan apa-apa serangan. Tunku Radin Muhammad telah mengirim surat meminta Kapten Light menghantar wakilnya ke negeri Kedah supaya berunding mendapatkan ketetapan. Tetapi Kedah tidak mendapat apa-apa jawapan dari Kapten Light.

Pada 19 Mac 1791, dua puluh buah perahu Lanun yang menyebelahi Sultan Abdullah itu telah tiba ke Perai dan esoknya pula Datuk Bendahara dan Datuk Laksamana Kedah telah membawa 90 buah perahu lagi yang bermuat orang-orang Melayu Kedah pergi ke Perai. Pasukan orang-orang Kedah itu telah bekerja keras menyiapkan kubu-kubu pihak Kedah di Perai itu. Pada 29 Mac 1791, ketua-ketua pihak Kedah yang ada di Perai telah memberitahu kepada pihak Kapten Light di Pulau Pinang supaya Kapten Light membayar wang kepada pihak Kedah sebanyak $10,000 seperti yang telah dijanjikan oleh Kapten Scott; dan pihak Kedah telah memberitahu juga kepada Kapten Light iaitu orang-orang Lanun yang telah berhimpun di Perai tidak akan bersurai meninggalkan tempat itu selagi mereka belum diberi wang seperti yang telah dijanjikan. Kapten Light pun menghantar wang kepada pihak Kedah, tetapi hanya sebanyak $5,000 dan Light mengatakan bakinya akan dibayar apabila orang-orang Lanun meninggalkan tempat

itu. Sultan Abdullah tidak puas hati dengan tindakan Kapten Light itu.

Pada 8 April 1791, Sultan Abdullah telah menyatakan persetujuan baginda supaya orang-orang Kedah menyerang Pulau Pinang. Dua pucuk surat dari pihak Kedah telah dihantar ke Pulau Pinang. Sepucuk surat dibawa oleh Datuk Seri Ratu Pahlawan yang menyatakan kata-dua kepada Kapten Light; dan sepucuk lagi dibawa oleh Encik Kadr disampaikan kepada Datuk Penggawa di Pulau Pinang menerangkan perkara yang sedang berlaku di antara Kedah dengan Pulau Pinang. Setelah mengirim surat-surat itu, ketua-ketua pasukan perang pihak Kedah itu pun menanti jawapan dari Kapten Light. Harapan pihak Kedah dari jawapan Kapten Light itu hanya dua perkara, iaitu sama ada Kapten Light keluar meninggalkan Pulau Pinang atau bersetuju dengan syarat-syarat yang telah dikemukakan kepadanya oleh Sultan Abdullah itu.

Sementara menantikan jawapan dari Kapten Light, dengan tidak disedari oleh pihak Kedah, pada 12 April 1791 angkatan perang pihak Inggeris dari Pulau Pinang telah menyerang kubu-kubu pihak Kedah yang ada di Perai itu. Oleh sebab serangan yang tidak disangka-sangka, pihak Kedah yang ada di Perai itu telah dikalahkan oleh askar-askar pihak Inggeris yang terdiri dari askar-askar Sepai hingga orang-orang Kedah yang ada di Perai habis lari bertempiaran balik ke negeri Kedah. Kubu-kubu mereka di Perai dibakar dan dibinasakan oleh pihak Inggeris. Kapten Light menyatakan sebab ia menyerang pihak Kedah di Perai ialah kerana ia telah yakin bahawa pihak Kedah hendak menyerang dan membinasakan Pulau Pinang.

Kekalahan pihak Kedah di Perai telah mengagalkan langsung rancangan Sultan Abdullah hendak menyerang pihak Inggeris di Pulau Pinang. Oleh sebab itu baginda pun mengambil tindakan dengan cara yang lain pula. Pada 19 April 1791 Sultan Abdullah telah menghantar utusan membawa surat baginda kepada Kapten Light. Dalam surat itu antara lain baginda menyatakan baginda telah menyalahkan pegawai-pegawai baginda di Perai yang berkelakuan tidak baik dan baginda tidak berniat hendak menyerang Pulau Pinang. Baginda mencadangkan kepada Kapten Light supaya semua perkara yang telah berlaku itu dilupakan sahaja.

Sultan Abdullah Mukarram Shah bagi pihak kerajaan Kedah dan Kapten Francis Light bagi pihak Kompeni Inggeris Pulau Pinang telah membuat surat perjanjian damai yang telah ditandatangani mereka pada 1 Mei tahun 1791. Sejak itu selesailah pertelingkahan di antara Sultan Abdullah dengan Kapten Francis di Pulau Pinang. Surat Perjanjian damai antara Kapten Francis Light bagi pihak Kompeni Inggeris di Pu-

lau Pinang dengan Sultan Abdullah Mukarram Shah bagi pihak kerajaan Kedah berbunyi demikian:

Pada hari ini, surat perjanjian ini menyatakan bahawa Gabenor Pulau Pinang (Wakil Kompeni Inggeris) telah menetapkan perdamaian dan persahabatan dengan Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Negeri Kedah dan sekalian Orang Besar-besar dan rakyat dalam kedua buah negeri, sama ada yang tinggal di darat dan di laut, hidup dalam aman selagi ada peredaran matahari dan bulan. Syarat-syarat Perjanjian ini ialah:

Syarat I.

Kompeni Inggeris akan memberi kepada Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Negeri Kedah wang sebanyak enam ribu ringgit Sepanyol tiap-tiap tahun selagi orang Inggeris menguasai Pulau Pinang.

Syarat II

Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Negeri Kedah bersetuju iaitu segala jenis barang makanan yang dikehendaki untuk Pulau Pinang, untuk kapal-kapal perang dan kapal-kapal Kompeni Inggeris boleh dibeli di Kedah dengan tidak dikenakan halangan atau sebarang cukai.

Syarat III

Orang berhutang yang lari daripada orang yang memberi hutang dari Kedah ke Pulau Pinang atau dari Pulau Pinang ke Kedah, jika mereka tidak membayar hutang mereka itu hendaklah diserahkan kepada orang tempat mereka berhutang itu.

Syarat IV

Orang berhutang yang lari daripada orang tempat mereka berhutang dari Kedah ke Pulau Pinang, atau dari Pulau Pinang ke Kedah, jika tidak membayar hutang mereka hendaklah diserahkan kepada orang-orang tempat berhutang itu.

Syarat V

Yang Dipertuan tidak akan membenarkan orang-orang Eropah yang lain daripada bangsa Inggeris mendiami sebarang tempat dalam negeri baginda.

Syarat VI

Kompeni Inggeris tidak akan menerima sebarang orang yang melakukan pengkhianatan atau pemberontakan terhadap Yang Dipertuan (Kedah).

Syarat VII

Sesiapa yang membunuh orang dan lari dari Kedah ke Pulau Pinang, atau dari Pulau Pinang ke Kedah akan ditangkap dan dikembalikan sebagai orang tangkapan.

Syarat VIII

Sesiapa yang mencuri cap mohor (atau memalsukan cap mohor) hendaklah mengembalikan semula cap mohor yang sebenarnya itu.

Syarat IX

Orang yang menjadi musuh Kompeni Inggeris, Yang Dipertuan Kedah tidak akan memberi barang-barang makanan kepada mereka.

Perdamaian itu telah diadakan di antara Yang Dipertuan Kedah dengan Kompeni Inggeris. Kedah dan Pulau Pinang hendaklah dijadikan sebagai sebuah negeri.

Surat Perjanjian itu diperbuat dan disempurnakan oleh Tunku Sharif Muhammad, Tunku Alang Ibrahim dan Datuk Penggawa Telibun, wakil-wakil bagi pihak Yang Dipertuan Kedah dan diserahkan kepada Gabenor Pulau Pinang, wakil Kompeni Inggeris. Dalam surat perjanjian ini siapa yang mengubah daripada sebarang bahagian yang bertulis di dalamnya akan dihukum dan dibinasakan oleh Allah.

Cap mohor Sharif Muhammad dan Tunku Alang Ibrahim dan Datuk Penggawa Telibun ada dicapkan pada surat perjanjian ini berserta dengan tulisan tangan masing-masing.

Perjanjian itu ditandatangani bersama cap mohor di dalam Kota Cornwallis, Pulau Prince of Wales (Pulau Pinang) pada 1 Mei 1791.

Setelah memerintah Kedah selama lebih kurang dua puluh tahun, pada tahun 1798, Sultan Abdullah Mukarram Shah pun mangkat dan dimakamkan di Kota Setar. Almarhum digelar "Marhum Kota Setar II".

Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah meninggalkan beberapa orang putera-puteri dari isteri-isteri baginda. Dari isteri baginda yang bernama Wan Mas, berputerakan Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pengeran), Tunku Bisnu, Tunku Putera dan enam orang puteri. Dari isteri baginda yang bernama Cik Mas, berputerakan Tunku Daud. Dari isteri baginda yang bergelar Cik Bonda, berputerakan Tunku Ibrahim, Tunku Sulaiman, Tunku Kusu (Busu?) dan seorang puteri. Dari isteri baginda yang bernama Cendera Sari, berputerakan Tunku Yaakub (Tunku Embun), Tunku Muhammad dan dua orang puteri.

Dari isteri baginda yang bernama Bida Sari, berputerakan dua orang puteri. (Nama puteri-puteri baginda itu tidak diperolehi).

21. SULTAN DHIAUDDIN MUKARRAM SHAH II 1798 — 1804

Pada masa Sultan Abdullah Mukarram Shah mangkat (dalam tahun 1798), putera almarhum yang bernama Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pengeran) masih budak lagi. Oleh sebab itu Orang besar-besar Kedah telah melantik adinda almarhum itu Tunku Dhiauddin (Tunku Dewa) yang menjadi Raja Muda di Kayang (Perlis) menjadi Sultan Kedah yang kedua puluh satu bergelar Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II.

Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II ini berputerakan Tunku Safiah (disebut juga Tunku Tunjung), Tunku Yusuf dan Tunku Muhammad.

Setelah Tunku Safiah dewasa, seorang peranakan Arab dari Palembang bernama Syed Harun Jamalulail datang ke negeri Kedah (di Alor Setar). Syed Harun Jamalulail telah berkahwin dengan Tunku Safiah. Tidak berapa lama kemudian mereka berpisah dari Alor Setar membuat kampung halaman di tempat yang bernama Arau dalam negeri Perlis sekarang. Sultan Kedah telah melantik Syed Harun Jamalulail menjadi Penghulu di Arau. Beliaulah penghulu yang pertama di Arau.

Menjelang akhir bulan Jun tahun 1800, Sir George Leith Gabenor di Pulau Pinang telah menghantar seorang wakilnya bernama Caunter berjumpa Sultan Dhiauddin untuk memajak kawasan tanah di daratan negeri Kedah yang bersetentangan dengan Pulau Pinang. Permintaan orang Inggeris itu telah dipersetujui oleh Sultan Kedah dengan syarat Kompeni Inggeris membayar wang sebanyak $4,000 tiap-tiap tahun kepada Sultan Kedah. Apabila dicampurkan dengan pembayaran kerana menduduki Pulau Pinang ($6,000), kenalah Kompeni Inggeris membayar sebanyak $10,000 setiap tahun kepada Sultan Kedah kerana menduduki Pulau Pinang dan Seberang Prai. Kawasan tanah atau negeri yang bersetentang dengan Pulau Pinang yang dipajak oleh Kompeni Inggeris itu dinamakan "Province Wellesley". Satu surat perjanjian di antara Kompeni Inggeris dengan kerajaan Kedah telah diperbuat pada tahun 1800 dan ditandatangani oleh Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II bagi pihak kerajaan Kedah dan Sir George Leith bagi pihak Kompeni Inggeris.

Surat Perjanjian memajakkan tanah "Seberang Prai" (Province Wellesley) kepada Kompeni Inggeris itu adalah seperti berikut:

Fasal yang pertama: Kompeni Inggeris bersetuju membayar setiap tahun kepada Duli Raja Muda Perlis dan Kedah sepuluh ribu rial selama

Inggeris menguasai dan menduduki Pulau Pinang dan negeri yang di seberang.

Fasal yang kedua: Duli Yang Maha Mulia janji kasi kepada Kompeni Inggeris selama-lamanya jajahan laut dari Kuala Kerian sampai ke Kuala Muda dan ukurannya dari tepi laut ke darat enam puluh relung serta panjang dan lebar yang tersebut ini. Kemudian hendaklah diukur oleh orang Duli Yang Maha Mulia bersama-sama dengan orang dan kompeni. Kompeni Inggeris sanggup menjaga jajahan laut ini daripada pencuri dan perompak-perompak yang menyerang dari laut baik dari sebelah utara atau dari sebelah selatan.

Fasal yang ketiga: Duli Yang Maha Mulia berjanji segala jenis makanan yang kurang di Pulau Pinang atau untuk kapal perang atau untuk kapal Kompeni boleh dibeli di Perlis dan Kedah dengan memberi surat pas.

Fasal yang keempat: Segala budak yang lari dari Perlis dan Kedah ke Pulau Pinang atau dari Pulau Pinang dan ke Perlis dan Kedah tiada mahu dipulangkan kepada negeri asal mereka.

Fasal yang kelima: Segala orang berhutang yang lari daripada tuan hutangnya dari Perlis dan Kedah ke Pulau Pinang atau dari Pulau Pinang ke Perlis dan Kedah jikalau tiada dibayar hutangnya hendaklah dipulangkan kepada tuannya.

Fasal yang keenam: Duli Yang Maha Mulia tidak boleh membenarkan orang Eropah tinggal di dalam negeri yang di bawah perintah Duli Tuanku.

Fasal yang ketujuh: Kompeni tidak boleh menerima orang yang sudah nyata salah melawan Raja atau kesalahan besar yang lain.

Fasal yang kelapan: Orang yang bersalah membunuh orang lari dari perlis dan Kedah ke Pulau Pinang hendaklah ditangkap dan dipulangkan ke tempatnya.

Fasal yang kesembilan: Orang yang mencuri cap atau menipu hendaklah dipulangkan juga.

Fasal yang sepuluh: Bangsa yang menjadi musuh Kompeni Duli Yang Maha Mulia tiada boleh diberi bantuan.

Fasal yang sebelas: Semua rakyat Duli Yang maha Mulia membawa segala jenis barang-barang turun sungai tiada boleh diusik atau ditahan oleh Kompeni atau orangnya.

Fasal dua belas: Apa-apa jenis barang Duli Yang Maha Mulia yang kekurangan dan Kompeni mahu mencarinya, harga hendaklah ditolak dari sewa Pulau Pinang.

Fasal tiga belas: Apabila telah dinyatakan dan diterangkan perjanjian dan kahul ini segala sewa yang tinggal atas perjanjian yang dahulu kepada Duli Yang Maha Mulia di Perlis dan Kedah hendaklah dibayar habis.

Fasal empat belas: Perjanjian dan kahul yang telah dibuat oleh kedua pihak penghulu negeri batal dan tidak boleh digunakan lagi.

Empat belas perkara itu telah diputuskan oleh kedua pihak Duli Yang Maha Mulia dan Kompeni Inggeris. Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menjadi satu negeri dan siapa yang mungkin dan mengubah salah satu janji dan kahul ini Tuhan boleh menghukum dan merosakkan dia hingga tidak lagi sempurna di dalam dunia.

Surat itu diperbuat oleh hakim Ibrahim bin Seri Raja Muda dengan perintah Duli Yang Maha Mulia yang masyhur dan mulia. (Surat perjanjian di atas dipetik dan diubahsuaikan dari buku "Kedah 1771 – 1821" karangan R. Bonney, cetakan Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, muka surat 186 – 188).

Surat perjanjian yang diperbuat di antara Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II dengan Sir George Leith Gabenor Pulau Pinang bagi pihak Kompeni Inggeris pada tahun 1800 membenarkan orang Inggeris menduduki Seberang Prai (Province Wellesley).

Pada tahun 1801 – 1802, Tunku Ahmad Tajuddin (Tuanku Pengeran) putera almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah bersama rombongan dari negeri Kedah telah pergi ke Singgora (Songkhla). Di Singgora, Tunku Ahmad Tajuddin berjaya memujuk Gabenor Siam yang memerintah di situ untuk bersama-sama pergi ke negeri Siam mengadap Raja Siam. Apabila sampai di Siam, Tunku Ahmad Tajuddin dibenarkan mengadap Raja Siam, King Rama I. Pada masa mengadap Tunku Ahmad Tajuddin telah menceritakan segala hal yang berlaku di negeri Kedah termasuk hal Tunku Dhiauddin yang telah menjadi Sultan Kedah dan perihal Tunku Dhiauddin yang memberikan tanah Seberang Prai kepada Kompeni Inggeris. Dalam pada itu, Tunku Ahmad Tajud-

din telah meminta bantuan kepada Raja Siam supaya melantik beliau Ahmad Tajuddin mengakui kuasa kerajaan Siam ke atas negeri Kedah serta mengakui tetap taat setiap kepada Raja Siam.

Pada bulan September tahun 1803, Raja Siam telah menghantar satu angkatan tentera Siam seramai 5,000 orang menghantar Tunku Ahmad Tajuddin balik ke negeri Kedah serta membawa surat perintah dari Raja Siam menyuruh Orang Besar-besar Kedah menabalkan Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pengeran) menjadi Sultan Kedah, dan sepucuk surat lagi dari King Rama I memerintahkan Tunku Dhiauddin turun dari takhta kerajaan Kedah.

22. SULTAN AHMAD TAJUDDIN HALIM SHAH II, (1804 – 1821) – 1843

Pada bulan September tahun 1804, bersamaan bulan Jamadilakhir tahun 1219 H, Tunku Dhiauddin serta Orang Besar-besar Kedah pun menabalkan Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pengeran) dalam satu istiadat Diraja menjadi Sultan Kedah yang kedua puluh dua, bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II. Ayah saudara baginda Tunku Dhiauddin kembali semula tinggal di Kayang (Perlis) dan memerintah di situ. Sultan Ahmad Tajuddin melantik adinda baginda yang bernama Tunku Ibrahim (putera Cik Bonda) menjadi Raja Muda Kedah yang ditugaskan mengetuai semua kerja-kerja pentadbiran kerajaan Kedah.

Setelah Sultan Ahmad Tajuddin ditabalkan menjadi Sultan Kedah dan askar-askar Siam yang ramai datang ke Kedah itu pun bertolak balik meninggalkan negeri Kedah. Bangkitlah pertelingkahan di antara Sultan Ahmad Tajuddin dengan saudara-saudara baginda terutama dengan Tunku Ibrahim (Raja Muda) dan Tunku Bisnu (gelarannya Tunku Seraja Wang) yang menuntut hendakkan juga bahagian mereka daripada wang $10,000 yang diberi oleh Kompeni Inggeris setiap tahun kerana Inggeris menduduki Pulau Pinang dan Seberang Prai itu. Pendeknya, pada permulaan Sultan Ahmad Tajuddin menjadi Sultan Kedah itu selalulah saudara-saudara baginda yang lapan orang itu membuat kacau terhadap baginda.

Oleh sebab kekacauan itu, Tunku Ibrahim bersama-sama dengan Tunku Bisnu telah berjumpa Gabenor Siam di Singgora (Songkhla) dan meminta gabenor itu membaiki pemerintahan di negeri Kedah. Apabila adinda baginda Tunku Sulaiman melihat perbuatan saudara-saudaranya berjumpa dan meminta tolong kepada Gabenor Singgora itu, iapun merasa dukacita kerana perbuatan seperti itu nyatalah hen-

dak memasukkan Kedah ke dalam cengkaman Siam. Tunku Sulaiman telah merajuk lalu pergi ke satu tempat bernama Kota di tepi Sungai Perai berdekatan dengan sempadan Kedah dengan Seberang Prai.

Pada bulan Januari tahun 1808, Gabenor Singgora (Songkhla) dengan angkatannya yang besar telah datang ke negeri Kedah untuk mengaturkan pemerintahan di negeri Kedah. Sultan Ahmad Tajuddin tetap juga menjadi Sultan Kedah. Tunku Ibrahim tetap menjadi Raja Muda Kedah dan ditambah kuasanya menguasai lembah Sungai Muda. Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang) diberi kuasa memerintah di daerah Setul dan tinggal di ibu daerah itu di Mambang Segara.

Apabila Tunku Bisnu memerintah di Setul, ia pun menguatkan kedudukannya dan mengadakan persiapan hendak menjatuhkan abangnya Sultan Ahmad Tajuddin yang hendak menguasai seluruh negeri Kedah. Dalam bulan Jun-Julai tahun 1809 King Rama I telah jatuh sakit. Pada masa itu orang-orang Melayu Patani telah membangkitkan pemberontakan yang lebih dahsyat melawan orang-orang Siam. Kerajaan Siam memerintahkan Sultan Kedah memberi bantuan tentera dan barang makanan kepada Siam. Sultan Kedah merasa sangat berat hendak memberi bantuan kepada Siam kerana orang Melayu Patani yang hendak diperangi oleh Siam itu sebangsa juga dengan orang Melayu Kedah. Tambahan pula Orang Besar-besar Kedah pun tidak suka baginda memberi bantuan kepada Siam.

Pada bulan Ogos tahun 1809, bersamaan dengan bulan Rejab tahun 1224 H, Sultan Ahmad Tajuddin dan Tunku Dhiauddin Raja Muda Kayang melantik Tunku Anum bin Tunku Abdul Rahman menjadi Raja Pengantar "Bunga Mas" kepada Raja Siam dan Tunku Anum digelar Tunku Paduka Raja Jambangan.

Pada 9 September tahun 1809, King Rama I, Raja Siam yang sakit mangkat. Pada masa itulah orang-orang Burma menawan Thailand dan lain-lain daerah takluk Siam di Segenting Kra. Pada awal tahun 1810, Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang) dari Setul pergi berjumpa Gabenor Singgora dan setelah berunding gabenor itu mengaku mahu membantu Tunku Bisnu melawan Sultan Kedah. Mereka berdua telah pergi ke Bangkok mengadap Raja Siam, King Rama II. Antara yang telah diperkatakan kepada Raja Siam ialah Sultan Ahmad Tajuddin tidak setia kepada kepada Raja Siam, kerana Sultan Kedah itu membantu Burma yang merupakan musuh ketat Siam. Aduan Tunku Bisnu kepada Raja Siam itu disokong oleh Gabenor Singgora.

Pada akhir bulan Mac tahun 1810, C. Bruce telah datang ke Pulau Pinang untuk menjadi gabenor. Sultan Ahmad Tajuddin mengambil peluang menghantar ipar baginda Tunku Long Putih bersama dengan

Tunku Ahmad, Maharaja Lela dan Seri Paduka Tuan ke Pulau Pinang berjumpa gabenor baharu itu dan memberitahu supaya Kompeni Inggeris memberi pertolongan kepada kerajaan Kedah yang dalam kesulitan. Tetapi kedatangan utusan dari Kedah itu tidak berhasil.

Pada bulan September tahun 1810, Siam memerintahkan Sultan Kedah memberi bantuan kelengkapan perang dan makanan kepadanya. Permintaan kali ini lebih berat lagi daripada permintaan yang lalu. Sultan Kedah telah meminta bantuan daripada Inggeris di Pulau Pinang. Orang Inggeris di Pulau Pinang tidak pula mahu memberi apa-apa bantuan kepada kerajaan Kedah, sebaliknya mencadangkan supaya Kedah mematuhi sahaja kepada tuntutan Siam.

Apabila Inggeris tidak mahu membantu Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin berpendapat eloklah berbuat baik dengan Siam, ikutlah sahaja perintah Siam itu supaya mereka tidak menyerang Kedah. Pada masa ini Sultan Kedah menghantar utusan baginda membawa "Bunga Mas" kepada Raja Siam. Bendahara Kedah dititahkan menyerang Talang yang dalam perintah Burma itu. Dalam bulan Oktober tahun 1810, Bendahara Kedah dapat menakluki semula Talang dan diserahkan kepada kerajaan Siam. Pada masa itu banyaklah barang kelengkapan dan makanan diberikan oleh kerajaan Kedah kepada kerajaan Siam.

Pada masa inilah juga Tunku Bisnu yang tinggal di Setul itu pulang dan tinggal semula di Kedah. Kedatangan Tunku Bisnu menambahkan lagi kerunsingan Sultan Kedah, kerana Tunku Bisnu membuat beberapa tuntutan kepada kerajaan Kedah.

Menjelang akhir bulan September tahun 1810, rombongan Sultan Kedah yang pergi ke Bangkok menghantar "Bunga Mas" kepada Raja Siam itu balik semula ke negeri Kedah dengan membawa perintah daripada Raja Siam, King Rama II. Raja Siam memerintahkan supaya wilayah Setul dan Lungu diserahkan kepada perintah Gabenor Singgora sebagai hadiah kepada gabenor itu yang telah membantu Tunku Bisnu. Lembahan Sungai Yan, Sungai Merbuk dan Sungai Muda diserahkan kepada perintah Tunku Bisnu.

Kira-kira pada masa inilah juga Sultan Ahmad Tajuddin berangkat di Trang dan di sana baginda bermesyuarat dengan Gabenor Nakhon Si Thammarat (Ligor) yang telah diperintahkan oleh Raja Siam menyiasat tuntutan-tuntutan Tunku Bisnu di negeri Kedah itu. Banyak perkara yang telah baginda mensyuaratkan dengan Gabenor Ligor itu termasuklah hal Tunku Yaakub (Tunku Embun) saudara Sultan Kedah yang cuba hendak membunuh Raja Trang.

Pada pertengahan tahun 1810, Siam meminta lagi Sultan Kedah memberi beberapa buah perahu lengkap dengan alat kelengkapannya

sekali. Sultan Kedah yang kesempitan wang itu meminta Kompeni Inggeris mendahulukan wang kepada baginda sebanyak $10,000 dan bolehlah wang itu dimasukkan ke dalam kira-kira pembayaran Inggeris kerana menduduki Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Pada 24 Disember tahun 1810 Sultan Ahmad Tajuddin telah menulis surat kepada Lord Minto, Gabenor Jeneral Kompeni Inggeris di India meminta Kompeni Inggeris memberi bantuan pertahanan negeri Kedah. Tetapi surat baginda itu sampai ke India (Calcutta) setelah Lord Minto bertolak dan sampai ke Pulau Pinang dalam pelayarannya hendak menakluki Jawa. Thomas Stamford Raffles pun ada di Pulau Pinang.

Apabila Sultan Ahmad Tajuddin mendapat tahu Lord Minto telah sampai ke Pulau Pinang, baginda pun menghantar Tunku Long Putih pergi ke Pulau Pinang menerangkan kepada Raffles berkenaan dengan kesulitan yang sedang dihadapi oleh kerajaan Kedah. Raffles telah mencadangkan supaya Sultan Kedah berjumpa sendiri dengan Lord Minto.

Pada 12 Mei tahun 1811, Sultan Ahmad Tajuddin belayar ke Pulau Pinang hendak berjumpa Lord Minto. Tetapi baginda tidak dapat berjumpa dengan Lord Minto. Setelah balik ke Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin menulis surat kepada Raffles yang ketika itu ada di Melaka bersama Lord Minto (dalam pelayaran mereka hendak menyerang Jawa). Dalam surat baginda itu, baginda menyuruh Raffles memberitahu kepada Lord Minto kemalangan yang sering dihadapi oleh kerajaan Kedah oleh perbuatan Siam. Tetapi Sultan Kedah tidak juga menerima apa-apa jawapan dari Lord Minto walaupun Lord Minto mengatakan ia hendak membalas surat Sultan Kedah itu. Pada masa itu Lord Minto sedang sibuk benar dengan beberapa hal lain.

Pada bulan Muharram tahun 1226 H, iaitu pada awal tahun 1811, Sultan Ahmad Tajuddin telah berpindah dari Kuala Kedah bersemayam ke Kota Kuala (Kota Kuala Muda sekarang). Tunku Yusuf, putera Tunku Dhiauddin Raja Muda Kayang, tinggal bersama-sama baginda di Kota Kuala itu. Pada masa inilah Syed Husain Jamalullail anak Syed Harun Jamalullail menjadi kerana kepada Tunku Dhiauddin di Kayang.

Bagi menolak tuduhan Tunku Bisnu yang mengatakan Sultan Ahmad Tajuddin tidak taat setia kepada Raja Siam serta aduan yang telah disampaikan oleh Tunku Bisnu kepada Gabenor Nakhon Si Thammarat (Ligor) yang mengatakan baginda telah meminta pertolongan kepada Kompeni Inggeris, menjelang akhir tahun 1812 Sultan Ahmad Tajuddin telah menghantar Datuk Bendahara dan putera kesayangan baginda, Tunku Abdullah, ditemani oleh Gabenor Nakhon Si Thammarat mengadap Raja Siam menegaskan lagi akan taat setia Sultan Kedah kepada

Raja Siam, King Rama II.

Pada tahun 1813 dengan perintah kerajaan Siam, Sultan Kedah telah memberi kepada Siam 2,500 orang Melayu Kedah menolong Siam mengalahkan Burma di Tongkah. Dalam pertempuran itu kedua belah pihak ramai yang terkorban. Setelah mengadap King Rama II dalam bulan September tahun 1813, Datuk Bendahara dan Tunku Abdullah balik semula ke negeri Kedah. Datuk Bendahara membawa perintah daripada Raja Siam yang menyuruh Kedah menyerang negeri Perak dan memaksa Sultan Perak menghantar "Bunga Mas" kepada Raja Siam.

Sultan Ahmad Tajuddin pun menghantar Seri Raja Diraja, Raja Setia Lela dan Tun Jaya Menteri pergi ke negeri Perak dengan membawa surat dan barang-barang hadiah kepada Sultan Perak, Sultan Abdul Malik Mansur Shah. Mereka memaklumkan kepada Sultan Perak akan kehendak Raja Siam supaya Perak tunduk kepada Siam dan menghantar "Bunga Mas" kepada Raja Siam. Sultan Ahmad Tajuddin menitahkan juga Datuk Bendahara pergi memberitahu ketua orang Inggeris di Pulau Pinang akan perkembangan yang sedang berlaku di negeri Kedah.

Pada awal bulan Januari tahun 1814, Sultan Kedah telah menghantar Datuk Temenggung dan Seri Paduka Tuan membawa surat baginda bertarikh 10 Januari 1814 ke Pulau Pinang kerana bermesyuarat dengan pegawai-pegawai Kompeni Inggeris mengenai perintah King Rama II terhadap negeri Perak itu. Jika Sultan Kedah tidak menjalankan perintah Raja Siam itu tentulah Siam akan menyerang negeri Kedah.

Sungguhpun Sultan Kedah telah mengirim surat kepada Sultan Perak mengenai kehendak Raja Siam itu tetapi hingga bulan Januari tahun 1814 Sultan Kedah tidak juga menerima apa-apa jawapan dari Sultan Perak. Sementara itu Gabenor Nakhon Si Thammarat (Ligor) telah mendesak Sultan Kedah supaya Kedah segera menyerang Perak datang tidak mengira sama ada Sultan Perak hendak berdamai atau tidak.

Pada 6 November tahun 1814 baharulah Sultan Kedah menerima sepucuk surat yang panjang daripada Sultan Abdul Malik Mansur Shah, Sultan Perak. Surat itu samar-samar sahaja maksudnya dan tidak menyebutkan Sultan Perak hendak menghantar "Bunga Mas" kepada Raja Siam. Sultan Perak mencadangkan supaya Kedah dan Perak bersatu melawan Siam, tetapi Sultan Kedah sedar bahawa kekuatan Kedah dan Perak tidak akan dapat melawan Siam. Sultan Kedah telah memberitahu kepada Kompeni Inggeris semua hal yang berlaku dengan harapan Inggeris membantu Kedah yang sedang dalam kesulitan itu.

Menjelang akhir tahun 1814, sekali lagi Sultan Kedah menghantar

Seri Raja Wangsa, Seri Raja Diraja dan Raja Setia Lela ke Perak menyampaikan surat Sultan Kedah kepada Sultan Perak yang menyatakan supaya Sultan Perak menghantar "Bunga Mas" kepada Raja Siam. Hampir empat bulan lamanya Orang besar-besar Kedah itu menanti di negeri Perak. Akhirnya pada 18 April tahun 1815 baharulah Sultan Perak membalas surat Sultan Kedah itu.

Pada 26 Januari tahun 1815 bersamaan dengan 13 Safar tahun 1230 H, Tunku Dhiauddin Raja Muda Kayang (Perlis) mangkat dan dimakamkan di Kota Indera Kayangan. Almarhum digelar "Marhum Kayang II". Putera-puteranya dengan isteri Wan Tam ialah Tunku Safiah (Tunku Tunjung), Tunku Yusuf dan Tunku Muhammad (Tunku Muhammad ini telah mangkat ketika kecil lagi).

Pada tahun 1815 itu juga, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II telah melantik Syed Harun Jamalullail menjadi Penghulu memerintah di Mukim Arau (dalam negeri Perlis sekarang). Dialah Penghulu yang pertama di Arau. Adinda Sultan Ahmad Tajuddin yang bernama Tunku Yaakub (Tunku Embun) dilantik menjadi Raja Muda Kedah menggantikan Tunku Ibrahim yang telah mangkat. Pada masa inilah juga Sultan Kedah membuka terusan dari sebuah sungai dalam Mukim Rambai (dalam daerah Kota Setar) sampai ke Senara dan membuka bandar Padang Kerbau dalam daerah Kota Setar.

Pada Jun tahun 1816, Sultan Kedah berunding dengan gabenor Inggeris di Pulau Pinang mengenai desakan Siam supaya Kedah menyerang negeri Perak. Baginda menyatakan bahawa Kedah ada dua pilihan sahaja, pertama menyerang negeri Perak untuk memenuhi kehendak King Rama II, atau jangan indahkan perintah Raja Siam itu dan tunggulah saja serangan Siam.

Pada bulan November tahun 1816, wakil-wakil Sultan Kedah yang dihantar ke negeri Siam itu telah kembali ke negeri Kedah dengan membawa surat perintah dari Raja Siam menyuruh Kedah menyerang negeri Perak. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah pun memerintahkan Orang besar-besar baginda menyerang negeri Perak.

Pada bulan Disember tahun 1816, pasukan perang darat kerajaan Kedah di bawah pimpinan Datuk Bendahara Kedah dari Kuala Kedah dan Alor Setar telah bergerak arah ke selatan lalu bersatu dengan angkatan Datuk Laksamana Kedah yang ada di Kerian. Dari sana mereka telah menghantar dua pasukan menyerang negeri Perak. Satu pasukan menyerang ke tempat yang bernama Pasir Garam tempat bersemayam Sultan Perak dan satu pasukan lagi menyerang arah ke Kota Lama dekat Kuala Kangsar.

Pada bulan Mac tahun 1817 bersamaan dengan bulan Jamadilawal

tahun 1232 H, angkatan perang Kedah yang diketuai oleh Datuk Bendahara Kedah (Seri Paduka Maharaja Sura) mula menyerang negeri Perak. Askar-askar Kedah telah sampai ke Kota Lama dekat Kuala Kangsar dan berlakulah pertempuran di situ di antara orang-orang Kedah dengan orang-orang Perak. Dalam peperangan di Kota Lama itu Kedah menang. Bendahara Kedah berkahwin dengan anak seorang menteri di Perak. Setelah beroleh seorang anak, beliau pun balik ke Kedah.

Pada tahun 1817 itu juga, sementara askar-askar Kedah berperang di negeri Perak, Tunku Yaakub (Tunku Embun) Raja Muda Kedah, telah meminta kepada kekandanya Sultan Ahmad Tajuddin hendak memerintah Kayang dan Setul menggantikan almarhum Tunku Dhiauddin. Permintaan itu tidak disetujui oleh Sultan Kedah kerana baginda hendak melantik Tunku Yusuf putera almarhum Tunku Dhiauddin memerintah tempat itu. Oleh sebab itu sakitlah hati Tunku Yaakub (Tunku Embun). Tunku Yaakub berjumpa Cao Phya Nakhon Si Thammarat (Raja Ligor) dan menghasut Raja Ligor supaya menyerang dan mengambil negeri Kedah. Tunku Yaakub terus tinggal di Ligor.

Pada tahun 1817 inilah juga Sultan Ahmad Tajuddin berpindah dari Kota Kuala bersemayam ke Pulau Tiga di Ulu Sungai Merbuk dekat Sungai Lalang (dalam Daerah Kuala Muda juga). Angkatan perang Kedah yang berperang di negeri Perak menghadapi beberapa penderitaan dan kesusahan. Akhirnya pada bulan September tahun 1818 baharulah askar-askar Kedah itu dapat menakluki negeri Perak dan memaksa Sultan Perak menghantar "Bunga Mas" kepada Raja Siam. Setelah itu angkatan perang itu pun balik ke negeri Kedah. Penaklukan negeri Perak oleh angkatan perang Kedah bukanlah dengan kehendak Sultan Kedah, melainkan kehendak Raja Siam (King Rama II) yang hendak meluaskan kuasa kerajaan Siam ke Negeri-negeri Melayu. Cita-cita Raja Siam itu memang telah dinyatakannya kepada Datuk Bendahara Kedah dan Tunku Abdullah pada masa mereka mengadap Raja Siam dalam tahun 1812–1813 dahulu. Sultan Ahmad Tajuddin sendiri pernah berkata: "Bukan dengan kehendak hati beta menyerang negeri Perak atau bermusuh dengan Sultan negeri itu, melainkan hanyalah hendak menyelamatkan negeri beta, negeri Kedah".

Pada tahun 1818 itu juga, sebagai mengiktiraf jasa Sultan Ahmad Tajuddin terhadap kerajaan Siam, Raja Siam telah memberi baginda gelaran "Cau Phraya". Oleh sebab gelaran itu lebih tinggi pangkatnya daripada gelaran yang telah didapati oleh Raja Ligor, Sultan Kedah pun tidak lagi mengindahkan perintah dari Raja Ligor.

Pada 7 September tahun 1818, Sultan Kedah menerima surat dari Kalahum (Orang besar kerajaan Siam) dan dari Raja Ligor menyuruh

baginda dengan segera memberi 300 koyan beras dan 100 buah perahu lengkap dengan alat kelengkapannya bagi mempertahankan negeri-negeri perintah Siam di Segenting Kra dan Kedah. Utusan Siam yang membawa surat Raja Ligor itu telah menaruh syak akan kehadiran 40 buah perahu Burma di Pulau Pinang. Sultan Kedah mungkin ada membuat perhubungan dengan orang Burma itu. Utusan Raja Ligor itu tinggal di negeri Kedah memerhatikan gerak-geri Sultan Kedah.

Sultan Kedah telah meminta nasihat daripada Gabenor Inggeris di Pulau Pinang untuk menolak permintaan Siam itu (Kalahum), dan Cracroft datang ke negeri Kedah.

Pada 12 Oktober tahun 1818, dua orang pegawai Kompeni Inggeris dari Pulau Pinang iaitu Caunter dan Cracroft telah sampai ke negeri Kedah. Mereka berpura-pura mengatakan kedatangan mereka itu ialah untuk memenuhi permintaan Sultan Kedah kepada Gabenor di Pulau Pinang. Tetapi apabila mereka berada di Kedah, mereka meminta hendak memajak beberapa kawasan tanah di negeri itu.

Dari perbincangan yang telah diadakan oleh Sultan Kedah dengan Caunter dan Cracroft itu, dua perkara telah timbul. Pertama di hadapan utusan Raja Ligor yang ada bersama-sama dalam perbincangan itu, Sultan Kedah menyatakan kepada Caunter dan Cracroft akan perhubungan rapat di antara kerajaan Kedah dengan Kompeni Inggeris. Kedua, baginda menolak pelawaan masuk campur hal British dengan Siam di Bangkok atas nama baginda. Esoknya, baginda pun mengutus surat kepada Raja Ligor mengatakan baginda tidak dapat memenuhi permintaan dari Siam itu (Kalahum).

Pada masa ini juga pegawai-pegawai kerajaan Siam di Talang dapat merampas sepucuk surat dari orang Burma yang dialamatkan kepada Sultan Kedah menyuruh Kedah memberontak melawan pihak berkuasa Siam dan surat itu dihantar ke Bangkok. Surat itulah yang menyebabkan Siam menyerang Kedah pada tahun 1821 seperti yang disebutkan kisahnya di bawah ini.

Pada 12 April tahun 1819, Gabenor Inggeris di Pulau Pinang meminta Sultan Kedah menolong wakil Melayu Kerajaan Ceylon yang mencari orang di negeri Kedah untuk dijadikan Askar Melayu di negeri Ceylon. Pada 1 Oktober 1819 Sultan Kedah telah memberikan Kapten Blackenberg serta 40 orang banduan yang dikeluarkan dari penjara di Kedah di hantar ke negeri itu menjadi Askar Melayu di sana.

Pada tahun 1820, Tunku Yaakub (Tunku Embun) yang berselisih dengan Sultan Kedah itu, berjumpa Raja Ligor dan mengadu kepada Raja Ligor menyalahkan Sultan Ahmad Tajuddin tidak mengindahkan pemerintahan di negeri Kedah, kerana baginda telah bersemayam

di Pulau Tiga dan sedang merancang hendak menyerahkan negeri Kedah kepada Raja Siak. Demikianlah fitnah Tunku Yaakub (Tunku Embun) itu.

Perpindahan Sultan Ahmad Tajuddin ke Pulau Tiga pada tahun 1817, membangkitkan kemarahan kerajaan Siam kerana baginda tidak meminta kebenaran lebih dahulu kepada kerajaan Siam. Mengikut suatu riwayat apabila Sultan Ahmad Tajuddin bersemayam ke Pulau Tiga, pentadbiran kerajaan Kedah diserahkan baginda kepada penasihat baginda seorang saudagar Culia bernama Babu Kundur. Babu Kundur telah menyalahgunakan hasil wang yang didapati di Alor Setar. Bendahara Kedah sangat tidak puas hati perbuatan Babu Kundur itu.

Apabila Sultan Ahmad Tajuddin mendapat gelaran "Cau Phraya" pada tahun 1818, timbullah cemburu Raja Ligor kerana sebelum itu negeri Kedah di bawah pentadbiran Raja Ligor. Raja Ligor semakin cemburu terutama sejak Sultan Ahmad Tajuddin berjaya menolong Raja Siam menakluki Talang pada tahun 1810 dan Perak pada tahun 1818. Sejak itu Sultan Kedah dipandang lebih mulia oleh Raja Siam daripada Raja Ligor. Pada masa itu juga Raja Ligor memberansangkan Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang) melawan Sultan Ahmad Tajuddin.

Raja Ligor telah dapat mempengaruhi anak saudaranya yang bernama Wang-na yang mempunyai beberapa orang pengikut di negeri Siam, menghasut Raja Siam supaya menyerang Kedah kerana beberapa sebab: (i) dari tuduhan Tunku Yaakub (Tunku Embun) terhadap Sultan Ahmad Tajuddin; (ii) Sultan Ahmad Tajuddin tidak mahu lagi mengikut arahan Raja Ligor mengenai pentadbiran negeri Kedah; (iii) Sultan Ahmad Tajuddin tidak mahu memenuhi permintaan Raja Ligor yang berkehendakkan kelengkapan perang; (iv) Sultan Ahmad Tajuddin dikatakan membuat perhubungan dengan Burma dan (v) Sultan Kedah menyebabkan hilangnya beberapa punca hasil bagi Ligor.

Sungguhpun King Rama II telah dihasut supaya menyerang Kedah tetapi pada mulanya Raja Siam itu tidak bersetuju. Akhirnya setelah dipujuk-pujuk lagi baharulah Raja Siam meluluskan rancangan menyerang Kedah iaitu setelah Raja Siam berunding dengan Konsul Portugis di Bangkok yang mengatakan Kompeni Inggeris tidak akan campur tangan di negeri Kedah. Raja Siam telah menugaskan Raja Ligor membawa angkatan perang membantu pasukan perang Siam menyerang Kedah.

Dalam bulan Februari tahun 1821, Gabenor Inggeris di Pulau Pinang mengingatkan Sultan Kedah iaitu seramai 6,000 orang askar Siam sedang dinaikkan ke kapal di Bangkok untuk menyerang Kedah melalui Singgora (Songkhla) kerana Sultan Kedah tidak menghantar "Bunga

Mas" kepada Raja Siam. Tetapi faktor yang sebenar yang menyebabkan Raja Siam menghantar pasukan perangnya menyerang Kedah bukan kerana "Bunga Mas" itu sahaja, melainkan banyak sebab-sebab lain seperti yang telah disebutkan di atas.

Dalam bulan November tahun 1821, angkatan perang Siam di bawah pimpinan anak-anak Raja Ligor bertolak dari Trang menuju Kedah. Menurut suatu riwayat angkatan Raja Ligor yang menyerang Kedah itu ialah angkatan laut dan angkatan darat yang dipimpin oleh anak-anak Raja Ligor yang bernama Phya Buri Saknutun (angkatan laut) dan seorang lagi bernama Phya Sina Nuncit (angkatan darat).

Pada hari Ahad, 12 November tahun 1821, angkatan perang mengandungi banyak perahu-perahu Orang Siam-Ligor dari Trang telah berlabuh di laut Kuala Kedah dan tidak lama kemudian mereka pun naik ke pangkalan. Oleh sebab kedatangan angkatan perang Siam itu tidak disangka-sangka oleh pihak Kedah, Orang besar-besar Kedah hanya sempat mengumpulkan tidak ramai orang-orang Kedah, lalu pergi ke pangkalan dan bertanyakan maksud dan tujuan kedatangan orang Siam itu. Pada masa Bendahara, Laksamana dan Datuk Temenggung Kedah berada di pangkalan itu, askar-askar Siam terus naik ke darat dan menyatakan mereka datang hendak minta beras, kerana mereka hendak memerangi Burma. Orang besar-besar Kedah itu pun mengaku akan memberi mereka beras. Dalam pada itu askar-askar Siam terus menawan Orang besar-besar Kedah dan menyuruh mereka menyerah kalah sahaja. Apabila melihat perbuatan orang-orang Siam itu, Bendahara dan Laksamana pun mencabut keris lalu menikam orang-orang Siam yang berhampiran dengan mereka dan berlakulah pertempuran.

Dalam pertempuran itu, Laksamana dan Temenggung telah ditawan oleh orang Siam. Bendahara pun dikalahkan lalu diikat oleh orang Siam itu. Apabila melihat Orang besar-besar Kedah tertawan, rakyat Kedah pun bertempiaran lagi. Askar-askar Siam terus menyerang pihak Kedah dan melakukan berbagai-bagai kezaliman terhadap orang-orang Melayu Kedah. Ramai orang Melayu Kedah yang telah disembelih oleh orang Siam dan beribu-ribu orang pula dikeluarkan dari rumah mereka lalu disiksa oleh orang Siam. Isteri-isteri dan anak-anak perempuan orang Melayu telah ditangkap dan dicabuli oleh askar-askar Siam dan rumah-rumah mereka habis dibakar dan dibinasakan.

Keesokan harinya, angkatan perang Siam meninggalkan Kuala Kedah belayar ke Sungai Merbuk mencari Sultan Kedah yang tinggal tidak jauh di sebelah hulu sungai itu. Sebelum orang Siam sampai ke tempat Sultan Kedah itu, baginda serta anak isteri dan pengiring-pengiring baginda pun membawa harta-harta baginda menaiki gajah pergi arah ke Sungai

Perak lalu sampai ke tempat adinda baginda Tunku Sulaiman di Kota. Dari situ baginda menyeberang ke Pulau Pinang dan telah dilindungi oleh Kompeni Inggeris.

Apabila Raja Ligor yang menyerang dan menakluki negeri Kedah mendapat tahu Sultan Kedah melarikan diri di Pulau Pinang, ia pun menulis surat kepada ketua orang Inggeris di Pulau Pinang meminta Inggeris menyerahkan Sultan Kedah kepadanya. Tetapi surat Raja Ligor itu telah dibalas oleh Inggeris dengan surat yang kasar bunyinya dan menolak permintaan Raja Ligor itu. Beberapa buah perahu Siam yang cuba hendak datang ke seberang Perai telah dihalau oleh angkatan Kompeni Inggeris yang diketuai oleh Kapten Crooke.

Bendahara serta beberapa orang Melayu Kedah termasuk Tunku Yaakub (Tunku Embun) telah ditawan oleh Siam hendak dibawa ke negeri Siam. Dalam perjalanan ke Singgora itu, Bendahara Kedah telah mati diracun oleh orang Siam. Tunku Yaakub (Tunku Embun) dibawa ke negeri Siam.

Apabila orang Siam berkuasa dan memerintah Kedah, orang-orang Melayu Kedah telah mencuba melawan orang-orang Siam untuk mengambil negeri mereka semula; tetapi mereka tidak dapat mengalahkan orang-orang Siam, bahkan mereka semakin dizalimi oleh orang Siam. Tunku Anum (ayah saudara Sultan Kedah) yang menjadi alat kepada Raja Ligor itu telah dilantik oleh orang Siam menjadi gabenor memerintah negeri Kedah bagi pihak kerajaan Siam, dan bayaran wang sebanyak $10,000 yang dibayar oleh Inggeris tiap-tiap tahun kepada Sultan Kedah kerana Inggeris menduduki Pulau Pinang dan Seberang Perai itu diserahkan oleh Tunku Anum kepada kerajaan Siam.

Selepas menakluki negeri Kedah dan meletakkan negeri itu di bawah kawalan Raja Ligor, Raja Ligor dinaikkan pangkatnya dan diberi gelaran "Cau Phraya". Pada masa itu, sebagai membalas penghinaan yang telah dirasai oleh perbuatan Sultan Ahmad Tajuddin dahulu, Raja Ligor menjalankan pemerintahannya dengan cara membalas dendam terhadap orang-orang Melayu Kedah, dan ramailah orang Melayu Kedah keluar meninggalkan negeri Kedah pindah ke Pulau Pinang dan Seberang Perai yang dalam perintah orang Inggeris itu.

Pada 17 Oktober tahun 1822, Gabenor Phillips di Pulau Pinang telah menasihatkan Sultan Ahmad Tajuddin, bekas Sultan Kedah yang ada di Pulau Pinang supaya jangan meninggalkan Pulau Pinang. Jika baginda meninggalkan Pulau Pinang, baginda tidak akan dapat perlindungan orang Inggeris. Dalam bulan Mac dan April tahun 1823 pula, Gabenor Phillips telah memberi amaran kepada Sultan Ahmad Tajuddin supaya baginda jangan berperang melawan orang Siam atau orang Ligor.

Pada tahun 1826, Kapten Henry Burney bagi pihak Kompeni Inggeris telah membuat surat perjanjian dengan kerajaan Siam. Surat perjanjian itu ditandatangani di Bangkok oleh kedua belah pihak pada 20 Jun 1826. Syarat ketiga belas dalam surat perjanjian itu menyebut orang Inggeris membenarkan orang Siam tinggal di negeri Kedah dan menjaga negeri itu serta penduduknya dengan betul. Penduduk Kedah dan Pulau Pinang bolehlah berdagang dan membuat perhubungan. Di samping itu Siam tidak akan mengenakan cukai ke atas barang-barang dan makanan yang dibawa dari negeri Kedah ke Pulau Pinang dan sebaliknya.

Pada 15 September tahun 1826, orang Inggeris telah memberitahu kepada Sultan Ahmad Tajuddin iaitu jika baginda mengaku mahu tinggal di Melaka dan tidak akan menyerang negeri Kedah, Raja Ligor akan melepaskan saudara-saudara baginda yang ada di negeri Kedah, dan Kompeni Inggeris tetap akan memberi baginda $10,000 tiap-tiap tahun dan membelikan baginda sebuah rumah di Pulau Pinang, memberi baginda sekeping tanah di Melaka dan sebuah kapal bagi kegunaan baginda. Perpindahan baginda ke Melaka itu hanya menunggu perintah dari Benggala. Sementara itu baginda tidak dibenarkan pergi ke Seberang Perai.

Pada tahun 1828, Tunku Muhammad Sa'ad (sepupu Sultan Ahmad Tajuddin) dengan sebilangan ramai orang-orangnya telah menyerang orang Siam di Kota Kuala (Kuala Bahang – Kuala Kedah) dan Tunku Muhammad Sa'ad telah dapat menawan kota itu. Selepas itu, Tunku Muhammad Sa'ad menyerang orang Siam di kubu besar mereka di Alor Ganu, iaitu pada bulan Muharram tahun 1224 H, bersamaan dengan bulan Julai tahun 1828. Tunku Muhammad Sa'ad yang memerangi orang Siam di Alor Ganu telah melarat-larat memburu orang Siam sampai ke Haad Yai dan dekat pula ke Singgora (Songkhla). Dalam pada itu datang bantuan angkatan perang yang besar dari negeri Siam lalu berperang hebat dengan angkatan perang Tunku Muhammad Sa'ad di Haad Yai. Akhirnya Tunku Muhammad Sa'ad kalah dan beliau lari balik ke Kedah lalu pergi ke Pulau Pinang dan tinggal di sana.

Pada bulan Januari tahun 1828, Sultan Ahmad Tajuddin hendak berpindah di Jelutung atau Teluk Air Tawar tetapi tidak dibenarkan oleh Kompeni Inggeris. Pada masa itu baginda telah kena demam campak.

Pada pertengahan tahun 1828, telah heboh beritanya di negeri Kedah mengatakan Sultan Ahmad Tajuddin dan putera-putera baginda hendak menyerang orang Siam di negeri Kedah. Oleh sebab itu Raja Ligor telah memberitahu kepada ketua orang Inggeris di Pulau Pinang

supaya bekas Sultan Kedah dan putera-puteranya jangan dibenarkan pulang ke negeri Kedah, supaya petani-petani di negeri Kedah dapat menjalankan kerja bertanam padi.

Dalam bulan Februari tahun 1829, Sultan Ahmad Tajuddin telah berbalah dengan majistrate polis di Pulau Pinang yang lambat membayar wang kepada baginda sehingga baginda tidak dapat membeli barang-barang keperluan baginda. Baginda mengatakan kalau keadaan berterusan tentulah putera-putera baginda dan pengikut mereka akan membangkitkan kekacauan di Kedah.

Pada tahun 1829 ini juga, seorang yang dipanggil namanya Tunku Kudin (iaitu Syed Zainal Abidin) telah pergi ke Kedah dijemput oleh orang Siam. Pada masa itu Tunku Long Putih, ipar Sultan Ahmad Tajuddin tinggal di Kuala Muda dan Kedah diperintahkan oleh anak Raja Ligor. Tunku Kudin bersama dengan dua orang anak Tunku Long Putih serta seramai dua belas orang Melayu dari Pulau Pinang dan Seberang Perai termasuk dua orang bekas peon Kompeni Inggeris, pengikut Tunku Kudin telah menyerang ke Pulau Mutia, Salang, Pulau Langkawi dan kota kediaman gabenor Siam di negeri Kedah. Begitu juga, dua orang putera Sultan Ahmad Tajuddin iaitu Tunku Abdullah dan Tunku Da'i (Tunku Zainal Rashid) serta Tunku Long Putih telah menyerang orang Siam di negeri Kedah dan membangunkan semula kubu mereka.

Selepas itu Tunku Kudin dengan anak-anak Tunku Long Putih telah menyerang pihak Siam di pantai laut negeri Kedah; tetapi mereka dikalahkan oleh orang Siam. Sepucuk surat dari Tunku Jamjam (adik Sultan Ahmad Tajuddin) yang hendak disampaikan kepada suaminya Tunku Long Putih telah lepas ke tangan orang Siam, tetapi tidaklah diketahui apa maksud yang tertulis dalam surat itu.

Dalam bulan Jun tahun 1829, bersamaan dengan bulan Zulhijjah tahun 1244 H, Tunku Yaakub (Tunku Embun) serta seorang anaknya bernama Tunku Sulaiman telah dibunuh oleh orang Siam di Alor Ganu, kerana orang Siam tahu akibat hasutan Tunku Yaakublah orang Siam berperang dengan orang Melayu di Kedah dan ramai orang Siam yang terkorban.

Dalam tahun 1829 ini juga, Tunku Anum (Paduka Raja Jambangan) telah menjalankan ikhtiarnya berjumpa dengan ketua orang Siam yang memerintah di Kedah (anak Raja Ligor) dan Tunku Anum dibenarkan pergi ke Ligor. Tunku Anum berjumpa Raja Ligor dan menceritakan kepada Raja Ligor tentang kesusahan dan kesulitan orang-orang Siam yang tinggal di negeri Kedah. Mereka selalu diganggu dan diserang oleh orang-orang Melayu Kedah. Tunku Anum pun tinggal di Ligor. Pada masa di Ligor itu, Tunku Anum telah mengahwinkan Syed Hus-

sain Jamalullail (anak Syed Harun Jamalullail) dengan Tunku Aishah anak Tunku Jamjam dengan suaminya Tungku Long Putih.

Oleh sebab orang-orang Siam yang ada di Kedah itu selalu sahaja diganggu dan diserang oleh orang-orang Melayu, Raja Ligor pun menyerahkan negeri Kedah kepada kawalan Tunku Anum dengan syarat menghantar "Bunga Mas" tiap-tiap tiga tahun sekali kepada Raja Siam sebagai menandakan Kedah tertakluk kepada Siam. Tunku Anum serta orang-orang Melayu Kedah yang tinggal di Ligor balik semula ke negeri Kedah pada tahun 1836 seperti yang disebutkan kisahnya di bawah ini.

Pada 30 Januari tahun 1830, surat Sultan Ahmad Tajuddin yang dikirimkan baginda kepada dua orang pahlawan Kedah bernama Seri Lela Pahlawan dan Raja Putera Jaya yang telah didapati oleh orang Siam telah diberikan oleh orang Siam kepada ketua orang Inggeris di Pulau Pinang. Tetapi maksud yang terkandung dalam surat itu tidaklah diketahui. Mungkin maksudnya menyuruh kedua orang pahlawan itu melawan orang Siam di negeri Kedah. Pada masa itu juga orang Siam telah bertanya kepada orang Inggeris mengapa orang Inggeris mengadakan askar-askar Sepai di Perai, Penaga dan Bukit Mertajam.

Dalam tahun 1830 ini juga, Tunku Sulaiman telah meminjam wang dari perbendaharaan kerajaan Pulau Pinang sebanyak $2,000 dan purapura dikatakannya ia hendak memberi rasuah kepada ketua-ketua orang Siam supaya mengembalikan kekandanya (Sultan Ahmad Tajuddin) ke atas takhta kerajaan negeri Kedah. Tunku Sulaiman dapat mengumpulkan beberapa orang Melayu di Perai menjadi pengikutnya dan mereka telah membunuh seorang polis, tiga orang askar Sepai dan beberapa orang peon pihak Inggeris. Tunku Long Putih serta seorang peranakan India bernama Pakir Shah bersekutu dengan Tunku Sulaiman. Dalam pada itu Ketua Polis pihak Inggeris telah menangkap dua orang putera Sultan Ahmad Tajuddin (mungkin Tunku Abdullah dan Tunku Zainal Rashid), seorang anak saudara baginda, seorang saudagar di Pulau Pinang dan seorang Jerman bernama Frederick Reiter yang sedang dalam perjalanan hendak menyerang pihak Siam di negeri Kedah.

Pada 24 April tahun 1831, Tunku Kudin (Syed Zainal Abidin) serta pengikutnya seramai 5,000 orang Melayu dari Seberang Perai dan beratus-ratus orang Melayu dari Pulau Pinang telah menawan semula kota di negeri Kedah dari tangan orang Siam. Pada masa ini orang Siam telah mengingatkan orang Inggeris di Pulau Pinang supaya lebih tegas lagi bekerjasama dengan Siam dan Siam meminta Inggeris mengepung pantai laut dan kuala-kuala sungai di negeri Kedah daripada didatangi oleh orang Melayu. Inggeris telah menghantar kapal yang bernama "Zephyr" dan "Emerald" lengkap dengan alat senjatanya berjaga-jaga di pantai

laut dan kuala-kuala sungai di negeri Kedah bagi memenuhi permintaan Siam. Tidak lama kemudian dihantar pula kapal yang bernama "Wolf" dan "Crocodile" menggantikan kedua-dua buah kapal yang mula-mula tadi. Pada masa inilah Inggeris telah mengisytiharkan Tunku Kudin sebagai "perompak laut" dan berlakulah pertempuran di laut antara orang Melayu Kedah dengan orang Siam yang dibantu oleh orang Inggeris. Tunku Sulaiman yang tinggal di sempadan Seberang Perai dengan 3,000 orang Melayu pengikutnya telah mencuba hendak bersatu dengan Tunku Kudin, tetapi gerak langkah Tunku Sulaiman itu selalu diperhatikan oleh orang Inggeris sehingga tiadalah dapat ia menjalankan tindakannya.

Dalam bulan Jun tahun 1831 (kata setengah riwayat dalam bulan Julai atau Ogos), Kompeni Inggeris menghantar Sultan Ahmad Tajuddin serta putera-putera baginda Tunku Abdullah dan Tunku Zainal Rashid (Tunku Da'i) ke Melaka dan tinggallah mereka di sana sebagai orang buangan. Pada bulan September tahun 1836 bersamaan dengan bulan Jamadilakhir tahun 1252 H, Tunku Anum Paduka Raja Jambangan serta orang-orang Melayu Kedah yang tinggal di Ligor berangkat balik ke negeri Kedah. Tunku Anum tinggal di istana Anak Bukit sebagai pemerintah Kedah. Orang-orang Siam dan Ligor yang ada di Kedah itu pun balik semula ke negeri mereka. Pada masa itu Kedah pun dapat balik ke tangan orang Melayu. Tunku Anum berputerakan Tunku Muhammad dan Tunku Midah. Tunku Anum mengaturkan semula pemerintahan Kedah dan menghantar utusannya ke Melaka mengajak Sultan Ahmad Tajuddin balik semula memerintah Kedah. Tetapi pada masa itu baginda belum mahu balik ke negeri Kedah.

Setelah beberapa kali Tunku Anum mengajak Sultan Ahmad Tajuddin di Melaka itu balik semula memerintah Kedah pada tahun 1838 baginda pun menghantar putera baginda Tunku Zainal Rashid (Tunku Da'i) balik ke negeri Kedah. Pada bulan Mei tahun 1838 bersamaan dengan bulan Rabiulawal tahun 1254 H, Tunku Anum di negeri Kedah melantik Tunku Zainal Rashid menjadi bakal Sultan Kedah.

Pada bulan Oktober tahun 1838, seorang panglima Melayu Kedah bernama Tunku Muhammad Taib serta pengikutnya seramai 800 orang Melayu telah berhimpun di sempadan sebelah utara Seberang Perai menanti angkatan dari Pulau Langkawi yang diketuai oleh Wan Mat Ali. Setelah sampai angkatan dari Pulau Langkawi itu, Tunku Muhammad Taib pun melancarkan serangan ke kota orang Siam di negeri Kedah yang dijaga oleh askar Siam seramai 70 orang dan askar Melayu seramai 300 orang. Angkatan Tunku Muhammad Taib tidak dapat mengalahkan pihak orang Siam di kota itu. Tunku Muhammad Taib

pun menghilir sungai di situ lalu menangkap perempuan-perempuan isteri dan keluarga orang Melayu yang menyebelahi pihak Siam. Setelah Tunku Muhammad Taib meletakkan perempuan-perempuan itu di hadapan pasukannya, Tunku Muhammad Taib pun mara menuju ke kota orang Siam itu. Apabila dua orang daripada perempuan itu mati terbunuh dan dua orang luka diserang oleh orang-orang Siam, suami mereka yang berada dalam kota orang Siam itu pun marah kepada orang Siam lalu meninggalkan kota orang Siam itu menyebelahi Tunku Muhammad Taib. Dengan itu Tunku Muhammad Taib dapat menawan kota orang Siam itu dan semua orang Siam dalam kota itu habis dibunuh beramai-ramai oleh orang-orang Tunku Muhammad Taib.

Selepas itu askar-askar Melayu yang dipimpin oleh Tunku Muhammad Taib seramai lebih kurang 10,000 orang mara lagi arah ke utara lalu menawan Perlis dan Trang. Dari situ mereka mara ke utara membinasakan kampung-kampung orang Siam dan membakar rumah-rumah berhala Buddha yang ada di situ. Satu pasukan angkatan Tunku Muhammad Taib sampai ke Patani dan pasukan lain yang diketuai oleh Tunku Muhammad Taib sendiri telah menyerang orang Siam di Singgora (Songkhla) dan bertempur di situ dengan pihak Siam. Pertempuran itu berlanjutan selama tiga bulan tetapi akhirnya pasukan Tunku Muhammad Taib dikalahkan oleh angkatan perang Siam yang mengandungi 500 orang Cina dan 2,000 orang Siam yang datang dari negeri Siam. Tunku Muhammad Taib pun lari balik ke Kedah.

Pada masa itulah juga Raja Ligor membawa askarnya seramai 1,500 orang datang ke negeri Kedah. Di sempadan negeri Kedah sebelah utara, orang Melayu seramai 300 orang ada di situ di bawah pimpinan Syed Husain telah diserang dan dibunuh oleh askar-askar Raja Ligor. Angkatan perang Raja Ligor itu menyerang dan menawan Alor Ganu. Pasukan perang orang Melayu yang diketuai oleh Tunku Abdullah telah dikalahkan oleh angkatan perang Raja Ligor itu. Tunku Abdullah dan Orang besar-besar Kedah serta pengikutnya lari ke Perlis dan kemudian menyerah diri kepada Gabenor Bonham di Pulau Pinang. Pada masa itu kapal-kapal perang Inggeris mengepung pantai laut Kedah sambil membinasakan perahu-perahu orang Melayu dan membinasakan harta-benda mereka.

Dalam pada itu Tunku Muhammad Taib tidak juga berdiam diri. Beliau telah mengumpulkan pula baki askar-askar Melayu yang masih ada lagi lebih kurang seramai 1,000 orang pada suatu tempat bernama Jeram. Dari situ Tunku Muhammad Taib menyerang orang Siam di Alor Ganu, tetapi angkatan Tunku Muhammad Taib itu dikalahkan oleh angkatan Raja Ligor. Askar-askar Tunku Muhammad Taib lari meninggal-

kan negeri Kedah ke Seberang Perai dan Pulau Pinang dan ada yang lari ke Perlis. Sambil askar-askar Tunku Muhammad Taib itu lari mereka telah membinasakan dan membakar beberapa buah kampung dan menyuruh orang-orang Melayu di negeri Kedah pindah ke Seberang Perai dan Pulau Pinang. Tunku Muhammad Taib lari ke negeri Perak. Pihak Inggeris menangkap Tunku Muhammad Taib dan dituduh "merompak". Setelah dibicarakan di mahkamah Pulau Pinang, beliau tidak dapat disalahkan sebab beliau melawan pihak Siam untuk membela negeri dan tanah airnya sendiri. Tunku Muhammad Taib telah dihantar ke Calcutta tetapi tiada lama kemudian balik semula dan tinggal di Pulau Pinang hingga beliau meninggal dunia.

Walaupun Tunku Muhammad Taib telah dikalahkan oleh orang Siam dengan bantuan orang Inggeris, tetapi kawan baiknya Wan Mat Ali (Wan Muhammad Ali) masih lagi mengetuai sekumpulan orang-orang Melayu Kedah meneruskan perjuangan mereka melawan orang Siam dan orang Inggeris yang membantu Siam memerangi orang-orang Melayu Kedah.

Dalam bulan Mac tahun 1839, pihak Inggeris di Pulau Pinang telah menghantar sebuah kapal bernama "Hyacinth" serta beberapa buah kapal kecil lainnya di bawah Kapten Warren mengepungi pantai laut Kedah dan melawan angkatan perahu orang Melayu yang diketuai oleh Wan Muhammad Ali.

Walaupun kapal-kapal orang Inggeris telah mengepung pantai laut negeri Kedah, tetapi dengan helah kepandaiannya, dapat juga Wan Muhammad Ali melepaskan diri dari kepungan orang Inggeris itu, membawa angkatan perahunya belayar ke Pulau Langkawi. Dalam pada itu, Kapten Warren dapat melihat angkatan perahu Wan Muhammad Ali yang sedang belayar ke Pulau Langkawi itu. Kapten Warren pun mengarahkan kapal-kapalnya belayar menuju ke Pulau Langkawi sambil mengejar untuk memerangi angkatan perahu Wan Muhammad Ali itu. Kapal-kapal orang Inggeris tidak dapat mengejar perahu-perahu Wan Muhammad Ali yang tidak kelihatan lagi kepada mereka, kerana perahu Wan Muhammad Ali itu telah masuk dan belayar berbelit-belit di selat-selat dalam Pulau Langkawi.

Kapal Hyacinth berhenti berlabuh di perairan Pulau Langkawi sambil Kapten Warren mencari jalan dan membuat rancangan hendak menyerang angkatan perahu Wan Muhammad Ali itu. Setelah itu, Kapten Warren pun menghantar beberapa buah kapal kecil serta perahu-perahu menyusur selat-selat di Pulau Langkawi mencari perahu-perahu Wan Muhammad Ali. Pada masa itu pihak Inggeris mendapat tahu bahawa angkatan dan orang-orang Wan Muhammad Ali sedang bersembunyi di

sebuah kampung dalam Pulau Langkawi bernama kampung Melaka.

Beberapa buah kapal pihak Inggeris yang dipimpin oleh Kapten Warren telah datang ke kampung Melaka. Mereka sampai di situ pada waktu senja lalu mengepung kampung Melaka dari arah hadapan dan belakang. Pada masa itu Kapten Warren dapat melihat perahu-perahu angkatan Wan Muhammad Ali di kampung Melaka dan di kampung itu ada sebuah kubu di atas sebuah bukit yang dilengkapi dengan meriam-meriam yang dihalakan ke kuala sungai jalan masuk ke Kampung Melaka itu.

Kapten Warren dengan askar-askarnya yang lengkap bersenjata dan membawa meriam telah naik ke darat di Kampung Melaka dan menghantar kata dua memaksa orang-orang Melayu yang ada dalam kubu Wan Muhammad Ali di atas bukit itu turun menyerah diri mengaku kalah. Ramai orang Melayu pengikut Wan Muhammad Ali dari kubu itu turun menyerah diri kepada pihak Inggeris. Kapten Warren telah mengerahkan orang-orangnya membinasakan kubu di atas bukit itu dan membakar semua perahu-perahu pihak Wan Muhammad Ali yang ada di situ. Mulut-mulut meriam dan lela yang ada di atas bukit itu semuanya dipalam. Pada sebatang sungai kecil tiada berapa jauh dari Kampung Melaka itu, kelihatan dua buah perahu yang dilengkapi dengan alat kelengkapan serta membawa barang-barang makanan yang dibawa oleh Wan Muhammad Ali bertolak meninggalkan Pulau Langkawi belayar menuju arah ke Sumatera. Selesailah kisah perjuangan Wan Muhammad Ali melawan pihak Inggeris itu. (Kisah Wan Muhammad Ali ini dipetik dari karangan James F. Augustin dalam majalah "Kedah Dari Segi Sejarah", Jilid 5, Bilangan 1, bulan Ogos tahun 1971).

Pada bulan Julai tahun 1839 bersamaan dengan bulan Jamadilawal tahun 1255 H, dengan kehendak Tunku Zainal Rashid, abangnya Tunku Abdullah telah ditabalkan menjadi bakal Sultan Kedah. Setelah beberapa kali Tunku Anum (Paduka Raja Jambangan) pergi ke Pulau Pinang mengajak Sultan Ahmad Tajuddin memerintah semula negeri Kedah, akhirnya pada tahun 1839 baginda pun berangkat balik ke Kedah dan memerintah semula negeri itu.

Apabila Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II berkerajaan semula di negeri Kedah, baginda menitahkan orang membongkar kubur Tunku Yaakub (Tunku Embun) yang ada dalam kawasan Makam Langgar dikuburkan semula di luar Makam Langgar kerana baginda menganggap mendiang Tunku Yaakub (Tunku Embun) sebagai seorang pengkhianat negeri dan tanah airnya sendiri.

Tidak lama selepas itu, dalam satu istiadat yang diadakan di negeri Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II telah menyerahkan daerah berikut kepada orang-orang yang berjasa terhadap baginda.

(1) Daerah Kubang Pasu (mengandungi 24 buah mukim) kepada Tunku Anum Paduka Raja Jambangan.
(2) Daerah Kayang (Perlis sekarang) kepada Syed Hussain Jamalullail bin Syed Harun Jamalullail, kerana Tunku Yusuf putera almarhum Tunku Dhiauddin telah mangkat di Melaka.
(3) Daerah Setul kepada adinda baginda Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang).

Setelah menerima anugerah dari Sultan Ahmad Tajuddin Tunku Anum pun bersemayam ke Pulau Pinang ibu daerah Kubang Pasu. Syed Hussain Jamalulail menetap ke Kota Kayang di Arau. Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang) pula pergi ke Mambang Segara ibu daerah Setul.

Pada bulan Februari tahun 1841, bersamaan dengan bulan Muharram tahun 1257 H, Tunku Abdullah yang telah ditabalkan menjadi bakal Sultan Kedah telah mangkat di negeri Kedah dan dimakamkan di Makam Langgar, Kota Setar.

Setelah Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II menaiki semula takhta kerajaan negeri Kedah pada tahun 1843, baginda telah melawat ke Kota Kuala Muda dan mendapati tempat itu telah rosak binasa. Penduduk negeri Kedah yang dahulunya (sebelum tahun 1821) berjumlah seramai 180,000 orang hanya tinggal seramai 6,000 orang. Ramai penduduk Kedah telah pindah ke Pulau Pinang dan Seberang Perai. Tetapi apabila baginda balik semula menjadi raja Kedah, ramailah orang-orang Melayu Kedah yang pindah ke Pulau Pinang dan Seberang Prai itu kembali ke negeri Kedah. Sultan Ahmad Tajuddin bersemayam di istana baginda di Alor Setar.

Lebih kurang dua tahun selepas mangkat Tunku Abdullah, pada bulan April tahun 1843, bersamaan dengan bulan Rabiulawal tahun 1259 H, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II pun mangkat di Alor Setar. Jenazah almarhum dimakamkan di Kota Langgar dan almarhum digelar "Marhum Melaka".

23. SULTAN ZAINAL RASHID MUAZZAM SHAH I, 1843 – 1854.

Setelah mangkat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (Marhum Melaka) pada tahun 1843, puteranya Tunku Zainal Rashid dilantik menjadi Sultan Kedah yang kedua puluh tiga bergelar Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I. Baginda bersemayam di Alor Setar juga.

Mengikut syor Tunku Anum Paduka Raja Jambangan, Sultan Kedah yang baharu ini telah memberitahu Raja Siam dan juga kepada Gabenor

Inggeris di Pulau Pinang berkenaan dengan hal-hal yang berlaku di negeri Kedah iaitu: (i) Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II telah mangkat; (ii) Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I telah dilantik menjadi Sultan Kedah; (iii) Daerah Kubang Pasu diberikan kepada Tunku Anum Paduka Raja Jambangan; (iv) Daerah Kayang diberikan kepada Syed Husain Jamalulail, dan (iv) Daerah Setul telah diberikan kepada Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang).

Utusan Sultan Kedah yang pulang dari Siam telah diberi oleh Raja Siam membawa pakaian rasmi untuk Sultan Kedah. Raja Siam juga telah memberi gelaran kepada Sultan Kedah "Phya Saiburi".

Pada bulan Julai tahun 1843 bersamaan dengan bulan Jamadilakhir tahun 1259 H, Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I berangkat ke Setul melihat ayah saudara baginda Tunku Bisnu yang sedang gering. Dalam bulan itu juga Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang) telah mangkat di Setul dan dikebumikan di makam Mambang Segara. Anak Tunku Bisnu yang bernama Tunku Muhammad Akib dilantik menjadi Raja Setul menggantikan almarhum ayahnya.

Pada bulan Ogos tahun 1843 bersamaan dengan bulan Sya'aban tahun 1259 H, Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I bersama-sama dengan Tunku Anum Raja Kubang Pasu, Syed Hussain Jamalullail Raja Kayang (Perlis) dan Tunku Muhammad Akib Raja Setul serta pengiring mereka seramai tujuh belas orang semuanya, berangkat ke negeri Siam untuk mengadap Raja Siam.

Pada bulan Zulhijjah tahun 1259 H baharulah mereka dapat mengadap Raja Siam. Jurubahasa yang bercakap dengan Raja Siam itu ialah Wan Abdullah Luang Kuca Ishak. Pada masa mengadap Raja Siam itulah Sultan Kedah telah diberi gelaran yang lebih tinggi oleh Raja Siam. Tunku Anum, Syed Hussain Jamalullail dan Tunku Muhammad Akib mendapat gelaran "Phya". Semua raja-raja yang mengiringkan Sultan Kedah itu mendapat hadiah daripada Raja Siam.

Pada masa itu juga Raja Siam telah menetapkan: Kedah, Kubang Pasu, Setul dan Kayang (Perlis) menghantar bunga mas yang berasingan tiap-tiap tiga tahun sekali kepada Raja Siam. Bunga mas dari Kedah lima tingkat dan bunga mas dari Kayang, Kubang Pasu dan Setul masing-masing tiga tingkat. Semua bunga mas itu hendaklah dihantar terus kepada Raja Siam, jangan lagi dihantar menerusi Raja Ligor.

Pada bulan Oktober tahun 1847 bersamaan dengan bulan Zulkaidah tahun 1263 H, Sultan Zainal Rashid telah melantik menantu baginda yang bernama Tunku Muhammad Sa'id bin Tunku Abdul Rahman menjadi Raja Muda Kedah. Pulau Langkawi diletakkan di bawah perintah Wan Ismail bin Raja Laksamana Kedah.

Pada 31 Mei tahun 1853 bersamaan dengan 20 Sya'aban tahun 1269 H Tunku Anum Paduka Raja Jambangan, Raja Kubang Pasu mangkat dan dimakamkan di kota Pulau Pisang (ibu daerah Kubang Pasu). Cucu almarhum, Tunku Ishak bin Tunku Muhammad dilantik menjadi Raja Kubang Pasu menggantikan nendanya dan tinggal di Pulau Pisang juga (Tunku Muhammad anak Tunku Anum telah mangkat lebih dahulu). Cucu Tunku Anum seorang lagi bernama Tunku Muhammad Saman bin almarhum Tunku Seri Maha Menteri (menantu Tunku Anum) dilantik menjadi Raja Muda Kubang Pasu.

Setelah menjadi Sultan Kedah selama lebih kurang sebelas tahun, pada 13 Mac tahun 1854 bersamaan dengan 23 Jamadilakhir tahun 1270 H, Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I pun mangkat di istana baginda di Alor Setar dan dimakamkan di Kota Langgar. Almarhum digelar "Marhum Kota Setar III".

24. SULTAN AHMAD TAJUDDIN MUKARRAM SHAH, 1854 – 1879.

Setelah mangkat Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I (Marhum Kota Setar III) pada tahun 1854, menantunya Tunku Muhammad Sa'id, Raja Muda, menuntut hendak menjadi Sultan Kedah. Tetapi Wan Ismail (ayah Wan Muhammad Saman), Wan Ibrahim, Wan Muhammad Taib Temenggung Anggota Desa serta Orang besar-besar yang kanan di negeri Kedah telah melantik Tunku Ahmad Tajuddin putera almarhum Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah I menjadi Sultan Kedah yang kedua puluh empat bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Perlantikan baginda menjadi Sultan Kedah telah diberitahu kepada Raja Siam. Wan Hajar (adik Wan Muhammad Saman) anak Wan Ismail dikahwinkan dengan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.

Raja Siam memberi gelaran yang tinggi kepada Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Gabenor Negeri-Negeri Selat pula telah meminjamkan kepada baginda wang sebanyak $5,000 dan berjanji akan memberi pertolongan kepada baginda memajukan negeri Kedah. Pendeknya baginda dapat menarik kepercayaan Raja Siam dan bersahabat baik pula dengan orang Inggeris di Negeri-Negeri Selat.

Pada 25 Disember tahun 1855 bersamaan dengan 15 Rabiulakhir tahun 1272 H, Sultan Ahmad Tajuddin serta sebilangan ramai Orang besar-besar Kedah telah berangkat untuk mengadap Raja Siam. Di negeri Siam, Sultan Ahmad Tajuddin telah berkahwin dengan anak angkat Raja Siam yang bernama Wan Jah binti Long Nik Abidin (berasal dari Raja Patani). Pada 23 Julai tahun 1856 atau 20 Zulhijjah

tahun 1272 H, Sultan Kedah dan rombongan baginda yang melawat Siam itu telah kembali ke negeri Kedah. Pada masa pemerintahan baginda inilah, di antara tahun 1856 — 1857 ramai saudagar Cina berniaga di Kedah terutama di pekan Kuala Muda. Dalam tahun itulah pekan Kuala Muda mula dibuka. Pada tahun 1858 atau tahun 1275 H, baginda telah membuka jalan raya dari Kota Setar sampai ke Anak Bukit.

Pada bulan September tahun 1859 bersamaan bulan Safar tahun 1276 H, Sultan Ahmad Tajuddin telah melantik adinda baginda Tunku Dhiauddin (disebut juga namanya Tunku Kudin) menjadi Raja Muda Kedah. Pada 12 Mei tahun 1861 bersamaan 2 Zulkaidah tahun 1277 H, sebuah Sekolah Jawi (Sekolah Melayu) mula ditubuhkan di tempat yang bernama Padang Lepai dalam daerah Kota Setar bagi tempat belajar anak raja-raja dan anak baik-baik di negeri Kedah. Gurunya dibawa dari Singapura bernama Cikgu Ali Mu'min Munshi.

Pada tahun 1863 atau tahun 1279 H, seorang Belanda yang memeluk agama Islam bernama Abdul Rahman telah datang ke negeri Kedah dan berkhidmat dengan kerajaan Kedah mengajar askar-askar Sepai di negeri Kedah berkawad. Pada tahun 1863 ini juga atau tahun 1280 H, Sultan Kedah membeli sebuah kapal layar bertiang dua.

Pada hari Sabtu, 4 Jun tahun 1864 bersamaan 28 Zulhijjah tahun 1280 H, Wan Hajar isteri Sultan Kedah itu berputerakan seorang anak lelaki yang dinamakan Tunku Abdul Hamid. Pada bulan November tahun 1864, Tunku Ishak bin Tunku Muhammad, cucu Tunku Anum yang memerintah di daerah Kubang Pasu telah menyerahkan balik daerah itu kepada Sultan Kedah dan daerah itu dimasukkan semula ke dalam negeri Kedah. Penyerahan itu telah dipersetujui oleh Raja Siam.

Sultan Ahmad Tajuddin berangkat lagi ke negeri Siam mengadap Raja Siam. Peristiwa ini berlaku pada bulan Januari 1865. Dalam pelayaran balik ke Kedah baginda telah singgah ke Ligor. Tunku Akil anak Tunku Sulaiman bin Tunku Yaakub (Tunku Embun) yang tinggal di Ligor telah dibenarkan oleh Sultan Kedah balik dan tinggal di negeri Kedah.

Pada tahun 1866, Raja Singgora (Songkhla) mula membina jalan raya dari Singgora hingga ke negeri Kedah. Pada masa itu semakin banyak perniagaan dijalankan di antara Singgora dengan negeri Kedah. Pada tahun itu juga Sultan Kedah melantik seorang Cina bernama Ah Seng menjadi Kapitan Cina di negeri Kedah. Ah Seng ialah Kapitan Cina yang pertama di negeri Kedah. Kemudian, Ah Saw dilantik pula menjadi Kapitan Cina dan digelar "Kapitan Wijaya Bisara" oleh Sultan Kedah. Pada tahun 1870, Sultan Kedah telah memberi beberapa kawasan tanah kepada saudagar-saudagar Cina dan menyuruh mereka membuka kebun-kebun kopi dan cengkih. Oleh sebab itu ramailah pe-

kerja Cina dan India yang datang ke negeri Kedah. Pada masa itu dua buah jambatan batu telah didirikan di Sungai Raja dan di Sungai Alor Merah. Kira-kira pada masa ini juga Sultan Kedah telah melantik Wan Muhammad Saman menjadi Perdana Menteri Kedah dan Wan Mahmud menjadi Hakim. Baginda telah membeli pula sebuah kapal roda lambung bagi kegunaan baginda sendiri. Pada masa ini juga Tunku Dhiauddin (Tunku Kudin) Raja Muda Kedah itu bersahabat dengan seorang bernama Muhammad Zain yang tinggal di Singapura (ia dilahirkan di Pulau Pinang).

Pada bulan Jun tahun 1872 berlaku lagi pergaduhan di Selangor yang dibangkitkan oleh Raja Mahadi bin Raja Sulaiman menentang Sultan Abdul Samad, Sultan Selangor. Tunku Dhiauddin (Tunku Kudin) telah pergi ke negeri Selangor lalu berkahwin dengan puteri Sultan Abdul Samad. Sultan Abdul Samad telah melantik menantunya Tunku Dhiauddin (Tengku Kudin) menjadi "Wakil Baginda" memerintah negeri Selangor. Oleh sebab itu dalam pergaduhan di negeri Selangor Tunku Kudin (Tunku Dhiauddin) menyebelahi mertuanya Sultan Abdul Samad 'yang dibantu pula oleh orang Inggeris di Negeri-Negeri Selat.

Tunku Kudin (Tunku Dhiauddin) telah dimurkai oleh kekandanya Sultan Kedah (Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah) kerana mencampuri hal pergaduhan di negeri Selangor itu. Oleh kerana itu Tunku Kudin dilucutkan dari jawatan Raja Muda Kedah. Sultan Kedah telah melantik adinda baginda Tunku Yaakub menjadi Raja Muda Kedah menggantikan Tunku Kudin (Tunku Dhiauddin).

Pada bulan Ogos tahun 1873, kerajaan Kedah telah menghantar sebilangan ramai orang Melayu Kedah ke Tongkah membantu kerajaan Siam memadamkan rusuhan pemberontakan orang-orang Cina di sana dan orang-orang Melayu Kedah telah berjaya memadamkan rusuhan itu. Pada bulan April tahun 1874, Raja Siam melawat Kedah selama enam hari. Apabila Raja Siam balik ke Bangkok dia diiringi oleh Tunku Yaakub Raja Muda Kedah. Di Bangkok, Raja Siam telah menggelar Tunku Yaakub "Phya Saraponpipit".

Pada bulan April tahun 1875, putera Sultan Kedah dengan isterinya Wan Jah yang bernama Tunku Zainal Rashid (Tunku Putera) dikahwinkan dengan Tunku Mariam anak Tunku Kudin (Tunku Dhiauddin). Dalam bulan Disember tahun 1876, Sultan Ismail, sultan (Perak) yang lari dari negeri Perak dikejar oleh orang Inggeris setelah berlaku pembunuhan J.W.W Birch (Residen British yang pertama di negeri Perak) telah sampai dan masuk ke kota Kuala Muda dengan kebenaran Sultan Kedah. Tetapi pada bulan Januari tahun 1877, Sultan Kedah telah menyerahkan Sultan Ismail kepada kerajaan di Pulau Pinang.

Pihak Inggeris telah membawa Sultan Ismail ke Singapura lalu diasingkan ke negeri Johor sebagai orang buangan.

Pada bulan Disember tahun 1877 itu juga, Sultan Kedah telah berangkat ke Trang untuk bermesyuarat di sana dengan pegawai-pegawai kerajaan Siam kerana hendak membunuh Phya Ku Kiat ketua orang Cina di situ yang menderhaka melawan Raja Siam. Setelah bersemayam di atas takhta kerajaan negeri Kedah selama lebih kurang 25 tahun, pada 22 Jun tahun 1879, Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah pun mangkat di Istana Kota Setar dan dimakamkan di Kota Langgar.

Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah dengan isteri-isteri baginda Wan Hajar dan Wan Jah meninggalkan beberapa orang putera dan puteri.

Putera-putera Wan Hajar ialah:

(1) Tunku Aminah — 1859.
(2) Tunku Rokiah — 1862.
(3) Tunku Abdul Hamid — 1864.
(4) Tunku Hafsah — 1866.
(5) Tunku Abdul Aziz atau Tunku Nong atau Tunku Bisnu — 1870.
(6) Tunku Asiah (Tunku Putih) — 1870.
(7) Tunku Jiwa — 1874.
(8) Tunku Mahmud — 1876.

Putera-putera dari Wan Jah ialah:

(1) Tunku Zainal Rashid (Tunku Putera) — 1857.
(2) Tunku Jahara — 1862.
(3) Tunku Kasim — 1863.
(4) Tunku Abdul Jalil — 1864.
(5) Tunku Zainal Rashid — 1870.
(6) Tunku Mardhiah — 1872.

25. SULTAN ZAINAL ABIDIN MUAZZAM SHAH II, 1880 — 1881.

Setelah mangkat Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah pada bulan Jun 1879, dalam bulan Ogos tahun 1879 bersamaan bulan Ramadan tahun 1296 H, satu rombongan Raja-raja dan Orang besar-besar Kedah serta putera-putera almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah iaitu Tunku Zainal Rashid (Tunku Putera, anak Wan Jah), dan Tunku Abdul Hamid (anak Wan Hajar) dan juga Muhammad kerani sulit Sultan Kedah, berangkat ke Bangkok mengadap Raja Siam kerana hendak menentukan orang yang akan menjadi Sultan Kedah.

Pada bulan Januari tahun 1880 bersamaan bulan Safar tahun 1297H, di istana Raja Siam, Raja Siam telah melantik Tunku Zainal Rashid (Tunku Putera) menjadi Sultan Kedah bergelar Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah II dan Tunku Abdul Hamid (anak Wan Hajar) menjadi Raja Muda Kedah. Setelah itu rombongan Diraja Kedah pun berangkat balik ke negeri Kedah.

Di Kedah, Sultan telah menetapkan Wan Muhammad Saman menjadi Perdana Menteri Kedah dan Tunku Jusuh dan Tunku Abdullah menjadi Hakim Besar. Setelah lebih kurang hanya dua tahun menjadi Sultan Kedah, pada 22 September tahun 1881 bersamaan dengan bulan Syawal tahun 1298 H, Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah II pun mangkat di istana Kota Setar dan dimakamkan di Kota Langgar. Almarhum meninggalkan dua orang putera bernama Tunku Putera berumur 16 tahun dan Tunku Abdul Hamid berumur 12 tahun.

26. SULTAN ABDUL HAMID SHAH, 1882 – 1934.

Setelah mangkat Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah II, tiga orang saudara almarhum bernama Tunku Yusuf, Tunku Dhiauddin dan Tunku Yaakub telah memberitahu kepada C.J. Irving, Pemangku Leftenan Gabenor di Pulau Pinang supaya saudara mereka yang bernama Tunku Dhiauddin dilantik menjadi Pemangku Raja Kedah sementara dilantik Sultan Kedah yang baharu; pada hal masa itu Tunku Abdul Hamid menjadi Raja Muda Kedah. Oleh sebab itu keadaan negeri Kedah belum lagi teratur dengan baik.

Pada bulan Oktober tahun 1881 bersamaan dengan bulan Syawal tahun 1298 H, setelah sebulan almarhum Sultan Zainal Rashid II mangkat, Tunku Dhiauddin (Tunku Kudin) datang dari Selangor membawa putera-putera almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah iaitu Tunku Kassim (putera Wan Jah), Tunku Abdul Hamid Raja Muda (putera Wan Hajar), Tunku Abdul Jalil (putera Wan Jah) dan Tunku Bahadur pergi ke Bangkok untuk mengadap Raja Siam.

Setelah lima bulan putera raja-raja Kedah itu berada di negeri Siam, pada 23 Mac tahun 1882 dengan persetujuan Raja Siam, Tunku Abdul Hamid, Raja Muda Kedah dilantik menjadi Sultan Kedah bergelar Sultan Abdul Hamid Halim Shah menggantikan kekandanya almarhum Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah II.

Pada 7 November tahun 1882 bersamaan tahun 1299 H, Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah yang baharu dilantik sampai di Kedah dan disambut oleh Orang besar-besar dan rakyat Kedah dengan penuh kemuliaan. Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail tetap juga

memegang jawatan Perdana Menteri Kedah.

Dalam bulan Disember tahun 1885 bersamaan tahun 1303 H, dengan persetujuan Sultan Abdul Hamid Shah, Wan Muhammad Saman telah berusaha membuat terusan air bagi mengairi sawah padi dari Kota Setar sampai ke Gurun dan terusan ini dikenali dengan nama "Terusan Wan Muhammad Saman".

Sejak Sultan Abdul Hamid Shah menjadi Sultan Kedah baginda sangat ingin hendak memajukan kerajaan Kedah. Dengan tujuan itulah baginda telah mengambil ketetapan hendak melawat ke lain-lain negeri memerhatikan hal ehwal dan keadaan di negeri-negeri itu. Pada tahun 1885 baginda telah melawat negeri Perak sambil memerhatikan cara pemerintahan di negeri itu dan mencontohi mana-mana yang baik untuk dijalankan di negeri Kedah. Baginda juga telah melawat Singapura. Pemangku Gabenor di Singapura, Cecil Clementi Smith berkata: "beliau ialah seorang Raja Melayu yang masih muda yang datang berjumpa saya dua tiga kali di Singapura dan seorang Raja Melayu jiran kita yang mempunyai harapan yang sangat besar".

Untuk mendapatkan faedah yang lebih banyak dari perhubungan dengan pihak Inggeris, Sultan Abdul Hamid Shah dan Raja Muda Kedah (Tunku Abdul Aziz) telah mempelajari bahasa Inggeris. Baginda telah melantik seorang guru bahasa Inggeris mengajar baginda kedua. Pada masa Sir Frank Swettenham melawat negeri Kedah dia mendapati "kedua orang raja itu (Sultan dan Raja Muda) tidak pernah tinggal belajar"; bahkan sekalian kerabat Diraja Kedah mempelajari bahasa Inggeris bersungguh-sungguh.

Dalam bulan Jun tahun 1888 bersamaan tahun 1305 H, berlakulah pergaduhan kongsi gelap Cina di Kulim. Sultan Abdul Hamid dan Tunku Yaakub telah pergi ke Kulim memberhentikan pergaduhan itu. Pada tahun 1890 atau tahun 1307 H, Sultan Abdul Hamid Halim Shah serta bonda baginda Wan Hajar (Wan Besar) telah berangkat ke Bangkok. Sultan Abdul Hamid telah dikurniakan oleh Raja Siam bintang kebesaran "Bintang La Dawadi". Adinda baginda yang bernama Tunku Mahmud tinggal di negeri Siam kerana melanjutkan pelajarannya. Pada tahun itu juga kerajaan Kedah telah mengorek sebatang sungai dari Alor Changleh dalam daerah Kubang Pasu sampai ke Sungai Jerlun.

Sultan Kedah beserta pengiring baginda telah melawat ke Rangoon (ibu negeri Burma) dalam tahun 1892 dengan kapal baginda yang bernama "Good Luck". Di Burma baginda telah melawat sampai ke Mandalay. Pada bulan Mei tahun itu juga Sultan Abdul Hamid dan Wan Muhammad Saman Perdana Menteri serta pengiring baginda berangkat lagi melawat negeri Siam. Adinda baginda Tunku Abdul Aziz tinggal

memerintah di negeri Kedah sebagai Pemangku Raja.

Pada bulan November tahun 1893, Sultan Abdul Hamid serta pengiring baginda menaiki kapal Good Luck belayar ke negeri Siam dan singgah di Singapura, Pahang, Trengganu dan Kelantan. Di negeri Siam baginda telah dikurniakan pula oleh Raja Siam bintang kebesaran "Ordawari". Baginda balik semula ke negeri Kedah dalam bulan Disember tahun itu juga.

Pada tahun 1895, Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah gering teruk. Pentadbiran kerajaan Kedah dijalankan oleh Perdana Menteri Wan Muhammad Saman dengan dibantu oleh Raja Muda Kedah (Tunku Abdul Aziz, adik baginda, putera Wan Hajar). Setelah sembuh daripada gering, pada bulan Januari tahun 1896, Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah berangkat melawat ke negeri Patani untuk mengetahui hal ehwal di negeri itu. Baginda telah melawat ke Tiba, Nongcik, Cenik, Kuala Bekah, Legih, Yala dan Reman. Baginda balik ke negeri Kedah pada bulan Mac tahun 1896. Lebih kurang sebulan selepas itu iaitu pada bulan Mei tahun 1896, Sultan Abdul Hamid gering lagi. Pemerintahan kerajaan Kedah dipangku oleh adinda baginda Tunku Abdul Aziz, Raja Muda Kedah. Pada 14 Disember tahun 1898, Wan Muhammad Saman Perdana Menteri Kedah telah meninggal dunia. Oleh sebab itu tanggungjawab menjalankan pentadbiran kerajaan Kedah ditanggung oleh Tunku Abdul Aziz (Raja Muda). Beliau ialah seorang pentadbir yang berkebolehan dan banyak jasanya kepada kerajaan Kedah.

Pada tahun 1902, jalan raya mula dibuat dari simpang Jitra ke Perlis di bawah kelolaan Wan Yahya, Pegawai Daerah Canglon. Pada bulan Oktober tahun 1903, Sultan Abdul Hamid berangkat lagi ke negeri Siam kerana menghadiri jamuan Diraja di Bangkok.

Pada tahun 1904, Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah mengadakan istiadat perkahwinan anak-anak raja Kedah di Alor Setar iaitu perkahwinan:

(1) Tunku Ibrahim dengan Tunku Aishah puteri Tunku Abdul Aziz (Raja Muda).

(2) Tunku Zainal Rashid (Tunku Da'i) dengan Tunku Nyan puteri Tunku Bahadur.

(3) Tunku Jamjam (Tunku Pok) dengan Tunku Abdul Hamid putera Tunku Abdullah.

(4) Tunku Rokiah dengan Tunku Muhammad Ariffin.

(5) Tunku Jura dengan Syed Zahir cucu Tunku Ismail.

Dalam bulan Julai tahun 1905, Tunku Abdul Aziz (Raja Muda Kedah) telah dilantik menjadi President State Council Kedah; dan W.F. Williamson dihantar oleh kerajaan Siam ke Kedah menjadi Penasihat Kewangan Kerajaan Kedah. Dalam bulan Ogos tahun 1905 kerajaan Siam telah menghantar pula J.C. Hart ke negeri Kedah menjadi Penasihat Kewangan menggantikan W.F. Williamson. Meadows-Frost datang ke negeri Kedah menjadi British Consul di negeri Kedah pada 24 Januari 1906. Dalam tahun ini juga Tunku Abdul Aziz, Raja Muda Kedah mula membuka pejabatnya di Balai Besar, Alor Setar.

Pada 30 Mei tahun 1907 bersamaan dengan 18 Rabiulakhir tahun 1325 H, Tunku Abdul Aziz Raja Muda Kedah yang pandai dan berusaha itu telah mangkat di istananya di Pompong. Almarhum dimakamkan di Kota Langgar. Pada 4 haribulan Jun tahun 1907 bersamaan 20 Rabiulakhir tahun 1325 H, Sultan Abdul Hamid Halim Shah melantik adinda baginda Tunku Mahmud menjadi Raja Muda Kedah dan President State Council Kedah menggantikan Tunku Abdul Aziz. Pada tahun ini juga Sultan Kedah mendirikan beberapa buah jambatan besi dan beberapa buah bangunan kerajaan. Pada tahun 1907 itu juga Sultan Abdul Hamid melantik putera baginda yang bernama Tunku Ibrahim menjadi Inspektor-Jeneral iaitu Ketua Polis Negara bagi seluruh negeri Kedah. Dalam bulan Ogos tahun 1908 Sultan Abdul Hamid telah merasmikan pembukaan jambatan besi di Kepala Batas. Lebih kurang sebulan selepas itu, iaitu pada bulan Oktober tahun 1908, Tunku Mahmud Raja Muda dan President State Council Kedah berangkat ke Bangkok mewakili Sultan Kedah menghadiri jamuan makan Diraja kerajaan Siam. Raja Siam telah memberi Tunku Mahmud bintang-bintang kebesaran kerajaan Siam. Sebulan selepas itu iaitu pada bulan Disember tahun 1908, Sultan Kedah dan J.C. Hart telah menerima bintang-bintang kebesaran dari Raja Siam.

Pada 6 Jun tahun 1909, Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah menerima surat bertarikh 31 Mei 1909 daripada Sir John Anderson, Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura menyatakan kepada Sultan Kedah iaitu menurut surat Perjanjian yang telah diperbuat di antara kerajaan British dengan kerajaan Siam, kerajaan Siam telah menyerahkan kerajaan Kedah bernaung di bawah perintah kerajaan British. Pada 20 Jun tahun 1909 itu juga. W.F. Williamson datang ke Kedah menjadi Penasihat British menggantikan J.C. Hart.

Pada 11 Julai tahun 1909, baharulah Tunku Muhammad Raja Muda Kedah, Tunku Ibrahim Inspektor-Jeneral dan Encik Muhammad Ariffin Setiausaha Kerajaan Kedah memberitahu dengan rasmi kepada

Kedah bahawa kerajaan Siam telah menyerahkan kerajaan Kedah bernaung ke bawah perintah kerajaan British. Empat hari selepas itu iaitu pada 15 Julai tahun 1909 seorang penasihat British bernama W.G. Maxwell dilantik menjadi Penasihat British di negeri Kedah menggantikan W.F. Wiliamson. Dan tiga hari selepas itu iaitu pada 18 Julai tahun 1909 Sultan Abdul Hamid menandatangani surat yang menentukan sempadan di antara negeri Kedah dengan negeri Siam. W.G. Maxwell memberitahu baginda pada 27 Julai tahun 1909 bahawa tempat yang bernama Sadao dekat sempadan negeri Kedah itu adalah dalam perintah Singgora (Songkhla).

Sir John Anderson, Gabenor Negeri-Negeri Selat dari Singapura datang melawat Kedah dan berjumpa dengan Sultan Kedah pada 7 Ogos 1908. Dalam perjumpaan itu antara lain mereka telah bercakap mengenai sempadan di antara negeri Kedah dengan negeri Siam dan juga mengenai sistem pemerintahan negeri Kedah. Gabenor itu telah memberi beberapa cadangan kepada baginda. Pada 1 Disember tahun 1909 kerajaan Kedah telah mengadakan mesyuarat di antara pegawai-pegawainya untuk mengadakan setem di negeri Kedah.

Pada bulan Oktober tahun 1909, Sultan Abdul Hamid menetapkan iaitu "Bunga Mas" yang biasa dihantar oleh kerajaan Kedah kepada Raja Siam hendaklah juga dihantar kepada gabenor Inggeris di Singapura supaya disampaikan kepada Raja Inggeris. Pada bulan Mac tahun 1910, Sultan Abdul Hamid telah menerima surat ucapan terima kasih daripada pihak Inggeris atas "Bunga Mas" yang dihantar oleh kerajaan Kedah kepada Raja Inggeris itu.

Tunku Ibrahim mula menjadi ahli dalam State Council Kedah pada bulan November tahun 1910. Pada 20 Mei tahun 1911, Sultan Abdul Hamid Shah dan Tunku Mahmud Raja Muda Kedah serta pengiring baginda telah bertolak dengan kapal-mail bernama "Gibralter" dari pelabuhan Pulau Pinang menuju ke benua Eropah. Tunku Ibrahim tinggal memerintah Kedah. Pada masa Sultan Kedah melawat England dalam tahun 1911 ini, baginda bersemayam di Hotel Cecil di London dan turut hadir dalam istiadat kemahkotaan King George V Raja England.

Pada 7 Julai tahun 1911, Sultan Abdul Hamid dan rombongan baginda telah bertolak dari England (dari Dover) menyeberangi Selat Inggeris pergi ke negeri Perancis dan berkeretapi sepanjang negeri Perancis hingga sampai ke pelabuhan Marseilles di selatan negeri Perancis. Dari situ baginda belayar dengan kapal-mail menuju ke timur lalu sampai ke Pulau Pinang. Dari Pulau Pinang beliau naik kapal yang bernama "Seri Kedah" dan sampai balik ke negeri Kedah pada 28 Julai tahun 1911. Empat hari selepas itu iaitu pada 3 Ogos tahun 1911, Sul-

tan Abdul Hamid telah menerima bintang kebesaran K.C.M.G. dari kerajaan British. Pada 9 Oktober tahun 1911, W.G. Maxwell mula bercuti panjang dan Meadows-Frost memangku sementara jawatan Penasihat British di Kedah.

Pada tahun 1912 sekali lagi Sultan Abdul Hamid jatuh gering. Putera sulung baginda Tunku Ibrahim diisytiharkan menjadi Pemangku Raja Kedah. Dalam bulan Julai tahun 1913, Sir Arthur Young, Gabenor Negeri-Negeri Selat dari Singapura telah sampai ke negeri Kedah. Dalam suatu istiadat yang telah diadakan di Alor Setar, gabenor itu telah menjalankan perlantikan Tunku Ibrahim sebagai Pemangku Raja Kedah. Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Sidek, Kadhi Besar Kedah telah membacakan doa selamat dalam istiadat itu.

Pada bulan Jun tahun 1914, Welferson mula menjadi Penasihat British di negeri Kedah menggantikan W.G. Maxwell. Hall menggantikan Welferston sebagai Penasihat British di negeri Kedah pada bulan April tahun 1915. Pada bulan Julai tahun 1919, MacArthur menggantikan Hall dan pada bulan Jun tahun 1920, Frederick James Halifax pula menggantikan MacArthur.

Pada bulan Jun tahun 1920 itu juga, Tunku Ibrahim Pemangku Raja Kedah bertolak melawat Jawa melalui Singapura. Dalam lawatan itu, Tunku Ibrahim telah melawat Surabaya, Tosari, Bromo, Pasuran, Kediri, Solo, Semarang, Pekalungan, Tegal, Ceribon, Bandung, Garut, Lembang, Sukabumi, Bogor dan Djakarta. Dari Djakarta baginda belayar ke Singapura dan di Singapura Tunku Ibrahim menginap di Raffles Hotel. Beliau bertolak dari Singapura sampai ke negeri Kedah pada 20 Ogos tahun 1920.

Pada bulan Februari tahun 1921, MacArthur datang lagi ke negeri Kedah menjadi Penasihat British, tetapi dalam bulan April tahun 1922 ia digantikan oleh Penasihat British, William Peel. Pada 25 September tahun 1923, Gabenor Sir Laurence Guillemard, Gabenor Negeri-Negeri Selat bagi pihak kerajaan British telah membuat surat perjanjian dengan kerajaan Kedah. Tunku Ibrahim Pemangku Raja Kedah dengan diiringi oleh William Peel telah berangkat ke Singapura bagi menetapkan perjanjian di antara kerajaan Kedah dengan kerajaan British. Surat perjanjian itu telah ditandatangani oleh Tunku Ibrahim di Singapura pada 1 November tahun 1923. Pada 23 November tahun 1923 itu juga, Ekhart mula menjadi Penasihat British di negeri Kedah menggantikan William Peel. Dua minggu kemudian iaitu pada 8 Disember 1923, Holford Wolff pula menjadi Penasihat British di negeri Kedah menggantikan Ekhart.

Pada bulan Februari tahun 1924, Tunku Mahmud telah menerima

bintang kebesaran C.M.G. dari kerajaan British. Sementara itu Tunku Ibrahim bertolak melawat ke benua Eropah dalam bulan Mei tahun 1924. Pada bulan itu juga, William Peel datang semula menjadi Penasihat British di negeri Kedah. Dalam bulan Jun tahun 1924, ketika berada di England, Tunku Ibrahim telah diberi oleh King George V Raja Inggeris bintang kebesaran C.V.O. dan melawat pameran besar British Empire Exhibition di Wembley. Baginda juga telah melawat beberapa buah daerah di England. Setelah melawat Perancis, pada 9 Oktober tahun 1924 Tunku Ibrahim pun sampai balik ke negeri Kedah.

Pada bulan Mac tahun 1925, Humpreys menjadi Penasihat British di negeri Kedah menggantikan William Peel. Dalam bulan Ogos tahun itu juga, Tunku Mahmud dengan membawa Tunku Pengeran putera Sultan Kedah serta puteranya sendiri bernama Tunku Ahmad telah pergi ke benua Afrika kerana hendak menyerahkan Tunku Pengeran belajar bahasa Arab dan Inggeris di Khartum, ibu negeri Sudan. Sementara Humpreys bercuti panjang, Helps datang menjadi Penasihat British di negeri Kedah. Pada bulan Disember tahun 1925, Sidney Haynes mula menjadi Penasihat British menggantikan Humpreys. Humpreys telah digantikan oleh T.W. Clayton pada awal tahun 1926.

Pada tahun 1934, dengan tidak disangka-sangka Tunku Ibrahim telah mangkat. Tunku Mahmud dilantik menggantikannya menjadi Pemangku Raja Kedah. Setelah tiga tahun memangku jawatan itu pada tahun 1937, Tunku Mahmud pula mangkat. Tunku Badlishah putera Sultan Abdul Hamid Halim Shah dilantik menjadi pemangku Raja Kedah.

Apabila tentera Jepun menyerang Malaya pada bulan Disember tahun 1941, kerajaan British dan pihak berkuasa Tentera British yang ada di Malaya memerintahkan supaya Sultan Abdul Hamid Halim Shah, dibawa dengan kapal konvoi British ke Pulau Pinang. Tetapi putera baginda Tunku Abdul Rahman Putera telah "menculik" baginda dengan mengatakan "perintah telah bertukar dengan serta-merta", dan Tunku Abdul Rahman Putera telah menyembunyikan ayahandanya Sultan Abdul Hamid Halim Shah di Kulim dengan tujuan supaya ayahnya sebagai Sultan Kedah ada bersama-sama rakyat baginda dalam masa kecemasan. Setelah menjadi Sultan Kedah lebih kurang selama 62 tahun, pada 13 Mei tahun 1943, Sultan Abdul Hamid Halim Shah pun mangkat di Alor Setar.

Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah dengan isteri-isteri baginda yang bernama Cik Sepa Cendera, Cik Larasih (Paduka Bonda), Sharifah Mariam, Cik Manja Lara dan lain-lain meninggalkan beberapa orang putera-puteri iaitu:

(1) Cik Sepa Cendera berputerakan:
1. Tunku Ibrahim, diputerakan pada bulan Jun, 1885.
2. Tunku Rokiah, Ogos 1890.
3. Tunku Fatimah, Jun 1892.
4. Tunku Kasim, September 1897.

(2) Cik Larasih (Paduka Bonda) berputerakan
5. Tunku Zainal Rashid, November 1885.
6. Tunku Mansur, Mac 1889.
7. Tunku Jora, November 1891.
8. Tunku Nur, Mac 1894.
9. Tunku Sofiah, Julai 1899.

(3) Sharifah Mariam berputerakan
10. Tunku Ahmad, September 1888.

(4) Cik Manja Lara berputerakan
11. Tunku Yusuf, Disember 1890.
12. Tunku Kalthum, Januari 1893.
13. Tunku Muhammad Jiwa, Oktober 1894.
14. Tunku Abdul Rahman (Tunku Putera), 8 Februari 1903.
15. Tunku Bahadur, April 1904.
16. Tunku Aminah, Mei 1906.
17. Tunku Dakiah, Mac 1911.
18. Tunku Zabedah, November 1912.

(5) Cik Safiah berputerakan
19. Tunku Mahmud, Disember 1890.
20. Tunku Badlishah, Mac 1894.
21. Tunku Don, September 1897.

(6) Sharifah Seha berputerakan
22. Tunku Abdullah Thani, Oktober 1894.
23. Tunku Pengeran, Mei 1908.
24. Tunku Balkis, Mei 1910.

(7) Sharifah Fatimah berputerakan
25. Tunku Yaakub, Disember 1899.
26. Tunku Hajar, Ogos 1901.
27. Tunku Yahya, Julai 1903.
28. Tunku Abdul Majid (Tunku Endut), Mei 1905.
29. Tunku Zainal Abidin Thani, Disember 1906.
30. Tunku Muhammad Syu'ib, Jun 1909.

27. SULTAN BADLISHAH, 1943 – 1958

Setelah mangkat Sultan Abdul Halim Shah pada 13 Mei tahun 1943, esoknya iaitu pada 14 Mei tahun 1943, putera almarhum yang bernama Tunku Badlishah yang menjadi Pemangku Raja Kedah sejak tahun 1937, dilantik menjadi Sultan Kedah yang kedua puluh tujuh bergelar Sultan Badlishah. Perlantikan baginda adalah dengan persetujuan pihak berkuasa Tentera Jepun yang sedang memerintah di seluruh Malaya.

Apabila pihak berkuasa British balik semula ke Malaya pada bulan September tahun 1945 iaitu setelah kerajaan Jepun menyerah kalah kepada Amerika Syarikat, British dan sekutunya, pihak British telah mengakui Sultan Badlishah sebagai Sultan Kedah.

Sultan Badlishah adalah sultan yang menjalankan pemerintahan dengan tegas. Sebelum baginda menjadi Sultan, baginda telah memegang beberapa jawatan kerajaan. Oleh sebab itu apabila baginda menjadi Sultan, baginda telah mempunyai kemahiran menjalankan pentadbiran kerajaan. Baginda sampai ke pejabat baginda tepat pada waktu mula bekerja. Mula-mula baginda membaca semua surat-surat dalam fail yang terletak di atas meja baginda dengan cermat dan berhati-hati. Tetapi cara pertadbiran baginda ialah mengikut cara "feudal". Jawatan-jawatan kerajaan yang baik di negeri Kedah diberikan baginda kepada ahli-ahli dalam kerabat Diraja. Baginda menjalankan pemerintahan Kedah seperti almarhum ayahanda baginda juga. Semua kerja pertadbiran kerajaan diberikan kepada orang Melayu Kedah. Tidak ada seorang pun orang Eropah yang menjadi Pegawai Daerah. Pegawai bangsa Eropah hanya ada dalam bahagian-bahagian teknik. Sultan Badlishah tidak suka "merdeka", tetapi tidaklah baginda membangkang atau menghalang apabila Malaya menuntut kemerdekaan dari British yang dipimpin oleh saudaranya Tunku Abdul Rahman Putera. Beberapa lama setelah Malaya merdeka, baharulah baginda yakin bahawa Malaya boleh berdikari sebuah negara yang merdeka.

Setelah menjadi Sultan Kedah selama lebih kurang lima belas tahun, pada hari Ahad, pukul 7.30 malam 13 Julai tahun 1958, Sultan Badlishah pun mangkat di Alor Setar dan dimakamkan di situ juga.

28. SULTAN ABDUL HALIM MUAZZAM SHAH, 1958 – KINI

Setelah mangkat Sultan Badlishah pada tahun 1958, puteranya yang bernama Tunku Abdul Halim dilantik menjadi Sultan Kedah yang kedua puluh lapan bergelar Sultan Abdul Halim Muazzam Shah. Pada 21

September tahun 1970, baginda telah dilantik menjadi Yang Dipertuan Agong Malaysia. Pada masa sejarah ini ditulis baginda telah kembali menjadi Sultan Kedah.

LAMPIRAN

SULTAN-SULTAN KEDAH

1. Sultan Muzaffar Shah I 1136 – 1179
2. Sultan Muazzam Shah 1179 – 1202.
3. Sultan Muhammad Shah 1202 – 1237.
4. Sultan Muzzil Shah 1237 – 1280.
5. Sultan Mahmud Shah I 1280 – 1321.
6. Sultan Ibrahim Shah 1321 – 1373.
7. Sultan Sulaiman Shah I 1373 – 1423.
8. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah I 1423 – 1473.
9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin I 1473 – 1506.
10. Sultan Mahmud (Muhammad) Shah II 1506 – 1547.
11. Sultan Muzaffar Shah II 1547 – 1602.
12. Sultan Sulaiman Shah II 1602 – 1619.
13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah 1619 – 1652.
14. Sultan Muhyiddin Mansur Shah 1652 – 1661.
15. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I 1661 – 1688.
16. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah II 1688 – 1698.
17. Sultan Abdullah Muazzam Shah 1698 – 1706.
18. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I 1706 – 1710.
19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II 1710 – 1778.
20. Sultan Abdullah Mukarram Shah 1778 – 1798.
21. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II 1799 – 1804.
22. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II 1804 – (1821) – 1843.
23. Sultan Zainal Rasyid Muazzam Shah I 1843 – 1854.
24. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah 1854 – 1879.
25. Sultan Zainal Rasyid Muazzam Shah II 1880 – 1881.
26. Sultan Abdul Hamid Halim Shah 1882 – 1943.
27. Sultan Badlishah 1943 – 1958.
28. Sultan Abdul Halim Muazzam Shah 1958 – sedang bertakhta.